



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## TAHUN 2017

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERajaan NEGERI  
**PULAU PINANG**

## SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA  
TAHUN 2017**

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI PULAU PINANG  
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia





## **KANDUNGAN**

---



# KANDUNGAN

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xi	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b><u>BAHAGIAN I</u></b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN</b>
	<b>SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
3	<b>MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG</b> Pengurusan Kawalan Keselamatan Bandar Melalui Penggunaan Kamera Litar Tertutup (CCTV)
27	<b>PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI</b> Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri
59	<b>PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG</b> Penang Global Tourism Sdn. Bhd.
	<b><u>BAHAGIAN II</u></b>
	<b>PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI</b>
	<b>NEGERI</b>
87	<b>PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)</b>
115	<b>PENGAUDITAN MENGEJUT</b>
121	<b>PENUTUP</b>





# KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2017 Siri 1 ini mengandungi dua (2) bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri


3. Laporan ini mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua (2) Jabatan/Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di sembilan (9) Jabatan/Agensi Negeri serta Pengauditan Mengejut di 11 Pejabat/Agensi Negeri. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 25 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan

kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
12 Jun 2018



# **INTISARI LAPORAN**

---



# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

- 1. Pengurusan Kawalan Keselamatan Bandar Melalui Penggunaan Kamera Litar Tertutup (CCTV)**
  - a. Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 15 Disember 1976 dan dinaik taraf menjadi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Majlis) pada 1 Januari 2015. Kawasan pentadbiran Majlis adalah seluas 305.77 kilometer persegi dengan bilangan kepadatan penduduk seramai 722,300 orang. Rangkaian CCTV melibatkan tiga (3) komponen spesifikasi teknikal iaitu sistem transmisi, seni bina sistem dan infrastruktur jaringan serta konfigurasi sistem dan spesifikasi peralatan. Sistem transmisi bertujuan untuk penghantaran imej sama ada melalui kabel atau jalur lebar tanpa wayar (wireless). Seni bina sistem dan infrastruktur jaringan adalah penggunaan campuran kaedah *point to multipoint* atau *point to point* sebagai sokongan serta kaedah *mesh network* di peringkat akhir bagi memperoleh liputan yang optimum. Konfigurasi sistem dan spesifikasi peralatan melibatkan stesen utama yang bertindak sebagai pusat komunikasi/*main server network centre*, pusat kawalan untuk pemantauan serta perhubungan dua (2) hala yang bersifat mesra pengguna, tapak kamera yang dilengkapi dengan kamera dan sistem siar raya untuk pengumuman awam serta sistem penggera dan interkom yang disambung terus kepada pusat kawalan. Objektif pemasangan CCTV Majlis adalah bertujuan mengurangkan kadar jenayah, pemantauan dan penguatkuasaan trafik, pemantauan lampu jalan, pemantauan pembuangan sampah haram dan pemantauan kerja tanah di kawasan bukit. Berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), satu (1) daripada enam (6) bidang ialah mengurangkan kadar jenayah jalanan dan antara strategi yang dilaksanakan di bawah NKRA ini adalah melalui pemasangan Kamera Litar Tertutup atau *Closed Circuit Television* (CCTV) di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
  - b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2017 mendapati pengurusan kawalan keselamatan bandar melalui penggunaan CCTV adalah baik daripada aspek pematuhan prosedur perolehan di mana ia telah dilaksanakan secara tender terbuka serta mencapai objektif dan sasaran Majlis seperti mengurangkan kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan, mengurangkan halangan

lalu lintas, pemberian kerosakan lampu jalan, pembuangan sampah haram serta kerja-kerja tanah di kawasan bukit. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. peralatan di bilik kawalan tidak didaftarkan dan dilabel sebagai aset Majlis;
  - ii. *improper payment* bagi perolehan dan penyenggaraan lapan (8) unit kamera hala tetap fasa dua (2);
  - iii. penyenggaraan berkala tidak meliputi kesemua unit kamera dan *repeater*;
  - iv. sistem log tidak diaktifkan dan data yang dijana tidak lengkap; dan
  - v. latihan tidak mencukupi kepada pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan CCTV.
- c. Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik pengurusan kawalan keselamatan bandar melalui penggunaan CCTV, pihak Audit mengesyorkan Majlis mengambil tindakan seperti berikut:
    - i. memastikan setiap perolehan yang diterima dan bayaran yang dilakukan adalah mengikut kuantiti peralatan dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti di dalam dokumen kontrak serta memastikan kesemua peralatan didaftarkan sebagai aset Majlis dan penyenggaraan berkala dilakukan sepenuhnya;
    - ii. memastikan sistem log merangkumi maklumat-maklumat berkaitan operasi CCTV bagi membolehkan pemantauan dilakukan oleh Majlis; dan
    - iii. memastikan latihan dirancang dan dilaksanakan bagi semua peringkat pengguna supaya pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran berlaku sebelum tamatnya sesuatu kontrak dan keupayaan sistem dapat dimanfaatkan semua bagi mencapai objektif projek.

## **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

### **2. *Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri***

- a. Dasar Kuarters Kerajaan Negeri Pulau Pinang digubal pada tahun 2005 dan dipinda pada tahun 2008 telah menyenaraikan prosedur serta kriteria pengagihan kuarters yang diperlukan. Prosedur dan proses itu adalah berkaitan permohonan, pendaftaran, pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri (JIPKKN), proses tawaran dan tandatangan perjanjian serta penyerahan kunci kuarters. Dasar Kuarters juga menetapkan sistem pemarkahan dan senarai menunggu dalam kriteria pemilihan dan peruntukan

kuarters kepada pemohon. Perintah Am Bab E mendefinisikan Kuarters Kerajaan adalah rumah kediaman Kerajaan yang dibina oleh Kerajaan untuk didiami oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang layak mengikuti syarat. Objektif penyediaan kuarters Kerajaan adalah untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat kepada penjawat awam. Pengurusan kuarters Kerajaan Negeri bagi Daerah Timur Laut diuruskan oleh Seksyen Pengurusan Aset dan Bangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUK) manakala daerah lain adalah di bawah bidang kuasa Jabatan di daerah masing-masing. Setakat bulan Disember 2017, bilangan kuarters Kerajaan Negeri yang diuruskan oleh PSUK adalah sebanyak 777 unit terdiri daripada kuarters kelas A hingga kelas J. Bagi tempoh 2015 hingga 2017, sejumlah RM26.84 juta telah diperuntukkan untuk penyenggaraan kuarters Kerajaan Negeri dan daripada jumlah ini sejumlah RM23.33 juta (86.9%) telah dibelanjakan. Manakala bagi tempoh yang sama, hasil sewaan kuarters berjumlah RM5.82 juta telah dikutip melalui potongan gaji, secara tunai ataupun cek.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

i. **Prestasi Kuarters**

Objektif penyediaan kuarters secara umumnya telah dapat dicapai di mana seramai 662 (98.2%) daripada 674 unit kuarters yang sedia ada telah diisi dan bakinya 12 (1.8%) belum diisi sehingga bulan Disember 2017.

ii. **Pengurusan Kuarters**

Pengurusan kuarters belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana pelaksanaan yang ditetapkan dalam Dasar Kuarters dan peraturan bagi kutipan hasil sewaan kuarters dan kerja-kerja penyenggaraan kuarters tidak dipatuhi.

- c. Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. peranan mempertimbangkan permohonan menduduki kuarters dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Kuarters Daerah Timur Laut tidak mengikut Dasar Kuarters Tahun 2008 yang sepatutnya dibuat oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Kuarters;
- ii. seramai 26 penghuni kuarters memiliki rumah melalui pinjaman perumahan Kerajaan yang berada dalam jarak 25 kilometer dari pejabat;
- iii. sebanyak 19 dokumen perjanjian kuarters lewat ditandatangani antara 30 hingga 1,029 hari;

- iv. sebanyak enam (6) kes pelanggaran syarat perjanjian menghuni berlaku disebabkan pemantauan yang kurang berkesan oleh PSUK;
  - v. kehilangan hasil sejumlah RM77,317.50 disebabkan perbezaan kadar sewaan kuarters, sewaan kuarters tidak mengikut kadar yang ditetapkan dan tunggakan sewa kuarters; dan
  - vi. berlakunya *conflict of interest* dalam kerja penyenggaraan kuarters disebabkan jemputan *quotation* dan pelantikan kontraktor yang mempunyai hubungan dengan pegawai PSUK dan jemputan *quotation* bagi kerja yang sama telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang saling mempunyai hubungan.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan berkenaan pengurusan kuarters oleh PSUK dan untuk meningkatkan prestasi serta memastikan keselesaan kakitangan Kerajaan yang menduduki kuarters, adalah disyorkan supaya PSUK mempertimbangkan tindakan berikut:
- i. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyemak dan melakukan siasatan terhadap isu-isu yang menimbulkan keraguan dari aspek penyalahgunaan kuasa dan sebagainya;
  - ii. memastikan Dasar Kuarters yang digubal adalah kemas kini dan selari dengan pelaksanaan semasa serta syarat-syarat dasar dipatuhi sepenuhnya serta memastikan tindakan yang sesuai dikenakan ke atas penghuni yang gagal mematuhi syarat perjanjian menduduki kuarters;
  - iii. memastikan penghuni membayar sewa mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan pekeliling yang berkuat kuasa dan tindakan terhadap penyewa yang gagal membayar sewa/tunggakan diambil; dan
  - iv. memastikan penawaran dan pelantikan kontraktor dibuat secara telus bagi mengelak isu kepentingan peribadi.

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

### **3. Penang Global Tourism Sdn. Bhd.**

- a. Penang Global Tourism Sdn. Bhd. (PGTSB) merupakan subsidiari milik penuh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah ditubuhkan pada 20 Ogos 2008 dengan modal dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal dibayar berjumlah RM100,003. Objektif syarikat adalah untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang dengan melaksanakan aktiviti utama iaitu promosi dan pemasaran. Di samping itu, PGTB turut melaksanakan aktiviti-aktiviti lain iaitu penganjuran acara, komunikasi, perkhidmatan pelancongan, pusat pelancongan pendidikan dan pusat pelancongan perubatan.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

#### **i. Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan PGTSB adalah stabil kerana telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM1,197 pada tahun 2014, RM1,194 pada tahun 2015 dan RM3,219 pada tahun 2016. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa tahun 2016 adalah baik iaitu pada kadar 1:1. Selain itu, baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2016 adalah berjumlah RM2.4 juta.

#### **ii. Pengurusan Aktiviti**

- Program Misi Pameran Perdagangan Ke Luar Negara**

Program misi pameran perdagangan ke luar negara telah diuruskan dengan berkesan dan teratur jika ditinjau kepada penyertaan yang disertai iaitu sebanyak 94.4% dan jumlah perbelanjaan yang digunakan iaitu sebanyak 89.1%. Ketibaan pelancong antarabangsa juga meningkat setiap tahun. Bagaimanapun, PGTSB tidak menetapkan sasaran jumlah ketibaan pelancong pada setiap tahun menyebabkan KPI sukar diukur.

- Penganjuran Acara**

Program penganjuran acara telah diadakan melebihi program yang ditetapkan iaitu sebanyak 122%. Jumlah pengunjung juga meningkat setiap tahun iaitu daripada 25,456 orang pada tahun 2014 kepada 1.14 juta orang pada tahun 2017. PGTSB tidak menetapkan jumlah pengunjung pada setiap tahun menyebabkan KPI sukar diukur. Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian termasuk pelantikan kontraktor tanpa

kelulusan Lembaga Pengarah, kekurangan terma-terma perjanjian yang memelihara kepentingan syarikat dan syarat-syarat perjanjian tidak dipatuhi.

### **iii. Amalan Tadbir Urus**

Amalan tadbir urus PGTB adalah memuaskan kerana syarikat telah mematuhi 23 daripada 30 kriteria amalan terbaik yang telah dilaksanakan. Aspek yang perlu diberi perhatian ialah penambahbaikan dalam tiga (3) komponen amalan terbaik Lembaga Pengarah, pelaksanaan Audit dalaman di PGTB dan KPI yang tidak menetapkan sasaran pencapaian pada setiap tahun. Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perbelanjaan seperti lantikan terus, kelemahan dalam mematuhi jadual pembayaran kepada kontraktor dan penggunaan SOP baharu yang belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
  - i. pelantikan kontraktor bagi penganjuran acara tanpa kelulusan Lembaga Pengarah;
  - ii. kekurangan terma-terma yang memelihara kepentingan syarikat dalam perjanjian penganjuran acara; dan
  - iii. syarat-syarat perjanjian penganjuran acara tidak dipatuhi.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan adalah disyorkan PGTB mengambil tindakan seperti berikut:
  - i. menambah baik KPI syarikat dengan menetapkan sasaran ketibaan pelancong pada setiap tahun bagi mengukur kejayaan program pemasaran pelancongan yang dijalankan;
  - ii. mematuhi kaedah pelantikan kontraktor berdasarkan peraturan dalam SOP yang diluluskan oleh syarikat dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah terhadap pelantikan kontraktor;
  - iii. memastikan semua perjanjian penganjuran acara termasuk yang disediakan oleh kontraktor mengandungi terma-terma perjanjian yang mencukupi untuk memelihara kepentingan syarikat seperti jaminan mutu, tanggungjawab kontraktor dan penamatan kontrak; dan
  - iv. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **4. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)**

- a. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di sembilan (9) Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, dengan itu pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan dua (2) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, lima (5) Jabatan/Agensi mencapai tahap Baik dan dua (2) Jabatan/Agensi mencapai tahap Memuaskan.
- b. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
  - i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
  - ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
  - iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
  - iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjelaskan imej Kerajaan;
  - v. berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;

- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

### **5. Pengauditan Mengejut**

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri boleh dipertingkatkan. Ketua pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- vii. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.

# **BAHAGIAN I**

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI**



# MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

## 1. PENGURUSAN KAWALAN KESELAMATAN BANDAR MELALUI PENGGUNAAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)

### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 15 Disember 1976 dan dinaik taraf menjadi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Majlis) pada 1 Januari 2015. Kawasan pentadbiran Majlis adalah seluas 305.77 kilometer persegi dengan bilangan kepadatan penduduk seramai 722,300 orang.

1.1.2. Rangkaian CCTV melibatkan tiga (3) komponen spesifikasi teknikal iaitu sistem transmisi, seni bina sistem dan infrastruktur jaringan serta konfigurasi sistem dan spesifikasi peralatan. Sistem transmisi bertujuan untuk penghantaran imej sama ada melalui kabel atau jalur lebar tanpa wayar (*wireless*). Seni bina sistem dan infrastruktur jaringan adalah penggunaan campuran kaedah *point to multipoint* atau *point to point* sebagai sokongan serta kaedah *mesh network* di peringkat akhir bagi memperoleh liputan yang optima. Konfigurasi sistem dan spesifikasi peralatan melibatkan stesen utama yang bertindak sebagai pusat komunikasi/*main server network centre*, pusat kawalan untuk pemantauan serta perhubungan dua (2) hala yang bersifat mesra pengguna, tapak kamera yang dilengkapi dengan kamera dan sistem siar raya untuk pengumuman awam serta sistem penggera dan *intercom* yang disambung terus kepada pusat kawalan.

1.1.3. Objektif pemasangan CCTV Majlis adalah bertujuan mengurangkan kadar jenayah, pemantauan dan penguatkuasaan trafik, pemantauan lampu jalan, pemantauan pembuangan sampah haram dan pemantauan kerja tanah di kawasan bukit. Berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), satu (1) daripada enam (6) bidang ialah mengurangkan kadar jenayah jalanan dan antara strategi yang dilaksanakan di bawah NKRA ini adalah melalui pemasangan Kamera Litar Tertutup atau *Closed Circuit Television* (CCTV) di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

1.1.4. Di kawasan Majlis, CCTV mula dipasang pada tahun 2008 oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara sewaan termasuk penyenggaraan selama lima (5) tahun yang berakhir pada tahun 2013. Selepas berakhirnya tempoh kontrak bersama KPkt, Majlis telah membuat perolehan CCTV mulai tahun 2013 Fasa 1. Keutamaan pemilihan lokasi pemasangan CCTV adalah di kawasan-kawasan *hotspot* jenayah yang dikenal pasti

bersama PDRM mengikut statistik kekerapan berlakunya jenayah. Sehingga Oktober 2017, Majlis mempunyai sebanyak 524 unit CCTV yang telah siap dipasang dan beroperasi yang melibatkan kos berjumlah RM36.24 juta termasuk lima (5) tahun penyenggaraan komprehensif. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 unit CCTV yang berjumlah RM3.43 juta dipasang untuk pemantauan kerja-kerja tanah bukit. Jumlah ini tidak termasuk 200 unit CCTV yang berjumlah RM11.55 juta bagi projek Fasa 5 yang telah dibuat perolehan dan masih dalam proses pemasangan. Bilangan CCTV yang telah dan dirancang untuk dipasang dalam tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.1  
BILANGAN CCTV YANG DIPASANG MENGIKUT  
FASA/PROJEK/LOKASI BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017**

PROJEK CCTV	TAHUN PEMASANGAN	BILANGAN CCTV (UNIT)	BILANGAN LOKASI
Fasa 1	2013	80	34
Fasa 2	2014	98	40
Fasa 3	2015	102	34
Fasa 4	2016	222	71
Fasa 5	2017	200	64
Kawasan Bukit	2017	22	22
<b>JUMLAH</b>		<b>724</b>	<b>265</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

1.1.5. Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM13.17 juta untuk projek pemasangan dan penyenggaraan CCTV bagi tahun 2015 hingga 2017. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM12.71 juta (96.5%) telah dibelanjakan. Jumlah peruntukan yang diterima dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 tersebut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.2  
PERUNTUKAN DITERIMA DAN PERBELANJAAN  
SEBENAR BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
2015	4.17	4.17
2016	2.02	1.97
2017	6.98	6.57
<b>JUMLAH</b>	<b>13.17</b>	<b>12.71</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan kawalan keselamatan bandar melalui penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) oleh Majlis telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

## **1.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan lima (5) perkara iaitu pengurangan kadar jenayah, pengawasan lalu lintas dan trafik, tindakan ke atas aduan kerosakan lampu jalan, kawalan ke atas pembuangan sampah haram dan pemantauan ke atas kerja-kerja tanah di kawasan bukit. Manakala pengurusan projek pula meliputi enam (6) perkara iaitu pelantikan kontraktor, peralatan di bilik kawalan tidak didaftarkan dan dilabel sebagai aset Majlis, *improper payment* bagi perolehan dan penyenggaraan lapan (8) unit kamera hala tetap Fasa 2, penyenggaraan CCTV, pemantauan dan latihan tidak mencukupi. Pengauditan dijalankan di Majlis (Bahagian Lalu Lintas dan Pengangkutan Awam Jabatan Kejuruteraan, Unit CCTV Jabatan Penguatkuasaan, Unit Elektrik Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran) dan PDRM (Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (IPD) dan Balai Polis Batu Ferringhi). Sebanyak empat (4) daripada enam (6) projek CCTV telah dipilih untuk semakan dokumen perolehan iaitu melibatkan projek Fasa 3, Fasa 4, Fasa 5 dan kawasan bukit. Manakala bagi kerja-kerja penyenggaraan komprehensif dan lawatan fizikal, sebanyak 105 (20%) sampel daripada 524 unit CCTV telah dipilih bagi kesemua fasa iaitu Fasa 1 hingga Fasa 5 dan kawasan bukit.

## **1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan CCTV. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual bersama pegawai yang terlibat juga telah diadakan.

## **1.5. RUMUSAN AUDIT**

1.5.1. Objektif pemasangan CCTV Majlis adalah untuk mengurangkan kadar jenayah, pemantauan dan penguatkuasaan trafik, pemantauan lampu jalan, pemantauan pembuangan sampah haram dan pemantauan kerja tanah di kawasan bukit. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2017 mendapati objektif pemasangan CCTV tercapai kerana kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan telah mencatatkan penurunan bilangan kes sebanyak 39.1% di Daerah Timur Laut dan 42.3% di Daerah Barat Daya, kesesakan lalu lintas akibat

halangan kenderaan berjaya diatasi sebanyak 98.4% melalui amaran mengubah kenderaan dan kesemua lampu jalan yang rosak telah dibaiki dalam tempoh 24 jam. Selain itu, tiada kes kerja-kerja tanah di kawasan bukit yang dibuat tanpa kelulusan dikesan.

1.5.2. Pengurusan projek CCTV dari aspek pelantikan kontraktor adalah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pendaftaran peralatan di bilik kawalan sebagai aset Majlis, *improper payment* bagi perolehan dan penyenggaraan lapan (8) unit kamera hala tetap Fasa 2, penyenggaraan CCTV, pemantauan dan latihan yang masih tidak mencukupi. Pihak Audit menggariskan beberapa kelemahan penting yang ditemui sehingga tarikh pengauditan pada akhir bulan Disember 2017 yang perlu diambil perhatian oleh Majlis seperti berikut:

- i. sebanyak 630 unit peralatan CCTV bagi Fasa 1 hingga Fasa 4 dan kawasan bukit belum didaftarkan dan dilabel sebagai aset Majlis;
- ii. sebanyak lapan (8) daripada 67 unit kamera hala tetap tidak dipasang oleh kontraktor di jejantas *Octopus* walaupun bayaran penuh terhadap pembekalan dan pemasangan CCTV Fasa 2 telah dilakukan;
- iii. sebanyak 463 unit kamera dan *repeater* telah dipilih sebagai sampel Audit. Daripada jumlah tersebut sebanyak 405 unit bagi tempoh Mei hingga Oktober 2017 tidak dibuat penyenggaraan berkala;
- iv. sistem log tidak diaktifkan dan data yang dijana tidak lengkap; dan
- v. terdapat lima (5) jenis latihan yang sepatutnya diberikan oleh kontraktor kepada Majlis di sepanjang tempoh lima (5) tahun kontrak. Jenis dan bilangan latihan yang diberikan adalah tertakluk kepada permintaan Majlis. Hanya satu (1) jenis latihan melibatkan latihan kepada pengguna akhir sahaja yang diminta oleh Majlis kepada kontraktor.

## 1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2017 mendapati pengurusan kawalan keselamatan bandar melalui penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) adalah baik daripada aspek pematuhan prosedur perolehan di mana ia telah dilaksanakan secara tender terbuka serta mencapai objektif dan sasaran Majlis seperti mengurangkan kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan, mengurangkan halangan lalu lintas, pemberian kerosakan lampu jalan, pembuangan sampah haram serta kerja-kerja tanah di kawasan bukit. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. peralatan di bilik kawalan tidak didaftarkan dan dilabel sebagai aset Majlis;
- ii. *improper payment* bagi perolehan dan penyenggaraan lapan (8) unit kamera hala tetap Fasa 2;
- iii. penyenggaraan berkala tidak meliputi kesemua unit kamera dan *repeater*;
- iv. sistem log tidak diaktifkan dan data yang dijana tidak lengkap; dan
- v. latihan tidak mencukupi kepada pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan CCTV.

Perkara yang ditemui dan maklum balas Majlis telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 29 Januari 2018. Penjelasan lanjut mengenainya seperti di perenggan berikut:

### **1.6.1. Prestasi Projek**

Objektif dan sasaran projek membekal, memasang dan menyenggara CCTV adalah untuk mengurangkan kadar jenayah, mengurangkan kesesakan lalu lintas dan trafik, membuat pemantauan dan membaiki kerosakan lampu jalan, pembuangan sampah haram dan pemantauan kerja-kerja di tanah kawasan bukit bagi memastikan orang awam berada dalam keadaan selesa dan berasa selamat.

#### **1.6.1.1. Pengurangan Kadar Jenayah**

- a. NKRA yang pertama adalah mengurangkan kadar jenayah jalanan melalui pemasangan CCTV di kawasan PBT dengan menetapkan sasaran pengurangan kadar jenayah sebanyak 20% daripada 72% di Negeri Pulau Pinang.
- b. Semasa proses perancangan sesuatu projek membekal, memasang dan menyenggara CCTV yang hendak dijalankan bagi setiap fasa, Majlis akan mendapatkan data dan maklumat lokasi-lokasi *hotspot* jenayah daripada PDRM terlebih dahulu. Keutamaan pemilihan lokasi pemasangan CCTV adalah di kawasan *hotspot* jenayah yang dicadangkan oleh PDRM dan lain-lain kawasan yang dicadangkan oleh Majlis seperti kawasan berlakunya pembuangan sampah haram, halangan lalu lintas serta kawasan-kawasan bukit. Kesemua lokasi yang dipilih diputuskan secara bersama di dalam Mesyuarat Cadangan Lokasi Pemasangan CCTV.
- c. Temu bual dengan pegawai Majlis dan PDRM memaklumkan bahawa pemilihan lokasi pemasangan CCTV adalah berdasarkan lokasi *hotspot*

jenayah yang dicadangkan oleh PDRM dalam Mesyuarat Cadangan Lokasi Pemasangan CCTV. Antara lokasi-lokasi tersebut adalah di kawasan Sungai Nibong, Jelutong, Pulau Tikus, Batu Ferringhi, Mount Erskine dan Bukit Jambul bagi Daerah Timur Laut serta Jalan Balik Pulau, Queensbay dan Bayan Lepas di Daerah Barat Daya. Jenayah jalanan dan curi kenderaan terdiri daripada samun berkawan tanpa bersenjata api, samun tanpa bersenjata api dan curi ragut, curi motokar, curi motosikal dan curi van/lori/jentera berat. Perbandingan kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan di bahagian pulau yang meliputi Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.3  
PERBANDINGAN KADAR JENAYAH JALANAN  
DAN CURI KENDERAAN PADA TAHUN 2013 HINGGA 2017**

JENIS JENAYAH	DAERAH TIMUR LAUT					DAERAH BARAT DAYA				
	2013	2014	2015	2016	2017	2013	2014	2015	2016	2017
Samun berkawan tanpa bersenjata api	139	134	135	91	140	52	64	28	27	35
Samun tanpa bersenjata api	62	77	69	82	107	16	16	9	17	10
Curi ragut	57	81	73	77	0	12	18	12	15	3
Curi motokar	185	215	159	115	66	88	71	56	39	43
Curi motosikal	1,061	839	717	630	629	375	279	213	224	225
Curi van/lori/jentera berat	72	46	33	12	17	15	8	2	7	6
<b>JUMLAH</b>	<b>1,576</b>	<b>1,392</b>	<b>1,186</b>	<b>1,007</b>	<b>959</b>	<b>558</b>	<b>456</b>	<b>320</b>	<b>329</b>	<b>322</b>


Sumber: Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang

- d. Analisis Audit bagi tahun 2013 hingga 2017 mendapati pada keseluruhannya kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan bagi kedua-dua Daerah Timur Laut dan Barat Daya telah mencatat penurunan daripada jumlah bilangan kes. Bagi Daerah Timur Laut, kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan menunjukkan trend penurunan sebanyak 1,392 bilangan kes telah dicatatkan pada tahun 2014 berbanding 1,576 kes pada tahun 2013. Kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan menunjukkan trend penurunan iaitu daripada 1,186 kes pada tahun 2015, 1,007 kes pada tahun 2016 dan kepada hanya 959 kes pada tahun 2017 yang telah direkodkan. Bagi Daerah Barat Daya pula, kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan mencatatkan penurunan mulai tahun 2013 hingga 2015 iaitu sebanyak 558 kes pada tahun 2013, 456 kes pada tahun 2014 dan 320 kes pada tahun 2015. Bagaimanapun, pada tahun 2016 terdapat peningkatan bilangan kes kepada 329 kes tetapi menurun semula pada tahun 2017 kepada 322 kes. Pada keseluruhannya bagi kedua-dua daerah tersebut telah mencatatkan penurunan bilangan kes

iaitu sebanyak 39.1% bagi Daerah Timur Laut dan 42.3% bagi Daerah Barat Daya mulai tahun 2013 hingga 2017.

- e. Bagaimanapun, terdapat peningkatan yang ketara terhadap kes jenayah samun berkawan tanpa bersenjata api bagi kedua-dua daerah dan kes jenayah samun tanpa bersenjata api serta curi van/lori/jentera berat bagi Daerah Timur Laut sahaja. Peningkatan ketara ini hanya melibatkan tempoh dua (2) tahun terakhir iaitu tahun 2016 dan 2017. Jenayah samun berkawan tanpa bersenjata api telah meningkat sebanyak 49 kes (53.8%) iaitu daripada 91 kes pada tahun 2016 kepada 140 kes pada tahun 2017 bagi Daerah Timur Laut manakala bagi Daerah Barat Daya peningkatan kes berlaku sebanyak lapan (8) kes (29.6%) iaitu 27 kes pada tahun 2016 kepada 35 kes pada tahun 2017. Jenayah samun tanpa bersenjata api dan curi van/lori/jentera berat bagi Daerah Timur Laut juga meningkat dengan ketara iaitu masing-masing sebanyak 25 kes (30.5%) dan lima (5) kes (41.7%). Selain itu, terdapat juga penurunan kes yang ketara seperti jenayah curi ragut yang telah mencatatkan penurunan 100% (tiada kes) pada tahun 2017 berbanding 77 kes pada tahun 2016 bagi Daerah Timur Laut manakala Daerah Barat Daya pula mencatat penurunan sebanyak 12 kes (80%) kepada tiga (3) kes berbanding 15 kes pada tahun 2016. Jenayah curi motokar bagi Daerah Timur Laut juga telah mencatat penurunan sebanyak 49 kes (42.6%) berbanding 115 kes pada tahun 2017. Bagaimanapun, Daerah Barat Daya telah mencatatkan peningkatan sebanyak empat (4) kes daripada tahun 2016 (39 kes) kepada tahun 2017 menjadi 43 kes.
- f. Analisis Audit menunjukkan sasaran NKRA untuk mengurangkan 20% kadar jenayah dengan pemasangan CCTV di kawasan-kawasan PBT bagi mewujudkan bandar selamat telah tercapai. Statistik penurunan kadar jenayah di bahagian pulau, Pulau Pinang seperti di carta berikut:

**CARTA 1.1**  
**STATISTIK KADAR JENAYAH JALANAN**  
**DAN CURI KENDERAAN PADA TAHUN 2013 HINGGA 2017**



Sumber: Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang

Pada pendapat Audit, pemilihan kawasan pemasangan CCTV yang tepat dan bersesuaian di lokasi-lokasi *hotspot* telah berjaya membantu mengurangkan kadar jenayah jalanan dan curi kenderaan di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya pada keseluruhannya di samping kekerapan rondaan yang dilakukan oleh pihak PDRM.

#### 1.6.1.2. Pengawasan Lalu Lintas dan Trafik

- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Seksyen 48 menetapkan jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor itu berhenti di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, dia melakukan suatu kesalahan. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Seksyen 3(a) pula menetapkan Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengarahkan supaya apa-apa halangan itu dipindahkan atau boleh sendiri melalui perkhidmatannya memindah halangan itu ke suatu tempat yang sesuai, supaya tinggal di situ atas risiko pemunyanya atau orang yang melakukan kesalahan itu dan boleh menahan halangan itu sehingga belanja bagi memindahkan dan menahannya dibayar.
- Semakan Audit mendapati pihak Majlis melaksanakan pengawasan lalu lintas sepanjang hari menggunakan CCTV. Pengawasan lebih ketat dibuat ketika waktu puncak iaitu pada jam 8 pagi hingga 10 pagi, jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang dan jam 4.30 petang hingga 6.30 petang. Penumpuan

pengawasan pada waktu puncak lebih diberikan di kawasan-kawasan sekitar bandaraya George Town, Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Jalan Masjid Negeri, Jalan Air Itam dan Jalan Paya Terubong. Setiap kesalahan halangan lalu lintas yang dilakukan oleh pengguna jalan raya, Majlis mengambil pendekatan dengan memberi amaran melalui pembesar suara yang terdapat pada tiang CCTV kepada pemandu kenderaan agar mengubah kenderaan terlebih dahulu. Sekiranya pemandu kenderaan masih berdegil tindakan kapit tayar akan dikenakan. Sekiranya pemilik kenderaan gagal membayar kompaun bagi tindakan kapit tayar, kenderaan tersebut akan ditunda dan dihantar ke depo simpanan kenderaan tunda Jabatan Penguatkuasaan Majlis.

- c. Semakan Audit terhadap Laporan Tindakan Bulanan Unit CCTV Jabatan Penguatkuasaan Majlis bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mendapati sebanyak 71,051 bilangan kesalahan halangan lalu lintas dan trafik telah dikesan melalui penggunaan CCTV. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 69,928 amaran untuk mengubah kenderaan telah dipatuhi oleh pemandu. Baki sebanyak 895 buah kenderaan telah dikenakan tindakan kapit tayar dan 228 buah kenderaan telah ditunda oleh penguat kuasa Majlis kerana gagal mematuhi amaran untuk mengalihkan kenderaan seperti diarahkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.4**  
**BILANGAN HALANGAN LALU LINTAS**  
**DAN TRAFIK BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

TAHUN	BILANGAN KESALAHAN HALANGAN LALU LINTAS	BILANGAN AMARAN DIPATUHI	TINDAKAN KAPIT TAYAR	TINDAKAN TUNDA
2015	10,848	10,733	50	65
2016	29,033	28,224	700	109
2017	31,170	30,971	145	54
<b>JUMLAH</b>	<b>71,051</b>	<b>69,928</b>	<b>895</b>	<b>228</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- d. Semakan selanjutnya mendapati, kadar kompaun yang dikenakan bagi tindakan kapit tayar adalah sejumlah RM50 manakala sejumlah RM100 dikenakan bagi tindakan tunda untuk setiap kesalahan. Hasil daripada penguatkuasaan yang dijalankan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, Majlis telah berjaya mengutip sejumlah RM44,750 daripada kesemua 895 kesalahan tindakan kapit tayar yang dikenakan. Bagi 228 kesalahan yang telah dikenakan tindakan tunda, sejumlah RM22,800 telah berjaya dikutip.

Pada pendapat Audit, objektif pemasangan CCTV bagi pengawasan lalu lintas dan trafik telah tercapai. Amaran mengubah kenderaan yang dikeluarkan telah membantu melancarkan aliran lalu lintas dan trafik serta memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya. Pemasangan CCTV juga telah membantu Jabatan Penguatkuasaan Majlis menjalankan penguatkuasaan terhadap kesalahan halangan lalu lintas dan trafik di mana sebelum pemasangan CCTV Jabatan Penguatkuasaan Majlis hanya bergantung kepada rondaan yang dijalankan sahaja.

#### **1.6.1.3. Tindakan ke atas Kerosakan Lampu Jalan**

- a. Piagam Pelanggan Majlis menetapkan setiap aduan kerosakan lampu jalan yang diterima akan diambil tindakan dalam tempoh dua (2) hari bekerja dan jawapan akan diberi kepada pengadu dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tempoh penerimaan aduan tersebut.
- b. Pihak Audit mendapati, Unit CCTV Jabatan Penguatkuasaan Majlis akan memantau kerosakan lampu jalan mulai jam 7 hingga 8 malam setiap hari. Jika terdapat kes kerosakan lampu jalan, unit tersebut akan membuat aduan kepada Unit Elektrik Jabatan Kejuruteraan Majlis bagi kerja-kerja pembaikan melalui pesanan *aplikasi WhatsApp* di mana kerja-kerja pembaikan tersebut perlu dilaksanakan dalam tempoh 24 jam. Semakan Audit terhadap Laporan Tindakan Bulanan Unit CCTV Jabatan Penguatkuasaan Majlis bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mendapati sebanyak 828 kes kerosakan lampu jalan telah dapat dikesan melalui penggunaan CCTV. Daripada jumlah tersebut kesemua kes kerosakan lampu jalan telah dibaiki oleh Unit Elektrik Jabatan Kejuruteraan Majlis dalam tempoh 24 jam. Bilangan kerosakan dan tindakan pembaikan lampu jalan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.5  
BILANGAN KEROSAKAN DAN TINDAKAN  
PEMBAIKAN LAMPU JALAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

TAHUN	BILANGAN KEROSAKAN LAMPU JALAN	TINDAKAN PEMBAIKAN
2015	258	258
2016	469	469
2017	101	101
<b>JUMLAH</b>	<b>828</b>	<b>828</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- c. Tindakan pembaikan kerosakan lampu jalan dengan kadar segera dapat mengurangkan risiko kemalangan jalan raya bagi pengguna jalan raya pada

waktu malam serta meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

Pada pendapat Audit, objektif pemasangan CCTV bagi tindakan ke atas kerosakan lampu jalan telah tercapai. Tindakan pemberian kerosakan lampu jalan dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan tanpa menunggu aduan dikemukakan oleh orang awam. Pemasangan CCTV juga telah membantu Majlis menyelesaikan masalah kerosakan lampu jalan dalam tempoh 24 jam.

#### **1.6.1.4. Kawalan ke atas Pembuangan Sampah Haram**

- a. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Seksyen 46 menetapkan mana-mana orang yang meletakkan atau menyebabkan diletak sampah kebun, sampah dapur atau sampah tred (sampah perniagaan) atau apa-apa benda atau barang lain di mana-mana tempat awam adalah bersalah kerana menyebabkan suatu halangan dan boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja PBT yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu dan boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM1000.
- b. Pihak Audit mendapati Unit CCTV Jabatan Penguatkuasaan Majlis akan memaklumkan kes pembuangan sampah haram yang dikesan melalui penggunaan CCTV kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Majlis (JPP) dengan menggunakan pesanan *aplikasi WhatsApp*. Selepas menerima makluman tersebut, kakitangan JPP di kawasan terbabit akan ke lokasi kejadian bagi mengesan pelaku. Kompaun akan dikenakan jika kakitangan JPP dapat membuktikan pelaku melakukan kesalahan di tempat kejadian.
- c. Semakan Audit terhadap laporan tindakan Unit CCTV Jabatan Penguatkuasaan Majlis mendapati sebanyak 2,212 kes pembuangan sampah haram telah berjaya dikesan melalui penggunaan CCTV bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Pihak Audit dimaklumkan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2016, sebanyak 1,667 kes pembuangan sampah haram yang dikesan melalui CCTV tidak dikenakan tindakan kompaun kerana maklumat tersebut belum disalurkan kepada JPP. Makluman hanya mula disalurkan kepada JPP mulai bulan Februari 2017 selepas *aplikasi WhatsApp* tersebut diwujudkan. Tindakan kompaun pada kadar RM250 akan dikenakan bagi setiap kesalahan setelah JPP berjaya mengesan pelaku.

- d. Semakan selanjutnya mendapati, Majlis telah berjaya mengutip sejumlah RM7,500 bagi 30 kesalahan pembuangan sampah haram yang telah dikesan dan dikenakan kompaun bagi tempoh Februari hingga Disember 2017. Butiran adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.6**  
**BILANGAN KES PEMBUANGAN SAMPAH HARAM YANG DIKESAN**  
**MELALUI CCTV DAN TINDAKAN KOMPAUN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

TAHUN	BILANGAN PEMBUANGAN SAMPAH HARAM	TINDAKAN KOMPAUN YANG DIKELUARKAN	JUMLAH KOMPAUN (RM)
2015	224	-	-
2016	1,443	-	-
2017	545	30	7,500
<b>JUMLAH</b>	<b>2,212</b>	<b>30</b>	<b>7,500</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- e. Pihak Audit dimaklumkan kakitangan JPP sukar menjelak pelaku kerana mereka telah beredar dan tiada di tempat kejadian apabila kakitangan JPP tiba di lokasi. Bagaimanapun, Majlis telah mengambil tindakan proaktif dengan membersihkan kawasan pembuangan sampah haram tersebut untuk memastikan kebersihan tempat dan keselesaan orang awam.

**Pada pendapat Audit, pemasangan CCTV telah membantu Majlis membuat pemantauan ke atas kes-kes pembuangan sampah haram.**

#### **1.6.1.5. Pemantauan ke atas Kerja-kerja Tanah di Kawasan Bukit**

- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133), Seksyen 70A (1) menetapkan bahawa tiada seseorang boleh memula atau menjalankan atau membenar supaya dimula atau dijalankan sesuatu kerja tanah tanpa terlebih dahulu mengemukakan kepada PBT pelan dan penentuan berkenaan dengan kerja tanah itu dan mendapat kelulusan PBT mengenainya.
- Mengikut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri Tiga (3) yang dikeluarkan pada 12 Oktober 2015, sebanyak 31 kes kerja-kerja tanah di kawasan bukit telah dibuat tanpa kelulusan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Bagi menangani masalah ini, Majlis telah membuat pemantauan kerja-kerja tanah di kawasan bukit menggunakan *drone*. Selain itu, Majlis juga telah mengambil inisiatif dengan memasang 22 unit CCTV di lokasi terpilih untuk memantau kerja-kerja tanah di kawasan bukit pada tahun 2017. Lokasi tersebut dipilih kerana kawasan berkenaan berisiko tinggi berlakunya tanah runtuh apabila pencerobohan/kerja tanah dijalankan tanpa

kelulusan. Senarai lokasi pemasangan CCTV kawasan bukit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.7  
SENARAI LOKASI PEMASANGAN CCTV KAWASAN BUKIT**

BIL.	LOKASI PEMASANGAN
1.	Jalan Tanjung Tokong/ Tingkat Hock Hin/ Jalan Pantai Molek
2.	Jalan Tanjung Tokong/ Jalan Sri Pinang
3.	Bukit Mutiara (Pearl Hill) (Tiang Repeater)
4.	Jalan Tanjung Bungah/ Jalan Cheah Seng Kim
5.	Lorong Lembah Permai 3/ Jalan Lembah Permai
6.	Jalan Lembah Permai (Ambank/Apartment Permai Ria)
7.	Jalan Batu Ferringhi (Hotel Lone Pine)
8.	Jalan Batu Ferringhi (Bayview Beach)
9.	Jalan Sungai Emas/ Eden Fairway Condominium
10.	Jalan Batu Ferringhi (Bayu Senja)
11.	Jalan Mount Erskine (Berdekatan Ladang Ent Hong Seng)
12.	Jalan Gottlieb/ Jalan Mount Erskine
13.	Bukit Bendera – Tunnel Road East (Tiang Repeater)
14.	Lintang Angsana (Hadapan Bank BSN)
15.	Tokong Bukit Penara (Tiang Repeater)
16.	Lebuh Bukit Jambul/ Persiaran Bukit Jambul
17.	Lapangan Terbang Bayan Lepas
18.	Jalan Tengah/ Jalan Tun Dr Awang
19.	Terminal Bas Sungai Nibong (Laluan Keluar Bas)
20.	Simpang Jalan Sultan Azlan Shah/ Hilir Pemancar/ Kuil Hindu/ Perodua Gelugor
21.	Simpang Jalan Masjid Negeri/ Jalan Ayer Itam/ Wisma Pengakap Negeri
22.	Jalan Masjid Negeri/ Jalan Delima

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- c. Pegawai dari Unit Geoteknikal Jabatan Kejuruteraan telah ditugaskan di bilik kawalan CCTV untuk memantau sekiranya berlaku kerja-kerja tanah tanpa kelulusan dijalankan. Semakan Audit terhadap laporan pemantauan yang disediakan dan temu bual dengan pegawai terlibat mendapati tiada kes kerja-kerja tanah di kawasan bukit yang dilakukan tanpa kelulusan Majlis dikesan sejak projek CCTV kawasan bukit siap sepenuhnya pada Julai 2017.

**Pada pendapat Audit, pemasangan CCTV kawasan bukit telah memudahkan Majlis membuat pemantauan kerja-kerja tanah tanpa kelulusan di kawasan bukit.**

### **1.6.2. Pengurusan Perolehan**

Objektif perolehan Kerajaan adalah untuk menguruskan perolehan secara cekap dan berkesan serta mendapatkan harga yang paling menguntungkan Kerajaan.

#### **1.6.2.1. Pelantikan Kontraktor**

- a. Mengikut Peraturan Tetap Majlis, tender terbuka hendaklah dipelawa untuk menyempurnakan tiap-tiap satu (1) kerja atau perkhidmatan atau bekalan yang nilainya melebihi RM200,000 setahun. Perakuan untuk mendapatkan kelulusan bagi tender hendaklah dibuat oleh Ketua Jabatan. Keputusan mengenai tender hendaklah dibuat oleh Lembaga Perolehan yang terdiri daripada Datuk Bandar (Pengerusi), Setiausaha Perbandaran, Pegawai Kewangan Negeri/wakil dan dua (2) orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Datuk Bandar.
- b. Semakan Audit mendapati perolehan projek Fasa 3, Fasa 4, Fasa 5 dan CCTV kawasan bukit telah dilaksanakan secara tender terbuka. Perolehan tersebut telah melalui proses pelawaan tender, panggilan dan pembuka tender, penilaian dan perakuan tender serta keputusan tender telah dibuat oleh Lembaga Perolehan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- c. Semakan selanjutnya mendapati kontraktor yang berjaya dipilih telah melalui tiga (3) peringkat penilaian iaitu penilaian di peringkat kesempurnaan dan kecukupan tender, penilaian keupayaan kewangan dan teknikal serta penilaian yang paling menguntungkan. Majlis telah melantik kontraktor Datasonic Technologies Sdn. Bhd. bagi tender membekal, memasang dan menyenggara CCTV di bahagian pulau bagi Fasa 3, Fasa 4 dan Fasa 5. Manakala bagi tender CCTV kawasan bukit pula, Majlis telah melantik kontraktor Kiwitech Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek tersebut.

#### **1.6.2.2. Peralatan di Bilik Kawalan Tidak Didaftarkan dan Dilabel Sebagai Aset Majlis**

- a. Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (1PP) menyatakan semua aset Kerajaan yang diperoleh hendaklah didaftarkan. Selain itu, semua aset hendaklah diberi tanda pengenal dengan cara melabel atau mengecat dan mencetak timbul bagi menunjukkan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nama Kementerian/Jabatan/PTJ yang berkenaan di tempat yang bersesuaian pada aset berkenaan. Bagi Kementerian/Jabatan/PTJ yang telah menggunakan sistem Pengurusan Aset (SPA) label hendaklah dijana melalui sistem dan dilekatkan pada aset berkenaan. Selain itu, Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menetapkan semua aset ICT perlu dikenal

pasti dan maklumat aset direkodkan dalam borang daftar harta modal dan inventori serta sentiasa dikemas kini.

- b. Komponen CCTV meliputi peralatan di tapak dan bilik kawalan. Peralatan di tapak adalah seperti kamera, pembesar suara, kabinet komunikasi, antena, *wireless equipment, repeater*, tiang dan lain-lain manakala peralatan di bilik kawalan adalah seperti set komputer, televisyen LCD, *network video recorder*, server, penghawa dingin, *video wall rack* dan lain-lain.
- c. Semakan dan pemeriksaan fizikal Audit terhadap kesemua peralatan di bilik kawalan CCTV sahaja di Majlis, IPK, IPD dan Balai Polis Batu Ferringhi mendapati kesemua 630 unit peralatan CCTV bagi Fasa 1 hingga Fasa 4 dan CCTV kawasan bukit belum didaftarkan dan tidak dilabel sebagai aset Majlis mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- d. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kos perolehan bagi kesemua unit peralatan kerana kos perolehan dibuat secara *lump sum*. Peralatan yang tidak didaftarkan di bilik kawalan CCTV Majlis, IPK, IPD dan Balai Polis Batu Ferringhi adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 1.8**  
**SENARAI PERALATAN DI BILIK KAWALAN YANG BELUM**  
**DIDAFTARKAN DAN TIDAK DILABEL SEBAGAI ASET MAJLIS**

BIL.	JENIS PERALATAN	BILANGAN PERALATAN (UNIT)				
		FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4	CCTV KAWASAN BUKIT
1.	Network Video Recorders (NVRs)	2	2	2	2	1
2.	Proware Raid Storage	2	2	2	2	1
3.	Proware JBOD Enclosure	2	2	2	2	1
4.	Joystick With Keyboard	3	4	10	5	1
5.	Control Centre Station Computer	3	4	10	5	1
6.	CPU For Video Wall	6	24	8	14	3
7.	Network Administration & Video Mgmt Controller Computer	1	1	1	1	1
8.	22" Monitor (1280 X 1024 Resolution)	12	10	44	20	4
9.	LCD Video Wall Monitor 42" or 43"	63	72	30	54	6
10.	Biometrics	1	1	1	-	-
11.	UPS Power Back Up at Least 15min	1	1	2	1	1
12.	Ethernet Switch at Control Centre (Multi Layer Protocol Switch)	2	3	2	2	1
13.	Microphone	3	4	10	5	-
14.	Video Wall Rack	21	24	10	18	2
15.	Table	3	4	16	5	1
16.	Chair	3	4	-	5	1
17.	20 U Rack	-	-	1	-	-

BIL.	JENIS PERALATAN	BILANGAN PERALATAN (UNIT)				
		FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4	CCTV KAWASAN BUKIT
18.	42 U Rack	3	-	1	-	1
19.	Air Conditioning	10	-	-	-	-
20.	Recording Server	2	2	2	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>143</b>	<b>164</b>	<b>154</b>	<b>142</b>	<b>27</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**GAMBAR 1.1**



Bilik Kawalan CCTV Majlis  
- Peralatan di Bilik Kawalan CCTV yang Tidak  
Didaktarkan  
(19 Oktober 2017)

**GAMBAR 1.2**



Bilik Kawalan CCTV IPK  
- Peralatan di Bilik Kawalan CCTV yang Tidak  
Didaktarkan  
(13 November 2017)

**GAMBAR 1.3**



Bilik Kawalan CCTV IPD  
- Peralatan di Bilik Kawalan CCTV yang Tidak  
Didaktarkan  
(22 November 2017)

**GAMBAR 1.4**



Bilik Kawalan CCTV Balai Polis Batu Ferringhi  
- Peralatan di Bilik Kawalan CCTV yang Tidak  
Didaktarkan  
(5 Disember 2017)

- e. Peralatan yang tidak didaftarkan dan dilabel sebagai aset boleh menyebabkan kesukaran kepada Majlis untuk mengesan sekiranya berlaku kehilangan atau perubahan lokasi terhadap peralatan yang ditempatkan di bilik kawalan CCTV Majlis, IPK, IPD dan Balai Polis Batu Ferringhi. Kegagalan mendaftarkan peralatan tersebut menyebabkan nilai aset Majlis telah terkurang nyata di dalam Penyata Kewangan Majlis bagi tahun 2014 hingga 2017.

## **Maklum Balas Majlis yang Diterima pada 5 Februari 2018**

***Semua peralatan CCTV di tapak dan bilik kawalan CCTV tidak didaftarkan sebagai aset Majlis. Majlis masih dalam proses membuat semakan peralatan bagi Fasa 1 dan Fasa 2 terlebih dahulu dan belum mendaftarkan peralatan tersebut ke dalam SPA.***

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan adalah baik dari segi pelantikan kontraktor. Bagaimanapun, pengurusan aset yang dikendalikan oleh Majlis adalah tidak memuaskan kerana kesemua peralatan yang ditempatkan di bilik kawalan CCTV Majlis, IPK, IPD dan Balai Polis Batu Ferringhi tidak didaftarkan dan dilabel sebagai aset Majlis.

### **1.6.3. *Improper Payment* Bagi Perolehan dan Penyenggaraan Lapan (8) Unit Kamera Hala Tetap Fasa 2**

Mengikut dokumen kontrak, projek Fasa 2 yang ditandatangani pada 20 Mei 2015 mengenai spesifikasi/skop kerja yang ditetapkan oleh Majlis, kontraktor hendaklah membekal dan memasang peralatan dan infrastruktur di tapak dan bilik kawalan CCTV. Tempoh penyenggaraan komprehensif adalah selama lima (5) tahun mulai 29 Julai 2014 hingga 28 Julai 2019. Tempoh kecacatan adalah selama 12 bulan selepas tamat tempoh penyenggaraan komprehensif.

1.6.3.1. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati kerja-kerja pembekalan dan pemasangan bagi projek Fasa 2 bermula pada 8 April 2014 dan hendaklah disiapkan pada atau sebelum 28 Julai 2014. Perakuan siap kerja telah dikeluarkan pada 30 Ogos 2014. Kos projek bagi Fasa 2 adalah sejumlah RM5.4 juta. Ia melibatkan pemasangan 98 unit kamera yang terdiri daripada 31 unit kamera *Pan-Tilt-Zoom* (PTZ) dan 67 unit kamera hala tetap.

1.6.3.2. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak lapan (8) daripada 67 unit kamera hala tetap tidak dipasang oleh kontraktor di jejantas Octopus sehingga pengauditan selesai dijalankan pada bulan Disember 2017 walaupun bayaran penuh terhadap pembekalan dan pemasangan serta penyenggaraan bagi lapan (8) unit kamera tersebut dibuat.

1.6.3.3. Pihak Audit dimaklumkan kegagalan memasang lapan (8) unit kamera hala tetap tersebut disebabkan Majlis dalam perancangan untuk menaik taraf jejantas Octopus pada tahun 2014 dan kerja-kerja menaik taraf mula dijalankan mulai tahun 2015 hingga 2017. Bayaran pembekalan dan

penyenggaraan bagi lapan (8) unit CCTV yang tidak dipasang telah menyebabkan kerugian kepada Majlis.

### **Maklum Balas Majlis yang Diterima pada 5 Februari 2018**

*Lapan unit kamera tidak dipasang di jejantas Octopus kerana jejantas tersebut terlibat dengan kerja-kerja menaik taraf di mana kerja-kerja telah dimulakan pada tahun 2015 dan siap pada hujung bulan Disember 2017. Pihak kontraktor telah memasang lapan (8) unit kamera di jejantas Octopus tersebut pada 24 Januari 2018. Potongan telah dibuat untuk bayaran penyenggaraan yang dibuat daripada 1 September 2014 hingga 31 Januari 2018. Jumlah bayaran yang dipotong melalui bayaran penyenggaraan bulan Januari 2018 adalah sebanyak RM51,394.06 (RM48,484.96 dan 6% caj GST RM2,909.10).*

Pada pendapat Audit, pembayaran terhadap pembekalan dan penyenggaraan lapan (8) unit kamera yang tidak dipasang bagi tempoh dari bulan September 2014 hingga Disember 2017 adalah melanggar peraturan kewangan.

#### **1.6.4. Penyenggaraan CCTV**

Kontraktor bertanggungjawab ke atas semua perkhidmatan penyenggaraan CCTV secara komprehensif yang meliputi penyenggaraan berkala, penyenggaraan pemulihan/pembaikan, penyenggaraan penyesuaian/peningkatan dan penggantian sistem, peralatan atau perisian yang rosak ataupun telah usang bagi semua sistem CCTV dan semua peralatan yang dipasang.

##### **1.6.4.1. Penyenggaraan Berkala Tidak Meliputi Kesemua Unit Kamera dan Repeater**

- a. Mengikut dokumen kontrak, kontraktor bertanggungjawab melaksanakan penyenggaraan berkala satu (1) bulan sekali bagi penyenggaraan bulanan, tiga (3) bulan sekali untuk penyenggaraan suku tahun, enam (6) bulan sekali bagi penyenggaraan separuh tahun dan 12 bulan sekali bagi penyenggaraan tahunan.
- b. Penyenggaraan berkala meliputi penyenggaraan di tapak dan bilik kawalan CCTV Majlis, IPK, IPD dan Balai Polis Batu Ferringhi. Selain daripada penyenggaraan berkala, kontraktor juga bertanggungjawab membaki peralatan CCTV sekiranya berlaku kerosakan. Setiap penyenggaraan mahupun pembaikan kerosakan perlu direkodkan di dalam laporan kerja penyenggaraan berkala dan laporan kerja pembaki kerosakan. Semua

laporan tersebut perlu diserahkan kepada Majlis bagi tujuan pemantauan sebelum bayaran bulanan dilakukan kepada kontraktor.

- c. Pihak Audit telah memilih sampel laporan kerja penyenggaraan berkala bagi tempoh enam (6) bulan iaitu mulai bulan Mei hingga Oktober 2017 terhadap projek Fasa 2, Fasa 3, Fasa 4 dan kawasan bukit. Semakan Audit mendapati penyenggaraan berkala di tapak CCTV kawasan bukit dan di bilik kawalan CCTV Majlis, IPK, IPD dan Balai Polis Batu Ferringhi telah dilaksanakan dengan sempurna. Bagaimanapun bagi projek Fasa 2, 3 dan 4, kontraktor telah menjalankan penyenggaraan kamera dan *repeater* di tapak tetapi tidak meliputi kesemua unit seperti yang telah dipersetujui di dalam dokumen kontrak. Butiran adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.9  
BILANGAN KAMERA DAN REPEATER YANG TIDAK DIJALANKAN  
PENYENGGARAAN BERKALA BAGI BULAN MEI HINGGA OKTOBER 2017**

PROJEK CCTV	BILANGAN KAMERA DAN REPEATER SEPATUTNYA DISENGGARA SETIAP BULAN (UNIT)	BILANGAN KAMERA DAN REPEATER YANG TIDAK DISENGGARA MENGIKUT BULAN (UNIT)					
		MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER
Fasa 2	94	70	-	4	1	2	2
Fasa 3	109	64	10	5	19	3	7
Fasa 4	224	160	2	36	-	-	20
Kawasan Bukit	36	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>463</b>	<b>294</b>	<b>12</b>	<b>45</b>	<b>20</b>	<b>5</b>	<b>29</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- d. Semakan selanjutnya mendapati, penyenggaraan berkala tidak dibuat terhadap 405 unit kamera dan *repeater* bagi tempoh bulan Mei hingga Oktober 2017. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati klausa berkenaan denda dan pengiraan denda akan dikenakan sekiranya kontraktor gagal menjalankan kerja-kerja penyenggaraan berkala telah tidak dinyatakan bagi projek Fasa 2, 3 dan 4. Berdasarkan dokumen kontrak juga, kontraktor bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan terhadap semua unit kamera dan *repeater* yang telah dipasang bagi setiap fasa kerana kos penyenggaraan telah pun dimasukkan ke dalam kos perolehan projek.
- e. Semakan ke atas baucar bayaran bagi tempoh bulan Mei hingga Oktober 2017 mendapati pembayaran penuh penyenggaraan bulanan telah dibuat kepada kontraktor iaitu sejumlah RM95,339.85 bagi Fasa 2, RM83,693 bagi Fasa 3 dan RM160,914.79 bagi Fasa 4. Bagaimanapun hasil

analisis pihak Audit mendapati penyenggaraan yang dilakukan adalah tidak menyeluruh adalah seperti di **Jadual 1.9**.

- f. Kegagalan Majlis menyatakan klaus *Kenaan Denda* menyebabkan kepentingan Majlis tidak dijaga dan tindakan potongan bayaran bulanan tidak dapat dibuat sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan sedangkan kos penyenggaraan bagi kesemua unit kamera dan *repeater* telah dimasukkan dalam kos perolehan projek. Keadaan ini menyebabkan kerugian kepada Majlis.

#### **Maklum Balas Majlis yang Diterima pada 5 Februari 2018**

*Majlis akan memastikan semakan yang lebih teliti dibuat pada masa hadapan. Majlis ambil maklum klaus *denda* bagi kerja-kerja penyenggaraan yang tidak dijalankan oleh kontraktor akan dimasukkan dalam dokumen kontrak pemasangan CCTV yang baru selepas ini dan dokumen kontrak tambahan untuk tender sedia ada.*

Pada pendapat Audit, Majlis perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja penyenggaraan berkala yang dijalankan oleh kontraktor.

#### **1.6.5. Pemantauan**

Pemantauan terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, menepati skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit semasa pelaksanaan kerja dibuat. Kaedah pemantauan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah melalui lawatan tapak, laporan penyenggaraan bulanan dan juga pemantauan melalui bilik kawalan CCTV bagi mengesan gangguan kepada sistem.

##### **1.6.5.1. Sistem Log Tidak Diaktifkan dan Data yang Dijana Tidak Lengkap**

- a. Mengikut Dasar Keselamatan ICT MAMPU Tahun 2010, pentadbir sistem perlu mewujudkan sistem log bagi merekodkan semua aktiviti harian pengguna serta menyemak sistem log secara berkala bagi mengesan ralat yang menyebabkan gangguan kepada sistem dan mengambil tindakan membaik pulih dengan kadar segera. Kesemua fasa CCTV yang dipasang oleh Majlis menggunakan sistem pengoperasian IndigoVision NVR.

- b. Semakan Audit mendapati sistem ini mempunyai sistem log tetapi tidak diaktifkan sehingga semakan Audit dibuat terhadap sistem tersebut pada 28 November 2017. Semakan terhadap 351 daripada 998 data yang dijana daripada sistem log pada 24 Januari 2018 mendapati, data yang dijana tidak menunjukkan tempoh masa akhir kegagalan paparan. Antara data yang dijana daripada sistem log pada 24 Januari 2018 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.10  
KEGAGALAN PAPARAN CCTV PADA 24 JANUARI 2018**

BIL.	NO. KAMERA	MASA MULA KEGAGALAN	JENIS KEGAGALAN
1.	L4P1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected</i>
2.	L23P1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected</i>
3.	L23F1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
4.	L4F1	11.30 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
5.	R6F1	11.30 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
6.	S30P1	11.30 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
7.	S30F1	11.30 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
8.	S40P1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
9.	S40F1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
10.	S40F2	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
11.	S33F3	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
12.	L22P1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
13.	L22F1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
14.	L6PI	11.40 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
15.	L6F1	11.40 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
16.	N10P1	11.40 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
17.	N10F2	11.40 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
18.	N10F3	11.22 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
19.	L31F1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>
20.	S33F1	11.39 PM	<i>Cannot be found on the network. It may have been disconnected or powered down</i>

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- c. Keadaan ini menyebabkan Majlis sukar memantau tempoh lama berlakunya kegagalan paparan dan kekerapan berlakunya kegagalan paparan sistem bagi satu-satu kamera CCTV yang digunakan. Susulan Audit yang dijalankan pada 24 Januari 2018 di bilik kawalan Majlis mendapati sistem log yang diaktifkan tidak menunjukkan tempoh masa akhir kegagalan paparan.

### **Maklum Balas Majlis yang Diterima pada 5 Februari 2018**

*Kamera CCTV yang dipasang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di seluruh Malaysia menggunakan sistem IndigoVision di mana sistem log juga tidak diaktifkan. Bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini Majlis telah menghantar surat kepada Syarikat Datasonic Sdn. Bhd. supaya IndigoVision dapat membuat “research and development” (R&D) bagi sistem log untuk penambahbaikan. Mengikut kontraktor, sistem log IndigoVision tidak dapat berfungsi dengan sempurna tanpa ‘third party software’ dan pihak IndigoVision juga tidak pasti sama ada sistem log akan berfungsi dengan berkesan sekiranya ‘third party software’ digunakan. Namun, tindakan akan diambil oleh pihak kontraktor untuk mengatasi masalah ini. Keperluan sistem log tidak dimasukkan dalam tender sedia ada dan akan disyaratkan dalam tender yang akan datang.*

Pada pendapat Audit, sistem log perlu diaktifkan bagi memantau kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan sistem yang dijalankan oleh kontraktor.

#### **1.6.6. Latihan Tidak Mencukupi**

1.6.6.1. Mengikut Dokumen Kontrak, jenis dan bilangan latihan yang diberikan adalah tertakluk kepada permintaan Majlis sepanjang tempoh kontrak. Latihan adalah diperlukan untuk memastikan berlakunya pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran. Terdapat lima (5) jenis latihan yang telah dipersetujui akan diberikan oleh kontraktor kepada Majlis merangkumi beberapa kumpulan sasaran iaitu *Master Of Trainer* (MOT), Pengguna Eksekutif, Pengguna Teknikal, Pentadbir Sistem dan pengguna akhir. Keperluan kekerapan dan jenis latihan adalah tidak terhad bergantung kepada permintaan Majlis sepanjang tempoh kontrak. Latihan untuk kakitangan Majlis akan dijalankan selepas perkakasan dan perisian telah dipasang, dilaksana dan diuji.

1.6.6.2. Pihak Audit mendapati hanya satu (1) jenis latihan sahaja yang diminta oleh Majlis kepada kontraktor sejak pemasangan CCTV Fasa 1 siap dan beroperasi mulai tahun 2014 sehingga pengauditan selesai

dijalankan. Latihan tersebut hanya melibatkan latihan kepada pengguna akhir sahaja. Bilangan latihan pengguna akhir tersebut telah dilakukan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 26 September 2015, 4 Mei 2017 dan 26 September 2017.

1.6.6.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati baki empat (4) jenis latihan iaitu latihan kepada *Master Of Trainer* (MOT), Pengguna Eksekutif, Pengguna Teknikal dan Pentadbir Sistem masih belum diminta oleh Majlis kepada kontraktor. Kesannya menyebabkan pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran masih belum berlaku sepenuhnya.

#### **Maklum Balas Majlis yang Diterima pada 5 Februari 2018**

*Majlis ambil maklum dan latihan kepada anggota penguat kuasa dan polis akan diberikan setiap tahun. Latihan-latihan termasuk Master of Trainer (MOT) telah diadakan semasa penyerahan peralatan dan latihan kepada MOT lanjut akan diberikan oleh kontraktor. Majlis akan mengadakan latihan MOT pada bulan Mac 2018 kerana pada masa kini sistem IndigoVision 14.0 sedang dinaik taraf oleh kontraktor kepada IndigoVision 15.0.*

Pada pendapat Audit, permintaan untuk mengadakan latihan oleh Majlis kepada kontraktor adalah tidak memuaskan kerana latihan yang dibuat tidak merangkumi jenis latihan kepada *Master Of Trainer* (MOT), Pengguna Eksekutif, Pengguna Teknikal dan Pentadbir Sistem. Kegagalan mendapat kesemua jenis latihan yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak akan merugikan Majlis di mana pemindahan teknologi dan kemahiran tidak berlaku. Pihak Audit, tidak bersetuju dengan maklum balas Majlis mengenai jenis latihan *Master of Trainer* (MOT) telah diadakan semasa penyerahan peralatan. Majlis tidak memberikan bukti dokumentasi seperti surat panggilan latihan mahupun senarai peserta yang terlibat bagi membuktikan latihan tersebut telah dilaksanakan.

### **1.7. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik pengurusan kawalan keselamatan bandar melalui penggunaan kamera litar tertutup (CCTV), pihak Audit mengesyorkan Majlis mengambil tindakan seperti berikut:

1.7.1. memastikan setiap perolehan yang diterima dan bayaran yang dilakukan adalah mengikut kuantiti peralatan dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan seperti di dalam dokumen kontrak serta memastikan kesemua peralatan didaftarkan sebagai aset Majlis dan penyenggaraan berkala dilakukan sepenuhnya;

- 1.7.2. memastikan sistem log merangkumi maklumat-maklumat berkaitan operasi CCTV bagi membolehkan pemantauan dilakukan oleh Majlis; dan
- 1.7.3. memastikan latihan dirancang dan dilaksanakan bagi semua peringkat pengguna supaya pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran berlaku sebelum tamatnya sesuatu kontrak dan keupayaan sistem dapat dimanfaatkan semua bagi mencapai objektif projek.

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

### 2. PENGURUSAN KUARTERS KERAJAAN NEGERI

#### 2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Dasar Kuarters Kerajaan Negeri Pulau Pinang digubal pada tahun 2005 dan dipinda pada tahun 2008 telah menyenaraikan prosedur serta kriteria pengagihan kuarters yang diperlukan. Prosedur dan proses itu adalah berkaitan permohonan, pendaftaran, pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri (JIPKKN), proses tawaran dan tandatangan perjanjian serta penyerahan kunci kuarters. Dasar Kuarters juga menetapkan sistem pemarkahan dan senarai menunggu dalam kriteria pemilihan dan peruntukan kuarters kepada pemohon. Perintah Am Bab E mendefinisikan Kuarters Kerajaan adalah rumah kediaman Kerajaan yang dibina oleh Kerajaan untuk didiami oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang layak mengikut syarat. Objektif penyediaan kuarters Kerajaan adalah untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat kepada penjawat awam.

2.1.2. Pengurusan kuarters Kerajaan Negeri bagi Daerah Timur Laut diuruskan oleh Seksyen Pengurusan Aset dan Bangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUK) manakala daerah lain adalah di bawah bidang kuasa Jabatan di daerah masing-masing. Setakat bulan Disember 2017, bilangan kuarters Kerajaan Negeri yang diuruskan oleh PSUK adalah sebanyak 777 unit terdiri daripada kuarters kelas A hingga kelas J. Pecahan kuarters mengikut kelas adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.1**  
**BILANGAN KUARTERS MENGIKUT KELAS DI PEJABAT**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SETAKAT DISEMBER 2017**

KELAS KUARTERS	BILANGAN KUARTERS (UNIT)
A	1
B	15
C	53
D	44
E	176
F	50
G/H/I/J	438
<b>JUMLAH</b>	<b>777</b>

Sumber: PSUK

2.1.3. Mengikut Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bil. 1 Tahun 2007, pegawai layak ditawarkan kuarters mengikut gred jawatan dan kelas kelayakan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.2**  
**SENARAI GRED JAWATAN DAN KELAS KELAYAKAN KUARTERS**

GRED JAWATAN	KELAS KELAYAKAN KUARTERS
53 - 54	C / B*
47 - 52	C
41 - 46	D / C*
31 - 40	E / D*
27 - 30	E
21 - 26	F / E*
13 - 20	G
1 - 12	H, I & J

Sumber: PSUK

Nota: (\*) Sekiranya Kuarters Kelas Yang Lebih Tinggi Mempunyai Kekosongan

2.1.4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membangunkan sistem eKuarters pada tahun 2013 dengan kos berjumlah RM46,000 bagi menyokong perkhidmatan yang disediakan berkaitan pengurusan kuarters yang merangkumi fungsi permohonan, kelulusan dan pelaporan kuarters.

2.1.5. Penyenggaraan kuarters menggunakan peruntukan pembangunan di bawah Kod Program P01/57 Kuarters Kerajaan Negeri dan juga peruntukan di bawah Vot Mengurus (Penyenggaraan/Pembaikan Kecil Yang Dibeli) di bawah Program Khidmat Pengurusan PSUK (Kod 32000). Bagi tempoh 2015 hingga 2017, sejumlah RM26.84 juta telah diperuntukkan untuk penyenggaraan kuarters Kerajaan Negeri dan daripada jumlah ini sejumlah RM23.33 juta (86.9%) telah dibelanjakan. Manakala bagi tempoh yang sama, hasil sewaan kuarters berjumlah RM5.82 juta telah dikutip melalui potongan gaji, secara tunai ataupun cek.

2.1.6. Kuarters Kerajaan disewakan mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 mengenai pemotongan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP).

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kuarters Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### **2.3. SKOP PENGAUDITAN**

2.3.1. Dua bidang Audit utama (*Key Audit Area*) yang dinilai adalah aspek prestasi kquarters dan pengurusan kquarters bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Bagi prestasi kquarters, perkara yang dinilai meliputi prestasi kewangan, prestasi output dan prestasi *outcome* manakala bagi pengurusan kquarters pula, perkara yang dinilai meliputi Dasar Kquarters, kutipan sewaan, penyenggaraan kquarters, pemantauan dan kepuasan pelanggan.

2.3.2. Pengauditan dijalankan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melibatkan penilaian terhadap pengurusan 90 unit kquarters (11.6%) daripada keseluruhan 777 unit. Daripada 90 unit kquarters tersebut, sebanyak 36 (40%) kerja penyenggaraan/pembaikan kquarters telah disemak dan 53 unit kquarters telah dilawati. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.3  
KUARTERS YANG DILAWATI**

KELAS KUARTERS	BILANGAN KUARTERS DILAWATI (UNIT)
B	8
C	26
D	6
E	1
F	4
G/H/I/J	8
<b>JUMLAH</b>	<b>53</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data berkaitan. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan di kquarters yang dipilih bagi mendapatkan gambaran sebenar keadaan semasa kquarters dan menilai keberkesanan kerja penyenggaraan. Perbincangan dan temu bual turut diadakan bersama pegawai terlibat untuk mendapatkan penjelasan lanjut serta soal selidik berkaitan pengurusan dan penyenggaraan kquarters juga diedarkan kepada penghuni kquarters bagi mendapat maklum balas berkaitan tahap kepuasan mereka.

### **2.5. RUMUSAN AUDIT**

2.5.1. Objektif penyediaan kquarters adalah untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat kepada penjawat awam. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2017 mendapati objektif penyediaan kquarters secara umumnya telah dapat dicapai di mana seramai

662 (98.2%) daripada 674 unit kuarters yang sedia ada telah diisi dan bakinya 12 (1.8%) belum diisi sehingga bulan Disember 2017.

2.5.2. Bagi menilai aspek kecekapan pengurusan kuarters, pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. peranan mempertimbangkan permohonan menduduki kuarters dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Kuarters Daerah Timur Laut (JPKDTL) tidak mengikut Dasar Kuarters Tahun 2008 yang sepatutnya dibuat oleh JIPKKN;
- ii. seramai 26 penghuni kuarters memiliki rumah melalui pinjaman perumahan Kerajaan yang berada dalam jarak 25 kilometer dari pejabat;
- iii. sebanyak 19 dokumen perjanjian kuarters lewat ditandatangani antara 30 hingga 1,029 hari;
- iv. sebanyak enam (6) kes pelanggaran syarat perjanjian menghuni berlaku disebabkan pemantauan yang kurang berkesan oleh PSUK;
- v. kehilangan hasil sejumlah RM77,317.50 disebabkan perbezaan kadar sewaan kuarters, sewaan kuarters tidak mengikut kadar yang ditetapkan dan tunggakan sewa kuarters; dan
- vi. berlakunya *conflict of interest* dalam kerja penyenggaraan kuarters disebabkan jemputan *quotation* dan pelantikan kontraktor yang mempunyai hubungan dengan pegawai PSUK dan jemputan *quotation* bagi kerja yang sama telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang saling mempunyai hubungan.

## 2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 29 Januari 2018 manakala maklum balas PSUK diterima pada 7 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

### 2.6.1. Prestasi Kuarters

#### 2.6.1.1. Prestasi Kewangan

- a. Peruntukan kewangan yang mencukupi dapat menjamin kerja penyenggaraan dan kerja pembaikan bangunan kuarters dibuat dengan berkesan dan tepat pada masanya.

- b. Semakan Audit mendapati peruntukan bagi kerja penyenggaraan kuarters disediakan di bawah dua (2) vot iaitu:
- Vot Pembangunan di bawah Kod Program P01/57 Kuarters Kerajaan Negeri untuk penyenggaraan kuarters di bawah seliaan PSUK; dan
  - Vot Mengurus (Penyenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli-Kod OS32000). Peruntukan ini adalah untuk penyenggaraan dan pembaikan di bawah Program Khidmat Pengurusan PSUK (Kod 32000).
- c. Selanjutnya, bagi tempoh 2015 hingga 2017, sejumlah RM26.84 juta telah diperuntukkan dan daripada amaun tersebut sejumlah RM23.33 juta (86.9%) telah dibelanjakan. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan dan mengurus mengikut tahun adalah seperti di jadual.

**JADUAL 2.4  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017**

BIL.	TAHUN	VOT PEMBANGUNAN			VOT MENGURUS		
		PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	2015	1.29	0.60	46.5	7.49	7.43	99.2
2.	2016	0.61	0.21	34.4	8.08	8.01	99.1
3.	2017	1.88	*0.63	33.5	7.49	6.45	86.1
<b>JUMLAH</b>		<b>3.78</b>	<b>1.44</b>	<b>38.1</b>	<b>23.06</b>	<b>21.89</b>	<b>94.9</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) sehingga Oktober 2017

- d. Analisis peratusan perbelanjaan Vot Pembangunan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 menunjukkan kesemua perbelanjaan yang dilakukan adalah di bawah 50% daripada peruntukan yang diluluskan. Peratusan keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi ketiga-tiga tahun tersebut hanya mencapai 38.1% sahaja. Manakala bagi Vot Mengurus, perbelanjaan yang dicatatkan adalah melebihi 85% bagi ketiga-tiga tahun yang sama. Peratus keseluruhan yang dicatatkan bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah sebanyak 94.9%. Walaupun begitu, perbelanjaan ini meliputi semua perbelanjaan mengurus dan prestasi sebenar perbelanjaan penyenggaraan bangunan tidak dapat disahkan dan dibuat perbandingan kerana rekod penyenggaraan kuarters tidak diasangkan.

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Vot Pembangunan adalah tidak cekap kerana hanya 38.1% dibelanjakan, manakala prestasi perbelanjaan Vot Mengurus tidak dapat disahkan kerana rekod perbelanjaan penyenggaraan kuarters PSUK tidak diasangkan.**

### 2.6.1.2. Prestasi Output

- a. Dasar Kuarters Kerajaan Negeri digubal bagi memastikan pengagihan kuarters kepada kakitangan awam di Negeri Pulau Pinang dibuat dengan adil, telus dan sistematik.
- b. Berdasarkan data eKuarters, bilangan keseluruhan kuarters yang didaftarkan oleh PSUK setakat bulan Disember 2017 adalah sebanyak 777 unit. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, seramai 729 orang penjawat awam telah memohon untuk menduduki kuarters dan daripada bilangan ini seramai 186 orang pemohon telah ditawarkan kuarters. Bilangan permohonan dan penawaran kuarters bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5**  
**BILANGAN PERMOHONAN DAN PENAWARAN MENDUDUKI KUARTERS**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN TAWARAN
1.	2015	238	53
2.	2016	230	66
3.	2017	261	67
<b>JUMLAH</b>		<b>729</b>	<b>186</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Berdasarkan jadual di atas, pada tahun 2015 seramai 53 (22.3%) daripada 238 orang pemohon telah ditawarkan menduduki kuarters. Manakala, pada tahun 2016 menunjukkan penurunan permohonan iaitu seramai 230 dan 66 (28.7%) orang pemohon telah ditawarkan menduduki kuarters dalam tahun tersebut. Bagaimanapun, permohonan menduduki kuarters telah meningkat seramai 261 pada tahun 2017 dan daripada bilangan tersebut seramai 67 (25.7%) orang pemohon telah ditawarkan menduduki kuarters. Kadar peratusan penawaran menduduki kuarters yang rendah berlaku kerana jumlah kekosongan semasa tidak dapat menampung permohonan yang diterima. Selain itu, kelulusan pelanjutan tempoh menghuni kuarters kepada penghuni yang sedia ada turut menghadkan peluang kepada pemohon baru.
- d. Selain itu, analisis Audit terhadap rekod permohonan menduduki kuarters melalui sistem eKuarters mulai tahun 2007 sehingga bulan Disember 2017 mendapati seramai 284 orang pemohon masih menunggu antara satu (1) hingga melebihi enam (6) tahun untuk ditawarkan kuarters. Bagi permohonan sebelum tahun 2007 didapati tiada senarai menunggu ditunjukkan di dalam sistem eKuarters. Analisis bilangan dan tempoh menunggu permohonan kuarters setakat bulan Disember 2017 mengikut

kakitangan di jabatan negeri dan jabatan persekutuan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.6**  
**BILANGAN DAN TEMPOH MENUNGGU**  
**PERMOHONAN KUARTERS SETAKAT BULAN DISEMBER 2017**

BIL.	KAKITANGAN	BILANGAN MENUNGGU DAN TEMPOH MENUNGGU (TAHUN)					JUMLAH
		< 1	1 - 2	3 - 4	5 - 6	> 6	
1.	Negeri	17	0	0	0	0	17
2.	Persekutuan	88	87	83	8	1	267
<b>JUMLAH</b>		<b>105</b>	<b>87</b>	<b>83</b>	<b>8</b>	<b>1</b>	<b>284</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. Berdasarkan jadual di atas, tempoh menunggu bagi kakitangan jabatan negeri adalah kurang daripada setahun iaitu seramai 17 orang. Manakala bagi pemohon dari jabatan persekutuan, tempoh menunggu adalah antara satu (1) hingga melebihi enam (6) tahun melibatkan seramai 267 orang. Perkara ini berlaku disebabkan permintaan menduduki melebihi daripada penawaran kquarters yang ada.
- f. Sehubungan itu, analisis Audit terhadap tempoh menduduki kquarters oleh penghuni mendapati sehingga bulan Disember 2017, seramai 662 orang telah menghuni kquarters antara tempoh satu (1) hingga 35 tahun seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.7**  
**ANALISIS TEMPOH MENDUDUKI KUARTERS**

PERKARA	TEMPOH MENDUDUKI KUARTERS / TAHUN				JUMLAH PENGHUNI
	≤ 10	11 – 20	21- 30	31 - 35	
Bil. Penghuni	530	117	14	1	662

Sumber: Jabatan Audit Negara

- g. Berdasarkan jadual di atas, seramai 530 orang penghuni telah menduduki kquarters kurang dari 10 tahun, seramai 117 orang penghuni menduduki kquarters antara 11 hingga 20 tahun, seramai 14 orang penghuni menduduki kquarters antara 21 hingga 30 tahun dan seorang penghuni telah menduduki kquarters selama 35 tahun. Perkara ini berlaku kerana tempoh maksima menduduki kquarters tidak ditetapkan dalam Dasar Kquarters menyebabkan berlaku kes pemohon yang menunggu untuk ditawarkan kquarters melebihi enam (6) tahun.

### **Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018.**

*PSUK juga telah menyemak pemohon yang menunggu melebihi enam (6) tahun namun tidak dapat dikesan kerana maklumat yang disertakan dalam Sistem adalah tidak lengkap. PSUK juga telah membuat semakan dalam Sistem dan menghubungi pemohon yang telah memohon dari tahun 2012 sekiranya masih berminat untuk menduduki kuarters. Walau bagaimanapun, pemohon gagal dihubungi dan pentadbiran ini juga telah menghubungi jabatan pemohon dan mendapati pemohon tidak bertugas di jabatan berkenaan dan telah bertukar keluar dari Pulau Pinang. PSUK telah mengemas kini data berkenaan dan mengeluarkan permohonan tersebut daripada Sistem. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat JPKDTL Bil. 4 Tahun 2017 yang bersidang pada 20 April 2017. Bagi tujuan penambahbaikan, tindakan pengemaskinian dalam Sistem bagi pemohon yang masih berminat untuk menduduki kuarters PSUK dibuat dua (2) kali setahun secara konsisten.*

Pada pendapat Audit, tempoh menunggu permohonan menduduki kuarters telah diuruskan dengan cekap.

#### **2.6.1.3. Prestasi Outcome**

- a. Objektif penyediaan kuarters adalah untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat kepada penjawat awam.
- b. Analisis Audit dibuat terhadap prestasi pengisian kuarters dan mendapati peratusan pengisian kuarters pada bulan Disember 2017 adalah tinggi iaitu 98.2%. Kedudukan pengisian kuarters mengikut kelas setakat bulan Disember 2017 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.8  
MAKLUMAT PENGISIAN KUARTERS SETAKAT DISEMBER 2017**

KELAS KUARTERS	BILANGAN DIDAFTARKAN	TIDAK BOLEH DIISI (LUPUS/DIBERI KEPADA PIHAK LUAR)	BILANGAN KUARTERS YANG BOLEH DIISI	DIISI	KOSONG
A	1	1	0	0	0
B	15	6	9	8	1
C	53	17	36	34	2
D	44	4	40	40	0
E	176	1	175	172	3
F	50	1	49	49	0
G/H/I/J	438	73	365	359	6
<b>JUMLAH</b>	<b>777</b>	<b>103</b>	<b>674</b>	<b>662</b>	<b>12</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Jadual di atas menunjukkan bilangan keseluruhan kquarters sebanyak 777 unit dan daripada bilangan ini sebanyak 103 unit telah dilupuskan/diberikan kepada pihak luar antaranya jabatan/agensi kerajaan, persatuan penduduk dan pihak swasta dengan kebenaran Kerajaan Negeri atas alasan sebagai pusat pembelajaran yang memberi keutamaan kepada pembangunan sosial dan masyarakat yang tidak berasaskan keuntungan. Ini menjadikan jumlah sebenar kquarters yang boleh diisi adalah sebanyak 674 unit. Sehingga bulan Disember 2017, sebanyak 662 (98.2%) unit kquarters telah diisi manakala bakinya sebanyak 12 (1.8%) unit kquarters belum dibuat pengisian kerana sedang dalam proses pembaikan untuk diserahkan kepada pemohon baru dan pengesahan fizikal telah dibuat oleh Audit pada 12 Disember 2017.

#### **Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018.**

*Jumlah kquarters sedia ada adalah jauh lebih rendah daripada jumlah permohonan. Di samping itu, keutamaan pengisian kquarters masih lagi mengikut keutamaan 60:40 dan keistimewaan tersebut dinikmati oleh kakitangan negeri yang bertugas dan kakitangan persekutuan yang mempunyai tanggungjawab yang kritikal di lokaliti tempat bertugas. Setakat 15 Disember 2017, 11 unit kquarters telah ditawarkan bagaimanapun kquarters No. 24JMN (Rumah Khas Jawatan) masih tidak diisi memandangkan penyandang jawatan Pegawai Daerah masih kosong.*

Pada pendapat Audit, prestasi pengagihan dan pengisian kquarters telah dilaksanakan dengan berkesan kerana 98.2% kquarters telah dibuat pengisian sehingga bulan Disember 2017 dan telah mencapai objektifnya untuk memberi kemudahan tempat tinggal kepada penjawat awam selaras dengan Dasar Kquarters Kerajaan Negeri bagi memastikan pengagihan kquarters adalah adil, telus dan sistematik.

#### **2.6.2. Pengurusan Kquarters**

##### **2.6.2.1. Dasar Kquarters Kerajaan Negeri**

a. Dasar Kquarters Tahun 2008 menetapkan pertimbangan permohonan menduduki kquarters dibuat oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Kquarters Kerajaan Negeri (JIPKKN) untuk kquarters PSUK yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (TSUK). JIPKKN turut berperanan menggubal dasar dan arah tuju pengurusan dan pembangunan

kuarters Kerajaan Negeri, memantau pelaksanaan dasar dan mengkaji Dasar Kuarters Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

- b. Semakan Audit mendapati pertimbangan permohonan menduduki kuarters PSUK telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kuarters Daerah Timur Laut (JPKDTL) dan tidak dibuat melalui JIPKKN.
- c. JIPKKN yang digubal melalui Dasar Kuarters Tahun 2008 tidak lagi wujud kerana tidak bermesyuarat menyebabkan peranan JIPKKN dalam mempertimbangkan permohonan menduduki kuarters PSUK telah diambil alih oleh JPKDTL. Perbezaan peranan dan keahlian bagi kedua-dua jawatankuasa tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.9  
PERBEZAAN PERANAN DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA**

PERKARA	JIPKKN	JPKDTL
Peranan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggubal dasar dan arah tuju pengurusan dan pembangunan kuarters Kerajaan Negeri, memantau pelaksanaan dasar dan mengkaji dasar kuarters daripada semasa ke semasa.</li> <li>2. Pertimbangan permohonan kuarters (PSUK).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertimbangan permohonan kuarters PSUK.</li> </ol>
Keahlian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Timbalan SUK (Pengurusan)- Pengerusi</li> <li>2. Ketua Penolong SUK (KP dan Kewangan)- Ahli</li> <li>3. Penolong SUK/Wakil- Ahli</li> <li>4. Bendahari Negeri/Wakil- Ahli</li> <li>5. Pengarah JKR/Wakil- Ahli</li> <li>6. Pengarah PTG/Wakil- Ahli</li> <li>7. Pengarah PKT/Wakil- Ahli</li> <li>8. Semua Pegawai Daerah/Wakil- Ahli</li> <li>9. Jurutera Daerah Timur Laut/Wakil- Ahli</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Timbalan SUK (Pengurusan)- Pengerusi</li> <li>2. Ketua Penolong SUK (KP dan Kewangan)- Ahli</li> <li>3. Penolong SUK/Wakil- Ahli</li> <li>4. Pengarah JKR/Wakil- Ahli</li> <li>5. Pengarah PTG/Wakil- Ahli</li> <li>6. Jurutera Daerah Timur Laut/Wakil- Ahli</li> </ol>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- d. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklumat penubuhan JPKDTL antaranya seperti latar belakang dan objektif penubuhan serta keahlian disebabkan maklumat tidak diperoleh semasa pengauditan dijalankan.

#### Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018

*PSUK telah mengambil tindakan mengemas kini dan penambahbaikan pada Dasar Kuarters sedia ada. Untuk makluman berkaitan dasar baru ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat JPKDTL Bil. 10 Tahun 2017. Perkara dasar yang telah dikemas kini selari dengan pelaksanaan semasa serta ditambahbaik dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Aset Tetap Kerajaan Negeri yang akan bermesyuarat pada bulan Mac 2018.*

**Pada pendapat Audit, perubahan dalam pelaksanaan bagi pertimbangan permohonan menduduki kuarters perlu dinyatakan dengan jelas dan dikemas kini di dalam Dasar Kuarters yang ada.**

#### **2.6.2.2. Pematuhan Kriteria Asas Menduduki Kuarters**

- a. Dasar Kuarters Tahun 2008 menetapkan setiap permohonan kuarters perlu memenuhi kriteria asas berikut antaranya bertugas di jabatan yang beroperasi di Pulau Pinang, lokasi kuarters mengikut daerah bertugas, kelayakan kelas kuarters ditentukan mengikut gred jawatan dan tidak memiliki rumah sendiri yang dibeli melalui pinjaman perumahan Kerajaan dalam jarak 25 kilometer (km) perjalanan darat dari tempat kerja.
- b. Semakan Audit terhadap senarai penghuni yang menduduki kuarters melalui portal Jom Semak Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dan pengesahan di jabatan penghuni bertugas, mendapati seramai 285 daripada 662 penghuni telah membuat pinjaman perumahan Kerajaan. Bagaimanapun didapati daripada bilangan ini, seramai 26 (9.1%) penghuni telah memiliki rumah dalam jarak 25 km dari tempat kerja. Butirannya adalah seperti jadual di bawah.

**JADUAL 2.10  
BILANGAN PENGHUNI YANG MEMILIKI RUMAH  
DALAM JARAK 25 KM DARI TEMPAT KERJA**

BIL.	JABATAN / PEJABAT	LOKASI RUMAH YANG DIMILIKI OLEH PENGHUNI KUARTERS MENGIKUT DAERAH		
		TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SEBERANG PERAI TENGAH
		BILANGAN KAKITANGAN (ORANG)	BILANGAN KAKITANGAN (ORANG)	BILANGAN KAKITANGAN (ORANG)
1.	PSUK	5	1	-
2.	Mahkamah Perusahaan / Tinggi Pulau Pinang	-	1	1
3.	Jabatan Pendidikan Pulau Pinang	1	1	2
4.	Jabatan Botani	1	-	-
5.	Hospital Pulau Pinang	-	-	1
6.	Penjara Pulau Pinang	-	1	1
7.	Jabatan Kerja Raya	3	1	-
8.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang	1	-	2
9.	Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut	-	1	-
10.	Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang	-	2	-
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>	<b>8</b>	<b>7</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Berdasarkan jadual di atas, seramai 11 daripada 26 penghuni telah memiliki rumah di Daerah Timur Laut manakala seramai lapan (8) penghuni di Daerah Barat Daya dan bakinya seramai tujuh (7) penghuni di Daerah Seberang Perai Tengah telah memiliki rumah melalui pinjaman perumahan Kerajaan.
- d. Perkara ini berlaku disebabkan penghuni tidak mengisyiharkan status pemilikan rumah semasa permohonan dan penawaran menduduki kuarters dibuat. Selain itu, walaupun terdapat penghuni yang mengisyiharkan status pemilikan rumah, PSUK masih menawarkan penghuni tersebut untuk menduduki kuarters. Bagi penghuni yang memiliki rumah selepas menduduki kuarters, status pemilikan rumah tidak diisyihar semasa pelanjutan tempoh menduduki kuarters dibuat. PSUK juga tidak membuat semakan lanjut maklumat yang dikemukakan oleh penghuni berkenaan bagi mengenalpasti penghuni yang mempunyai rumah dan mengesan sama ada kuarters diduduki oleh penghuni yang sah. Keadaan ini telah menjelaskan peluang kepada pemohon dalam senarai menunggu yang lebih layak menghuni kuarters.

#### **Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*PSUK akur dengan teguran Audit dan penghuni telah diminta mengemas kini maklumat berkaitan dalam borang semasa tawaran. Walau bagaimanapun, terdapat kes penghuni yang diberikan pengecualian memandangkan penghuni tersebut mempunyai kritikal tugas di jabatan penghuni. PSUK telah mengeluarkan surat penjelasan kepada penghuni dan sekiranya benar penghuni yang mempunyai pembayaran perumahan Kerajaan, PSUK akan mengeluarkan notis pengosongan kuarters. Keputusan ini juga akan diangkat di dalam JPKDTL Bil. 2 Tahun 2018 yang dijadualkan pada penghujung bulan Februari 2018. Bagi tujuan penambahbaikan, PSUK akan menyemak terlebih dahulu pemohon yang mempunyai pinjaman perumahan semasa proses pengesahan dalam Sistem eKuarters. Pemurnian kepada borang permohonan ditetapkan catatan mengenai sebarang maklumat yang berkaitan dengan pemilikan rumah yang tidak diisyiharkan maka tawaran boleh ditarik balik. Semakan secara berkala dua (2) kali setahun akan dibuat bagi mendapatkan maklumat penghuni yang mempunyai rumah melalui pinjaman perumahan Kerajaan dan surat kemas kini Daftar Penghuni akan dihantar ke jabatan penghuni untuk pengesahan pinjaman perumahan Kerajaan.*

**Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan oleh PSUK adalah tidak cekap berikutan kriteria asas menduduki kuarters tidak disemak dengan teliti dan tepat sebelum tawaran menduduki dan kelulusan pelanjutan kuarters dibuat.**

### **2.6.2.3. Dokumen Perjanjian**

#### **a. Dokumen Perjanjian Lewat Ditandatangani**

- i. Mengikut surat tawaran menduduki kuarters bagi kes baru, penghuni perlu mengembalikan dua (2) salinan dokumen perjanjian yang telah dimatikan setem dalam tempoh masa 10 hari daripada tarikh borang pengesahan tawaran diterima oleh PSUK. Manakala bagi kes pelanjutan menghuni, tempoh masa yang ditetapkan adalah 14 hari daripada tarikh surat kelulusan pelanjutan dikeluarkan. Bagi kes penghuni yang menghuni kuarters sebelum bulan November 2007, tempoh masa yang ditetapkan adalah 30 hari daripada tarikh surat arahan pertama dikeluarkan.
- ii. Semakan Audit terhadap 90 dokumen perjanjian menghuni mendapati sebanyak 19 kes (21.1%) dokumen perjanjian lewat ditandatangani antara 30 hingga 1,029 hari. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.11  
DOKUMEN PERJANJIAN LEWAT DITANDATANGANI**

BIL.	NO. UNIT	TARIKH BORANG PENGESAHAN DITERIMA / SURAT KELULUSAN LANJUTAN	TARIKH PATUT TANDATANGAN PERJANJIAN	TARIKH TANDATANGAN PERJANJIAN / TARIKH AKHIR AUDITAN	TEMPOH LEWAT (HARI)	CATATAN
1.	66-1-2 JLKH	06.06.14	06.07.14	30.04.17	1,029	Kes penghuni sebelum November 2007. Berdasarkan tarikh surat arahan pertama tandatangan perjanjian dan tarikh akuan keluar pemohon
2.	14 TK	30.12.15	09.01.16	14.12.17	705	Kes baru. Berdasarkan tarikh akhir pengauditan
3.	18C JMN	30.03.16	09.04.16	14.12.17	614	Kes baru. Berdasarkan tarikh akhir pengauditan
4.	18A JMN	08.01.14	22.01.14	28.08.15	583	Kes lanjutan
5.	10 LMS	21.04.16	01.05.16	27.10.17	544	Kes baru
6.	1-4-11 JK	24.10.16	03.11.16	02.11.17	364	Kes baru
7.	129 JMN	29.11.16	13.02.16	31.10.17	322	Kes lanjutan. Berdasarkan tarikh akuan keluar
8.	19 JL	23.11.16	03.12.16	26.10.17	327	Kes baru
9.	1-1-11 JK	17.02.17	03.03.17	14.12.17	286	Kes lanjutan. Berdasarkan tarikh akhir pengauditan

BIL.	NO. UNIT	TARIKH BORANG PENGESAHAN DITERIMA / SURAT KELULUSAN LANJUTAN	TARIKH PATUT TANDATANGAN PERJANJIAN	TARIKH TANDATANGAN PERJANJIAN / TARikh AKHIR AUDITAN	TEMPOH LEWAT (HARI)	CATATAN
10.	31 JL	15.04.15	25.04.15	08.01.16	258	Kes baru. Berdasarkan tarikh masuk kuarters
11.	21B RA	17.07.17	27.07.17	14.12.17	140	Kes baru. Berdasarkan tarikh akhir pengauditan.
12.	17A JL	15.03.17	25.03.17	18.07.17	115	Kes baru
13.	127 JMN	25.11.14	09.12.14	03.03.15	84	Kes lanjutan
14.	17 TSH	25.05.15	08.06.15	24.08.15	77	Kes lanjutan
15.	3-14-12 LM	02.03.15	16.03.15	06.05.15	51	Kes lanjutan
16.	18C JMN	11.11.14	25.11.14	02.01.15	38	Kes lanjutan
17.	7 HSP	27.02.17	09.03.17	12.04.17	34	Kes baru
18.	21A RA	17.02.16	02.03.16	01.04.16	30	Kes lanjutan
19.	3 HSP	24.06.15	08.07.15	07.08.15	30	Kes lanjutan

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: JLKH - Jalan Lim Khoon Huat  
 RA - Rose Avenue  
 LMS - Lorong Madras  
 HSP - Hilir Sungai Pinang

JL - Jalan Lahat  
 JMN - Jalan Masjid Negeri  
 LM - Lintang Macallum

TK - Taman Kennedy  
 TSH - Taman Sir Husin  
 JK - Jalan Kennedy

- iii. Jadual di atas menunjukkan senarai 19 penghuni yang lewat menandatangani dokumen perjanjian. Sebanyak sembilan (9) daripada 19 kes merupakan kes baru menduduki kuarters di mana kelewatan yang berlaku adalah antara tempoh 34 hingga 705 hari. Sebanyak tiga (3) daripada sembilan (9) kes baru ini masih belum menandatangani dokumen perjanjian sehingga tarikh akhir pengauditan iaitu pada 14 Disember 2017. Manakala baki sembilan (9) daripada 19 kes merupakan kes lanjutan menduduki kuarters di mana kelewatan yang berlaku adalah antara tempoh 30 hingga 583 hari. Daripada sembilan (9) kes lanjutan tersebut, sebanyak satu (1) kes penghuni masih belum menandatangani dokumen perjanjian sehingga tarikh akhir pengauditan dan sebanyak satu (1) kes penghuni tanpa perjanjian selama 322 hari. Bagi kes penghuni sebelum bulan November 2007, sebanyak satu (1) kes penghuni tidak menandatangani dokumen perjanjian sehingga tarikh keluar kuarters pada 30 April 2017 di mana penghuni menduduki kuarters tanpa perjanjian selama 1,029 hari.
- iv. Kelewatan menandatangani perjanjian disebabkan kurangnya pemantauan di peringkat PSUK dan sikap penghuni dalam memastikan syarat perjanjian dipatuhi. Kelewatan menandatangani perjanjian menyebabkan Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan terhadap penghuni sekiranya berlaku pelanggaran syarat dalam tempoh kelewatan tersebut.

### **Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*PSUK mengambil maklum perkara berkenaan dan seorang penghuni kuarters No. 21B RA telah dikeluarkan surat peringatan pada 23 Oktober 2013 dan 25 Januari 2018. Permasalahan ini berlaku disebabkan sikap sambil lewa penghuni untuk menyempurnakan perjanjian bagi kes penyambungan dan kes baru. Walau bagaimanapun dalam Dasar Kuarters sedia ada dan perjanjian menghuni tidak terikat untuk tarikh penghantaran perjanjian. Tempoh yang dinyatakan dalam surat tawaran hanya sebagai peringatan mesra kepada penghuni untuk dijadikan panduan. Dasar Kuarters 2008 bagi Proses Empat (4) yang meletakkan syarat pertimbangan pelanjutan selepas tiga (3) tahun akan dikaji semula bagi dasar yang baru. Manakala bagi penghuni yang baru menduduki akan menggunakan pakai ketetapan dasar baru yang menetapkan perjanjian perlu disempurnakan terlebih dahulu sebelum serahan kunci kepada unit yang akan didiami.*

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam menandatangani perjanjian menunjukkan ketidakcekapan dan kelemahan dalam pemantauan oleh PSUK.

#### **b. Pelanggaran Syarat Perjanjian Menghuni**

- i. Perenggan 17.8 Perjanjian Menghuni Kuarters Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyatakan penyewa tidak dibenarkan melakukan perkara-perkara yang melanggar syarat perjanjian antaranya memelihara binatang, tidak menjaga kebersihan kawasan kuarters, memasang aerial radio/televisyen atau mendirikan sebarang binaan tanpa kebenaran bertulis PSUK. Manakala perenggan 11.1 perjanjian pula menyatakan PSUK boleh terus menamatkan perjanjian jika penghuni didapati melakukan pelanggaran mana-mana syarat dalam perjanjian tersebut.
- ii. Lawatan Audit ke lokasi kuarters pada 11 dan 12 Disember 2017 mendapati berlaku pelanggaran syarat perjanjian. Selepas mendapat teguran Audit, PSUK telah mengambil tindakan pengeluaran notis pelanggaran syarat kepada penghuni. Gambar di bawah menunjukkan keadaan sebelum dan selepas tindakan diambil oleh PSUK.

**GAMBAR 2.1**



No. 6 Jalan Kennedy, Daerah Timur Laut  
- Penghuni Memelihara Ayam Dalam Kawasan  
Kuarters  
(12.12.2017)

**GAMBAR 2.2**



- Penghuni Telah Merobohkan Tempat  
Memelihara Ayam  
(21.02.2018)

**GAMBAR 2.3**



No. 4 Lorong Batu Lanchang, Daerah Timur Laut  
- Penghuni Tidak Menjaga Kebersihan Kawasan  
Kuarters  
(12.12.2017)

**GAMBAR 2.4**



- Tindakan Pembersihan Telah Dibuat  
oleh Penghuni  
(07.02.2018)

**GAMBAR 2.5**



No. 19 Jalan Irrawady, Daerah Timur Laut  
- Penghuni Tidak Menjaga Kebersihan  
Kawasan Kuarters  
(12.12.2017)

**GAMBAR 2.6**



- Tindakan Pembersihan Telah Dibuat  
oleh Penghuni  
(07.02.2018)

**GAMBAR 2.7**



Blok A Rose Avenue, Daerah Timur Laut  
- Barang yang Tidak Digunakan Dibuang Dalam  
Kawasan Kuarters  
(11.12.2017)

**GAMBAR 2.8**



- Tindakan Pembersihan Telah Dibuat oleh Penghuni  
(07.02.2018)

**GAMBAR 2.9**



No. 12 Lorong Batu Lanchang, Daerah Timur Laut  
- Barang Perniagaan Dibiarkan Tidak Tersusun Dalam  
Kawasan Kuarters  
(12.12.2017)

**GAMBAR 2.10**



- Barang Perniagaan Telah Dialih Dari Kawasan  
Kuarters  
(07.02.2018)

**GAMBAR 2.11**



No. 6 Lorong Batu Lanchang, Daerah Timur Laut  
- Pemasangan Parabola Tanpa Kebenaran  
(12.12.2017)

**GAMBAR 2.12**



- Parabola Telah Dikeluarkan Dari Kawasan Kuarters  
(07.02.2018)

- iii. Pelanggaran syarat berlaku disebabkan kurangnya pemantauan di peringkat PSUK dan sikap penghuni dalam memastikan syarat perjanjian dipatuhi yang boleh menimbulkan ketidakselesaan di kawasan kejiran dan menjaskan imej kuarters Kerajaan Negeri.

#### **Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*PSUK sentiasa membuat pemantauan keadaan kuarters dari segi menjaga kebersihan kawasan kuarters. Jika terdapat kegagalan menjaga kebersihan kawasan, PSUK telah mengeluarkan surat peringatan pelanggaran syarat menghuni kuarters kepada penghuni. Bagi kuarters No. 4 Lorong Batu Lanchang, 19 Jalan Irrawady, Blok A Rose Avenue, No. 12 dan No. 6 Lorong Batu Lanchang tindakan pematuhan syarat telah dibuat oleh penghuni berkenaan. Manakala bagi kuarters No. 6 Jalan Kennedy, surat pelanggaran syarat telah dikeluarkan oleh PSUK kepada penghuni.*

Pada pendapat Audit, pematuhan syarat perjanjian kuarters oleh penghuni tidak dipantau oleh PSUK dengan cekap menyebabkan penghuni mengambil sikap sambil lewa dalam mematuhi syarat perjanjian.

#### **2.6.2.4. Sewaan Kuarters**

Setiap penghuni kuarters dikenakan sewa sama ada mengikut kadar biasa atau kadar pasaran. Kadar biasa dikenakan mengikut kadar 75% dari ITP yang diterima oleh penjawat awam manakala kadar pasaran dikenakan kepada penghuni kuarters yang menduduki kuarters selepas tempoh yang dibenarkan iaitu selepas tiga (3) atau enam (6) bulan daripada tarikh bersara/bertukar/kematian penghuni. Kadar pasaran ini berdasarkan penilaian kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Semakan Audit mendapati perkara berikut:

##### **a. Perbezaan Kadar**

- i. PSUK telah memberikan kelulusan kepada dua (2) buah syarikat menggunakan kuarters di No. 6 Sepoy Lines untuk dijadikan tempat penyimpanan barang-barang/peralatan penggambaran filem pada tahun 2015 dan 2016. PSUK telah membuat permohonan kepada JPPH untuk menilai kadar sewaan bagi kuarters tersebut pada 26 September 2014 dan pada bulan Oktober 2014 JPPH telah menilai kadar sewaan dengan nilai RM10,100/sebulan bagi kegunaan komersial/perniagaan.
- ii. Semakan Audit mendapati sewaan kuarters kepada Syarikat 1 telah diluluskan pada 12 Februari 2015 dengan kadar RM3,000/sebulan. Manakala bagi penyewaan tahun 2016 kepada Syarikat 2, kadar sewa yang diluluskan pada 30 September 2016 adalah sejumlah RM3,500/sebulan. Kadar yang diluluskan ini menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding kadar yang ditetapkan oleh JPPH. Pengiraan perbezaan kadar sewaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.12  
PERBEZAAN KADAR SEWAAN**

BIL.	NAMA SYARIKAT	TARIKH & TEMPOH SEWAAN	KADAR SEWA PSUK (RM)	KADAR JPPH (RM)	PERBEZAAN (RM)
1.	Syarikat 1	25.02.15 – 15.04.15 (48 Hari)	5,028.00	16,930.00	(11,902.00)
2.	Syarikat 2	06.10.16 – 14.10.16 (9 Hari)	1,016.12	2,932.26	(1,916.14)
JUMLAH			6,044.12	19,862.26	13,818.14

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Jadual di atas menunjukkan perbezaan kadar sewaan yang dikenakan oleh PSUK berbanding kadar sewa yang dinilai oleh JPPH. Sewaan yang dikenakan oleh PSUK kepada Syarikat 1 bagi sewaan pada 25 Februari 2015 hingga 15 April 2015 adalah sejumlah RM5,028 berbanding kadar nilai JPPH sejumlah RM16,930. Ini menunjukkan perbezaan sejumlah RM11,902. Manakala bagi sewaan yang dikenakan kepada Syarikat 2

bagi sewaan pada 6 hingga 14 Oktober 2016 adalah sejumlah RM1,016.12 berbanding kadar nilai JPPH sejumlah RM2,932.26. Ini menunjukkan perbezaan sejumlah RM1,916.14.

- iv. Perbezaan kadar ini disebabkan kadar nilai JPPH tidak diangkat dan dibincangkan dalam Mesyuarat JPKDTL semasa pertimbangan kelulusan menyebabkan Kerajaan kerugian hasil keseluruhan sejumlah RM13,818.14 dalam tempoh sewaan berkenaan.

#### **Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*PSUK mengambil maklum perkara berkenaan dan mengambil kira kekosongan rumah berkenaan sejak 2013 dan daripada dibiarkan usang tidak berpenghuni serta langsung tidak mendapat hasil sewaan, pentadbiran ini berjaya juga mengutip RM6,044.12. Bagi tujuan tindakan penambahbaikan, permohonan sewaan akan mengikut ketetapan kadar yang ditetapkan oleh JPPH dan jika melibatkan pengurangan dan pengecualian hasil, pentadbiran akan mendapatkan kelulusan Jabatan Kewangan Negeri.*

**Pada pendapat Audit, kadar sewa yang disyorkan oleh JPPH perlu diikuti bagi mengelak kerugian hasil kepada Kerajaan.**

#### **b. Kuarters Disewakan Tidak Mengikut Kadar yang Ditetapkan**

- i. Kuarters disewakan mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 pada kadar 75% daripada kadar kelayakan ITP pegawai yang diperuntukkan kuarters, berkuat kuasa mulai bulan November 2015.
- ii. Semakan Audit terhadap senarai penghuni dalam Sistem eKuarters mendapati seramai empat (4) orang penghuni tidak membuat potongan gaji bagi sewaan kuarters mengikut kadar yang ditetapkan oleh pekeliling semenjak bulan November 2015. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.13**  
**SENARAI PENGHUNI YANG MEMBAYAR**  
**SEWA KUARTERS TIDAK MENGIKUT KADAR DITETAPKAN**

BIL.	NO. UNIT	GRED JAWATAN	KADAR DIBAYAR (RM)	KADAR SEPATUTNYA (75% ITP) (RM)
1.	5-2-9 LM	U29	180	225
2.	3-15-6 LM	U32	180	225
3.	1-6-5 JK	DG32	180	225
4.	7-13-6 LM	N22	180	225

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: LM – Lintang Macallum

JK – Jalan Kennedy

- iii. Berdasarkan jadual di atas, kadar sewa kuarters yang sepatutnya dibayar oleh penghuni ialah sejumlah RM225 sebulan, bagaimanapun sehingga Disember 2017, seramai empat (4) orang penghuni tersebut masih membuat potongan sewa bulanan pada kadar lama iaitu sejumlah RM180 sebulan. Ini berlaku disebabkan perubahan kadar potongan sewa kuarters tidak dikemas kini berdasarkan pekeliling yang berkuat kuasa. Walaupun PSUK telah mengeluarkan surat supaya potongan gaji dibuat berdasarkan pekeliling semasa, jabatan penghuni tidak membuat perubahan gaji seperti yang diarahkan oleh PSUK. Selain itu, PSUK juga tidak membuat susulan selepas surat arahan potongan gaji berdasarkan pekeliling semasa yang dikeluarkan.

**Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*PSUK telah pun mengambil maklum perkara berkenaan sebelum pihak Audit menyemak perkara tersebut. Walau bagaimanapun daripada 695 hanya empat (4) yang masih belum membuat perubahan kadar ITP dan daripada empat (4) penghuni tersebut, hanya seorang (1) penghuni telahpun selesai membuat pemotongan pada kadar yang telah ditetapkan, manakala tiga (3) penghuni lagi belum membuat potongan mengikut kadar walaupun surat daripada pentadbiran ini telah dikeluarkan kepada penghuni dan Jabatan.*

Pada pendapat Audit, maklum balas yang diterima daripada PSUK adalah tidak tepat kerana semakan lanjut terhadap Sistem eKquarters pada 8 Februari 2018 mendapati kadar potongan bulanan sewaan kuarters mengikut pekeliling berkaitan bagi keempat-empat penghuni tersebut masih belum dibuat.

### c. Tunggakan Sewa

- i. Fasal lima (5), Perjanjian Menghuni Kuarters Kerajaan menyatakan penyewa dikehendaki memastikan membayar sewa bulanan pada jumlah yang sama banyaknya dengan jumlah 75% daripada kelayakan ITP. Sekiranya berlaku kegagalan penjelasan sewa kuarters, pihak PSUK sentiasa mempunyai hak merampas kesemua atau mana-mana deposit bagi tujuan tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati seramai 10 orang penghuni kuarters mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM63,499.36 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.14  
SENARAI TUNGGAKAN SEWA**

BIL.	NO. UNIT	KADAR SEWA (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	CATATAN
1.	5 SL	1,100	Oktober 2016 – Oktober 2017 (13 Bulan)	14,300	Notis peringatan ketiga bertarikh 16.10.17
2.	5-12-9 LM	35	Februari 2006 – Mac 2007 (14 Bulan)	490	Dikenakan kadar biasa
		400	April 2007 - Jun 2016 (111 Bulan)	44,400	Dikenakan kadar pasaran selepas ditamatkan perkhidmatan
		400	1 - 27 Julai 2016 (27 hari)	348.39	Berdasarkan notis pengusiran bertarikh 12.07.16
3.	1-1-4 JK	225	Bulan Disember 2016	225	Potongan gaji mulai bulan Januari 2017
4.	21B RA	300	Bulan Mei 2017 Tidak Dibayar (28 Hari)	270.97	Keluar kuarters pada 29.05.17
5.	125G JAI	*45	November 2016 - Oktober 2017 (12 bulan)	540	Kenaikan kadar sewaan daripada RM180 ke RM225 mulai November 2015 sejumlah RM45
6.	7-13-6 LM	*45	November 2015 – Disember 2017 (26 bulan)	1,170	Kenaikan kadar sewaan daripada RM180 ke RM225 mulai November 2015 sejumlah RM45
7.	7-9-10 LM	*45	Disember 2015 – September 2016 (10 bulan)	450	Kenaikan kadar sewaan daripada RM180 ke RM225 mulai November 2015 sejumlah RM45
8.	25 JG	*45	November 2015 - September 2017 (23 bulan)	1,035	Kenaikan kadar sewaan daripada RM180 ke RM225 mulai November 2015 sejumlah RM45
9.	1-6-5 JK	*45	Bulan Disember 2017	45	Kenaikan kadar sewaan daripada RM180 ke RM225 mulai November 2015 sejumlah RM45
10.	66-1-2 JLKH	*45	November 2015 - Mac 2016 (5 bulan)	225	Kenaikan kadar sewaan daripada RM180 ke RM225 mulai November 2015 sejumlah RM45
<b>JUMLAH</b>				<b>63,499.36</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) 45 – Perbezaan Kadar Sewa Baru Berbanding Kadar Lama

SL – Sepoy Line

LM – Lintang Macallum

JK – Jalan Kennedy

RA – Rose Avenue

JAI - Jalan Air Itam

JG - Jalan Goal

JLKH - Jalan Lim Khoon Huat

- iii. Jadual di atas menunjukkan 10 orang penghuni mempunyai tunggakan sewa kuarters. Penghuni kuarters No. 5 Jalan Sepoy Lines yang disewa dengan kadar RM1,100 sebulan mempunyai tunggakan sewa selama 13 bulan berjumlah RM14,300. Manakala penghuni kuarters No. 5-12-9 Lintang Macallum mempunyai tunggakan sewa yang keseluruhannya berjumlah RM45,238.39 bagi tempoh 125 bulan dan 27 hari. Bagi penghuni kuarters No. 1-1-4 Jalan Kennedy yang disewa dengan kadar RM225 sebulan mempunyai tunggakan sewa selama satu (1) bulan berjumlah RM225.00 iaitu sewaan bagi bulan Disember 2016 dan penghuni kuarters No. 21B Rose Avenue yang disewa dengan kadar RM300 sebulan mempunyai tunggakan sewa selama 28 hari pada bulan terakhir penghuni menduduki kuarters berjumlah RM270.97. Baki enam (6) orang penghuni lagi mempunyai tunggakan berjumlah RM3,465 disebabkan bayaran sewa kuarters masih dibuat menggunakan kadar lama iaitu RM180 berbanding kadar sebenar sejumlah RM225 sebulan yang menunjukkan perbezaan sejumlah RM45 sebulan.
- iv. Berdasarkan surat-menurat dalam fail unit kuarters di antara penghuni kuarters No. 5 Jalan Sepoy Lines dengan PSUK mendapati perkara ini berlaku kerana penghuni merupakan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan dan sepenuhnya menerima dana daripada Kerajaan Negeri untuk meneruskan dan membiayai segala kos operasi persatuan. Bagi penghuni No. 5-12-9 Lintang Macallum perkara ini berlaku disebabkan pegawai telah diberhentikan pembayaran emolumen mulai bulan Februari 2006 berdasarkan surat jabatan penghuni kepada PSUK. Mulai bulan April 2007, pegawai telah ditamatkan perkhidmatan berdasarkan Warta Kerajaan No.133 dan Notis Pengusiran telah dikeluarkan pada 12 Julai 2016.
- v. Bagi penghuni No. 1-1-4 Jalan Kennedy, perkara ini berlaku disebabkan jabatan penghuni lewat membuat potongan gaji mengikut tarikh menduduki kuarters berdasarkan Sijil Akuan Masuk Rumah dan rekod kutipan sewa. Manakala bagi penghuni No. 21B Rose Avenue, perkara ini berlaku disebabkan Jabatan Penghuni menghentikan potongan sewa lebih awal daripada tarikh penghuni keluar kuarters berdasarkan Sijil Akuan Keluar Rumah dan rekod kutipan sewa. Bagi enam (6) orang penghuni yang lain perkara ini berlaku disebabkan jabatan penghuni tidak membuat potongan gaji mengikut kadar yang ditetapkan pekeliling yang berkuat kuasa berdasarkan rekod tunggakan sewa. Ini menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil sejumlah RM63,499.36.

### **Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*Semakan mendapati daripada 10 penghuni berkenaan, seorang penghuni kuarters iaitu No. 1-1-4 JK telah selesai membuat bayaran berjumlah RM225. Manakala bagi tunggakan sewa penghuni kuarters No. 5 SL sejumlah RM14,300, pentadbiran ini telah mengemukakan empat (4) surat peringatan kepada penghuni mengenai tunggakan sewa sebelum ini. Selanjutnya pada 18 Disember 2017, pentadbiran ini telah memanjangkan perkara ini ke Pejabat Penasihat Undang-undang untuk proses tindakan undang-undang. Seterusnya perbincangan Pejabat Penasihat Undang-undang bersama penghuni telah diadakan pada 5 Januari 2018 dan penghuni akan berusaha menjelaskan tunggakan tersebut sebelum tarikh kontrak tamat dan akan memaklumkan perkara ini dalam mesyuarat tahunan persatuan penghuni pada 17 Januari 2018. Pada masa yang sama, penghuni telah mengemukakan surat rayuan bertarikh 12 Disember 2017 untuk pengurangan dan pengecualian sewaan. Perkara ini telah diangkat untuk pertimbangan Yang Amat Berhormat (YAB) Ketua Menteri pada 22 Disember 2017 dan diputuskan tidak dipertimbangkan rayuan penghuni dan kontrak penyewaan yang akan berakhir pada 29 Februari 2018 tidak diperbaharui sehingga segala tunggakan dijelaskan. Manakala bagi kes penghuni kuarters No. 5-12-9 LM, tindakan sewajarnya telah diambil demi memastikan dasar yang ditetapkan dipatuhi. Untuk makluman, unit kuarters tersebut telah diisi pada 1 November 2016. Manakala bagi baki enam (6) penghuni berkenaan, PSUK telah pun mengambil maklum perkara berkenaan sebelum pihak Audit menyemak perkara tersebut. Semakan pentadbiran ini mendapati empat (4) daripada enam (6) penghuni yang disenaraikan telah selesai membuat bayaran sejumlah RM1,845 melibatkan penghuni kuarters No. 125G JAI, No. 25 JG, No. 1-6-5 JK dan No. 66-1-2 JLKH. Surat tuntutan kepada penghuni dan jabatan bagi baki sewa terkurang kutip telahpun dihantar. Bagi tindakan penambahbaikan, setiap penghuni yang memasuki kuarters akan diberikan surat pemotongan kepada jabatan dan penghuni mengenai kadar baru dan pemantauan secara bulanan dibuat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasaran Unit/Bahagian dan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun dan Kewangan.*

Pada pendapat Audit, sewaan kuarters tidak diuruskan dengan cekap dan ekonomi kerana berlaku tunggakan sewa kuarters sejumlah RM63,499.36.

### **2.6.2.5. Penyenggaraan Kuarters**

#### **a. Perolehan Penyenggaraan**

- i. Proses penyenggaraan bermula dengan aduan yang diterima daripada penghuni kuarters sehingga kerja penyenggaraan siap dibuat oleh kontraktor. PSUK telah membuat tawaran penyenggaraan kepada kontraktor kelas F yang berdaftar secara pembelian terus atau lantikan terus, manakala bagi penyenggaraan yang melibatkan kos yang tinggi, perolehan secara sebut harga akan dibuat.
- ii. Berdasarkan PK 1, Para 2 Prinsip-prinsip Perolehan dalam 1PP menghendaki semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingen terbuka dan adil serta saksama. PSUK membuat perolehan kerja penyenggaraan sama ada melalui pembelian terus atau lantikan terus berdasarkan harga yang paling rendah di antara tiga (3) *quotation* yang ditawarkan. Bagi perolehan kerja secara pembelian terus di bawah RM20,000, pemilihan kontraktor penyenggaraan diluluskan di peringkat PSUK. Manakala bagi perolehan secara lantikan terus yang bernilai melebihi RM20,000, PSUK akan menjemput tiga (3) buah syarikat untuk memberikan *quotation* kerja yang berkaitan. Seterusnya PSUK akan membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dengan mencadangkan tiga (3) buah syarikat tersebut. Kelulusan oleh JKN diberikan setelah mengambil kira asas dan justifikasi berdasarkan tawaran harga terendah yang dikemukakan oleh PSUK.
- iii. Semakan dibuat terhadap 23 projek melibatkan 69 *quotation* yang telah dijemput oleh PSUK bagi kerja penyenggaraan. Semakan lanjut melalui Sistem e/Info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), laman web Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sistem eKuarters mendapati sebanyak lima (5) daripada 23 projek melibatkan lapan (8) *quotation* telah dikenalpasti menimbulkan keraguan dari aspek pemilihan kontraktor dan status syarikat berkaitan dengan pegawai. Senarai *quotation* yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.15**  
**JEMPUTAN QUOTATION DAN PELANTIKAN**  
**KONTRAKTOR YANG ADA HUBUNGAN DENGAN PEGAWAI**

BIL.	PROJEK/KAEDAH LANTIKAN	NAMA SYARIKAT/ HARGA QUOTATION	CATATAN
1.	Kerja-kerja pembaikan lantai bilik, dapur dan lain-lain kerja berkaitan di unit kuarters No. 98 Jalan Batu Lanchang, Pulau Pinang. (Lantikan Terus)	Syarikat A/ RM9,958	i. Nombor telefon yang didaftarkan di CIDB adalah milik pegawai di Unit Kuarters PSUK. <b>(Kontraktor Berjaya)</b>
		Syarikat B/ RM11,652	i. Alamat rumah pemilik syarikat adalah sama dengan alamat tetap yang didaftarkan oleh pegawai di dalam Sistem eKuarters. ii. Pemilik syarikat merupakan adik kandung pegawai di Unit Kuarters PSUK.
		Syarikat C/ RM10,911	i. Alamat surat-menyurat yang didaftarkan di CIDB sama dengan alamat Syarikat B. ii. Nombor telefon yang didaftarkan di CIDB adalah milik pegawai di Unit Kuarters PSUK.
2.	Kerja-kerja pembersihan kawasan belakang di dalam kawasan kuarters Jalan Lahat. (Lantikan Terus)	Syarikat D/ RM9,450	i. Alamat pendaftaran syarikat adalah sama dengan alamat tetap yang didaftarkan oleh pegawai di dalam Sistem eKuarters. ii. Pemilik syarikat merupakan abang kandung pegawai di Unit Teknikal PSUK. <b>(Kontraktor Berjaya)</b>
3.	Kerja-kerja membaiki lapisan kalis lembap di atas bumbung di Blok 1, Pangaspuri Harmoni. (Lantikan Terus Kelulusan JKN)	Syarikat B/ RM50,000	i. Alamat rumah pemilik syarikat adalah sama dengan alamat tetap yang didaftarkan oleh pegawai di dalam Sistem eKuarters. ii. Pemilik syarikat merupakan adik kandung pegawai di Unit Kuarters PSUK.
4.	Kerja-kerja membaiki lapisan kalis lembab di lantai bumbung di Blok 68, Pangaspuri Mesra, Jalan Lim Khoon Huat, Daerah Timur Laut. (Lantikan Terus Kelulusan JKN)	Syarikat B/ RM28,500	i. Alamat rumah pemilik syarikat adalah sama dengan alamat tetap yang didaftarkan oleh pegawai di dalam Sistem eKuarters. ii. Pemilik syarikat merupakan adik kandung pegawai di Unit Kuarters PSUK.
		Syarikat C/ RM26,930	i. Alamat surat-menyurat yang didaftarkan di CIDB sama dengan alamat Syarikat B. ii. Nombor telefon yang didaftarkan di CIDB adalah milik pegawai di Unit Kuarters PSUK.
5.	Kerja-kerja penyenggaraan kuarters Kerajaan Negeri No. 17 Jalan Perak. (Lantikan Terus)	Syarikat C/ RM12,695.52	i. Alamat surat-menyurat yang didaftarkan di CIDB sama dengan alamat Syarikat B. ii. Nombor telefon yang didaftarkan di CIDB adalah milik pegawai di Unit Kuarters PSUK.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*i. Kerja-kerja Pembaikan Lantai Bilik, Dapur dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Unit Kuarters No. 98 Jalan Batu Lanchang, Pulau Pinang*

- *Pentadbiran ini mendapati ketiga-tiga kontraktor yang dipelawa ini menggunakan alamat yang tiada kaitan dengan alamat kuarters dan alamat yang sama dengan kontraktor. Semakan dalam Sistem online CIDB terhadap Syarikat A mendapati nombor telefon yang didaftarkan hampir sama dengan nombor telefon milik pegawai di Unit Kuarters PSUK.*

**ii. Kerja-kerja Pembersihan Kawasan Belakang di dalam Kawasan Kuarters Jalan Lahat**

- Syarikat D ditawarkan kerja ini kerana menawarkan harga baik berbanding dua (2) lagi kontraktor dan diuruskan oleh pegawai lain di Unit Teknikal kerana terdapat kontraktor yang mempunyai hubungan dengan pegawai di Unit Teknikal PSUK. Urusan penawaran dan pemilihan kerja tidak melibatkan pegawai yang berkenaan. Beliau hanya diminta untuk memantau kerja-kerja yang dilaksanakan di lapangan berikutnya terdapat kekangan kerja lain oleh pegawai yang menguruskan kerja-kerja ini. Walaupun mempunyai hubungan dengan pihak kontraktor, pegawai tersebut memantau kerja dengan cara profesional tanpa mengira hubungan dan memastikan kerja yang dijalankan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

**iii. Kerja-kerja Membaiki Lapisan Kalis Lembap di Atas Bumbung di Blok 1, Pangsapuri Harmoni**

- Unit Teknikal PSUK telah membuat jemputan kepada tiga (3) kontraktor yang dipilih berdasarkan keupayaan menjalankan kerja dengan kadar segera dan prestasi semasa. Kerja-kerja ini perlu dilaksanakan dengan kadar segera berikutnya keadaan semasa lantai bumbung kuarters Pangsapuri Harmoni mengalami kerosakan kerana lapisan kalis lembap telah gagal berfungsi dengan baik. Atas faktor keselamatan dan pemberian berganda pada masa hadapan kerja-kerja ini ditawarkan secara lantikan terus. Hasil semakan mendapati ketiga-tiga kontraktor yang dipelawa ini menggunakan alamat yang tiada kaitan dengan alamat kuarters dan alamat sama di antara kontraktor. Pelawaan dan pelantikan kontraktor yang dibuat berdasarkan penilaian dokumen ke atas lesen syarikat SSM dan CIDB yang hanya diwajibkan dalam penilaian sebutharga. Tiada satu arahan/peraturan yang jelas dalam Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling JKN yang mewajibkan setiap pelawaan dan pelantikan kontraktor perlu dipastikan dahulu tiada hubungkait melalui sistem online CIDB dan SSM. Jemputan dan pelantikan kontraktor diuruskan sepenuhnya oleh pegawai di Unit Teknikal tanpa campur tangan di Unit Kuarters. Pegawai di Unit Kuarters hanya memastikan kerja-kerja pemberian/penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pegawai Unit Teknikal untuk pelarasian unit kuarters.

**iv. Kerja-kerja Membaiki Lapisan Kalis Lembap di Lantai Bumbung di Blok 68, Pangsapuri Mesra, Jalan Lim Khoon Huat, Daerah Timur Laut**

- *Pentadbiran ini mendapati kedua-dua kontraktor yang dipelawa ini menggunakan alamat yang tiada kaitan dengan alamat kuarters dan alamat yang sama dengan kontraktor. Alamat yang didaftarkan dalam lesen CIDB bagi Syarikat B dan Syarikat C merupakan alamat syarikat yang menjalankan perniagaan yang menguruskan pendaftaran syarikat, daftar/pembaharuan lesen kewangan, akaun/audit syarikat dan PKK/CIDB/Kad Hijau. Semakan sistem online CIDB terhadap Syarikat C mendapati nombor telefon yang didaftarkan hampir sama dengan nombor telefon milik pegawai di Unit Kuarters PSUK.*

**v. Kerja-kerja Penyenggaraan Kuarters Kerajaan Negeri No.17 Jalan Perak**

- *Pentadbiran ini mendapati kedua-dua kontraktor yang dipelawa ini menggunakan alamat yang tiada kaitan dengan alamat kuarters dan alamat yang sama dengan kontraktor. Alamat yang didaftarkan dalam lesen CIDB bagi Syarikat B dan Syarikat C merupakan alamat syarikat yang menjalankan perniagaan yang menguruskan pendaftaran syarikat, daftar/pembaharuan lesen kewangan, akaun/audit syarikat dan PKK/CIDB/Kad Hijau. Semakan sistem online CIDB terhadap Syarikat C mendapati nombor telefon yang didaftarkan hampir sama dengan nombor telefon milik pegawai di Unit Kuarters PSUK.*

Pada pendapat Audit, maklum balas yang dikemukakan adalah tidak tepat di mana isu yang dibangkit oleh pihak Audit adalah alamat tetap rumah pegawai yang didaftarkan dalam Sistem eKuarters adalah sama dengan alamat rumah pemilik Syarikat B. Manakala berdasarkan profil Syarikat C dan Syarikat A pada 3 Januari 2018, nombor telefon yang didaftarkan di CIDB adalah sama dengan nombor telefon pegawai. Maklumat yang dikemukakan kepada Audit bertarikh 2 dan 6 Februari 2018 adalah nombor telefon terbaru syarikat yang telah dikemas kini di CIDB. Selain itu, berdasarkan resit pembaharuan lesen yang dikemukakan oleh PSUK pada 7 Februari 2018 mendapati alamat syarikat yang menjalankan perniagaan mengurus pendaftaran syarikat berbeza dengan alamat surat menyurat bagi Syarikat B dan C yang didaftarkan di CIDB.

- iv. Analisis Audit selanjutnya mendapati PSUK telah menjemput *quotation* di kalangan kontraktor yang saling mempunyai hubungan bagi kerja yang sama seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.16**  
**JEMPUTAN QUOTATION DI KALANGAN KONTRAKTOR**  
**YANG SALING MEMPUNYAI HUBUNGAN BAGI KERJA YANG SAMA**

BIL.	PEROLEHAN	SYARIKAT YANG DIJEMPUT BERI QUOTATION	CATATAN
1.	Kerja-kerja Penyenggaraan Di No. 10, Lorong Madras dan No. 64-G-1, Pangsapuri Mesra (Kelas KAFA).	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat E</li> <li>Syarikat F</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nombor telefon yang dicatat dalam <i>quotation</i> oleh Syarikat E adalah sama dengan nombor yang didaftarkan Syarikat F di CIDB.</li> <li>Kedua-dua syarikat mendaftarkan alamat perniagaan yang sama di CIDB.</li> </ul>
2.	Kerja-kerja Membaiki Lapisan Kalis Lempap Di Lantai Bumbung Di Blok 68, Pangsapuri Mesra.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat C</li> <li>Syarikat B</li> </ul>	Kedua-dua syarikat mendaftarkan alamat surat menyurat yang sama di CIDB.
3.	Kerja Pembaikan Segera dan Lain-lain Berkaitan Di unit Kuarters No.125 Jalan Masjid Negeri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat G</li> <li>Syarikat H</li> </ul>	Kedua-dua syarikat mendaftarkan alamat emel yang sama di CIDB.
4.	Kerja Mengorek, Membuang Akar Pokok dan Menurap Semula Permukaan Jalan Di Pangsapuri Harmoni.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat I</li> <li>Syarikat J</li> </ul>	Alamat surat-menyerat Syarikat J di CIDB sama dengan alamat perniagaan yang didaftarkan oleh Syarikat I di CIDB dan SSM.
5.	Kerja Mengecat Dinding, Membaiki Kabinet Dapur, dan Lain-lain Di Kuarters No.66-3-1, Pangsapuri Mesra.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat K</li> <li>Syarikat L</li> </ul>	Kedua-dua syarikat mendaftarkan alamat rumah yang sama di SSM.
6.	Kerja-kerja Pembaikan Lantai Bilik, Dapur dan Lain-lain Kerja-kerja Berkaitan Di Unit Kuarters No.98 Jalan Batu Lanchang, Pulau Pinang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat A</li> <li>Syarikat C</li> <li>Syarikat B</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat C dan Syarikat B mendaftarkan alamat surat menyurat yang sama di CIDB.</li> <li>Syarikat A dan Syarikat C mendaftarkan nombor telefon yang sama di CIDB.</li> </ul>
7.	Kerja Penyenggaraan / Kecemasan Di No. 324 Seri Teratai dan 122 Jalan York.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat M</li> <li>Syarikat N</li> </ul>	Kedua-dua syarikat mendaftarkan alamat perniagaan yang sama di SSM.

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Berdasarkan semakan Audit terhadap fail perolehan dan baucar bayaran, perkara ini berlaku disebabkan kerja-kerja penyenggaraan dibuat secara pembelian terus dan lantikan terus. Kaedah yang ditetapkan mengikut PK 2, Kaedah Perolehan Kerajaan dalam 1PP iaitu secara *requisition* melalui kaedah undian atau pusingan tidak dijalankan. Ini mewujudkan unsur *favouritism* dan *conflict of interest* dalam pemilihan kontraktor.

**Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 7 Februari 2018**

*i. Kerja-kerja Penyenggaraan di No. 10, Lorong Madras dan No. 64-G-1, Pangsapuri Mesra (Kelas KAFA)*

- Semakan di sistem CIDB nombor telefon Syarikat E tidak sama dengan nombor telefon Syarikat F. Kemungkinan berlaku typing*

*error oleh pihak kontraktor dalam menyediakan quotation dan unit teknikal terlepas pandang sebelum membuat proses lantikan kontraktor yang mempunyai alamat sama dalam lesen CIDB.*

**ii. Kerja-kerja Membaiki Lapisan Kalis Lembap di Lantai Bumbung di Blok 68, Pangsapuri Mesra**

- *PSUK mendapati alamat yang didaftarkan dalam lesen CIDB merupakan alamat syarikat yang menjalankan perniagaan yang menguruskan pendaftaran syarikat, daftar/pembaharuan lesen kewangan, akaun/audit syarikat dan PKK/CIDB/Kad Hijau.*

**iii. Kerja Pembaikan Segera dan Lain-lain Berkaitan di Unit Kuarters No. 125 Jalan Masjid Negeri**

- *Hasil semakan di dalam sistem online CIDB mendapati kedua-dua syarikat ini mendaftarkan alamat email yang sama. Unit Teknikal menjemput dan menawarkan kerja berdasarkan lesen CIDB dan SSM yang hanya dikemukakan oleh pihak kontraktor dan jelas menunjukkan kedua-dua kontraktor ini tiada hubung kait.*

**iv. Kerja Mengorek, Membuang Akar Pokok dan Menurap Semula Permukaan Jalan di Pangsapuri Harmoni**

- *Hasil semakan terhadap lesen CIDB dan SSM yang dikemukakan oleh kedua-dua kontraktor ini berbeza.*

**v. Kerja Mengecat Dinding, Membaiki Kabinet Dapur, dan Lain-lain di Kuarters No. 66-3-1, Pangsapuri Mesra**

- *Hasil semakan terhadap pendaftaran SSM yang dikemukakan oleh kedua-dua kontraktor ini berbeza.*

**vi. Kerja-kerja Pembaikan Lantai Bilik, Dapur dan Lain-lain Kerja-kerja Berkaitan di Unit Kuarters No. 98 Jalan Batu Lanchang, Pulau Pinang**

- *PSUK mendapati alamat yang didaftarkan dalam lesen CIDB merupakan alamat syarikat yang menjalankan perniagaan yang menguruskan pendaftaran syarikat, daftar/pembaharuan lesen kewangan, akaun/audit syarikat dan PKK/CIDB/Kad Hijau.*

**vii. Kerja Penyenggaraan/Kecemasan di No. 324 Seri Teratai dan 122 Jalan York**

- *Hasil semakan terhadap alamat surat menyurat di CIDB yang dikemukakan oleh kedua-dua kontraktor ini berbeza. Sistem semakan secara online SSM tidak boleh dimasuki oleh PSUK.*


*PSUK mengambil perhatian serius perkara ini dan hasil semakan mendapati jemputan quotation dan pelantikan kontraktor tidak ada hubungan dengan pegawai seperti yang didakwa oleh Audit. Jemputan pihak kontraktor adalah berdasarkan keupayaan kontraktor melaksanakan kerja, berpengalaman kerja dengan PSUK, mempunyai tenaga kerja tempatan dan peralatan yang mencukupi serta mempunyai rekod yang baik dengan pihak PSUK. Untuk tujuan penambahbaikan, pentadbiran ini akan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan secara requisition melalui kaedah undian yang dijangka dilaksanakan pada bulan Mei 2018. Syarikat-syarikat berkenaan akan dibekukan kerja secara lantikan terus sehingga Standard Operating Procedure (SOP) perolehan yang baru dikeluarkan. Pegawai yang menguruskan perolehan perlu mengemukakan pengisyiharan berkuat kuasa serta merta bagi syarikat yang ada perhubungan saudara dan keluarga terdekat dalam mana-mana perolehan yang dijalankan PSUK dan akan dimasukkan dalam Dasar Kuarters yang terkini berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Bil.1/2018 pada 30 Januari 2018.*

Pada pendapat Audit, proses perolehan bagi penyenggaraan kuarters yang dilaksanakan oleh PSUK adalah tidak cekap dan ekonomi. Ini disebabkan penawaran dan pelantikan kontraktor dibuat di kalangan kontraktor yang mempunyai hubungan dengan pegawai. Selain itu, Kerajaan tidak mendapat *value for money* kerana jemputan quotation bagi kerja yang sama telah ditawarkan kepada syarikat yang saling mempunyai hubungan menyebabkan harga yang ditawarkan tidak kompetitif.

#### **2.6.2.6. Penilaian Terhadap Kepuasan Pelanggan**

- a. Jabatan Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 200 (30.2%) daripada 662 orang penghuni kuarters. Soal selidik ini merangkumi aspek keadaan kuarters daripada segi keluasan, kemudahan asas, lokasi, keselamatan, tempat letak kereta serta kerja-kerja pembaikan/penyenggaraan dan aduan. Analisis Audit terhadap 109 (54.5%) borang yang dikembalikan adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 2.1**  
**ANALISIS SOAL SELIDIK TAHAP KEPUASAN PELANGGAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Berdasarkan maklum balas yang diterima, 98 (89.9%) orang penghuni kuarters berpuas hati dengan keadaan kuarters yang diduduki. Manakala seramai 11 (10.1%) orang penghuni kuarters tidak berpuas hati dengan keadaan kuarters yang diduduki. Antara sebab utama ketidakpuasan hati penghuni adalah daripada aspek keselamatan seperti pemasangan CCTV dan tempat letak kereta di kawasan kuarters. Seramai 104 (95.4%) orang penghuni kuarters berpuas hati dengan kualiti penyenggaraan yang dijalankan manakala seramai lima (5) (4.6%) orang penghuni kuarters tidak berpuas hati dengan kualiti penyenggaraan disebabkan tempoh masa lama yang diambil bagi menyelesaikan aduan kerosakan, tiada rawatan anai-anai secara berkala dibuat di bangunan kuarters dan kontraktor tidak membuat pembaikan kerosakan.

**Pada pendapat Audit, kadar peratusan kepuasan penghuni yang tinggi dari segi keadaan fizikal kuarters dan kualiti kerja penyenggaraan kuarters menunjukkan PSUK telah menguruskan kuarters dengan cekap berdasarkan analisis terhadap borang soal selidik yang diedarkan kepada penghuni kuarters.**

## 2.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan berkenaan pengurusan kuarters oleh PSUK dan untuk meningkatkan prestasi serta memastikan keselesaan kakitangan Kerajaan yang menduduki kuarters, adalah disyorkan supaya PSUK mempertimbangkan tindakan berikut:

- 2.7.1. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyemak dan melakukan siasatan terhadap isu-isu yang menimbulkan keraguan dari aspek penyalahgunaan kuasa dan sebagainya;
- 2.7.2. memastikan Dasar Kuarters yang digubal adalah kemas kini dan selari dengan pelaksanaan semasa serta syarat-syarat dasar dipatuhi sepenuhnya serta memastikan tindakan yang sesuai dikenakan ke atas penghuni yang gagal mematuhi syarat perjanjian menduduki kuarters;
- 2.7.3. memastikan penghuni membayar sewa mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan pekeliling yang berkuat kuasa dan tindakan terhadap penyewa yang gagal membayar sewa/tunggakan diambil; dan
- 2.7.4. memastikan penawaran dan pelantikan kontraktor dibuat secara telus bagi mengelak isu kepentingan peribadi.

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

### **3. PENANG GLOBAL TOURISM SDN. BHD.**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

3.1.1. Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di negeri Pulau Pinang. Sektor ini menjadi bertambah penting dengan penyenaraian bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Pengisytiharan ini telah meletakkan Pulau Pinang dalam peta pelancongan dunia. Kerajaan Negeri pada 6 Ogos 2008 telah memutuskan untuk mewujudkan sebuah syarikat yang merancang, mengenal pasti dan melaksanakan aktiviti galakan pelancongan bagi pihak Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

3.1.2. PDC telah memutuskan untuk mengaktifkan semula DTC Consultancy Services Sdn. Bhd., iaitu sebuah anak syarikat PDC yang dormant dan menukar nama kepada Penang Global Tourism Sdn. Bhd. (PGTSB) pada 20 Ogos 2008. Di samping itu, PDC telah menetapkan tiga (3) peranan utama untuk dilaksanakan oleh PGTSB iaitu promosi dan pemasaran, penganjuran acara dan pengurusan serta pemantauan produk pelancongan.

3.1.3. PGTSB adalah sebuah syarikat berhad menurut syer, dimiliki sepenuhnya oleh PDC dengan modal yang dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal dibayar berjumlah RM100,003. PGTSB menerima geran daripada Akaun Amanah Jawatankuasa Induk Industri Pelancongan (JIIP) Negeri Pulau Pinang dan Akaun Amanah Fi Hotel Negeri Pulau Pinang. Jumlah geran yang diterima bagi tahun 2014 hingga 2017 ialah sejumlah RM42.42 juta.

3.1.4. Objektif syarikat adalah untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang dengan melaksanakan aktiviti utama iaitu promosi dan pemasaran. Di samping itu, PGTSB turut melaksanakan aktiviti-aktiviti lain iaitu penganjuran acara, komunikasi, perkhidmatan pelancongan, pusat pelancongan pendidikan dan pusat pelancongan perubatan. Program-program yang dijalankan termasuklah misi pameran perdagangan ke luar negara, pengiklanan dalam pelbagai media, menganjurkan pelbagai acara-acara pelancongan dalam negara, memasang *billboard* pelancongan, penyelidikan pelancong, menyediakan pusat pelancongan pendidikan dan pusat pelancongan perubatan.

3.1.5. PGTSB dianggotai oleh 10 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Pengurusan PGTSB pula diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 23 orang kakitangan.

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kedudukan kewangan adalah kukuh, amalan tadbir urusnya adalah baik dan pengurusan aktiviti PGTSB telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan bagi tahun 2014 hingga 2016 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2014 hingga bulan Disember 2017. Bagi pengurusan aktiviti, sebanyak dua (2) daripada enam (6) aktiviti telah diaudit iaitu program misi pameran perdagangan ke luar negara dan penganjuran acara. Justifikasi aktiviti yang dipilih untuk pengauditan adalah berdasarkan keutamaan aktiviti syarikat iaitu aktiviti-aktiviti yang menyumbang secara langsung kepada ketibaan pelancong atau kedatangan pengunjung acara dan melibatkan peruntukan yang tinggi. Pengauditan dijalankan di pejabat PGTSB di George Town, Pulau Pinang.

### **3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PGTSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Laporan Audit Tanpa Teguran oleh Juruaudit Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad dan Tetuan Aljeffridean. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis *trend* pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis *trend* aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PGTSB. Selain itu, pihak Audit menjalankan analisis terhadap data syarikat dan menemu bual pegawai berkaitan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal turut dijalankan terhadap inventori dan aset syarikat serta lawatan ke lapangan terbang dan iklan pelancongan yang dipasang di *billboard* bagi menilai pelaksanaan aktiviti yang dijalankan.

### **3.5. RUMUSAN AUDIT**

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

#### **a. Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan PGTB adalah stabil kerana telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM1,197 pada tahun 2014, RM1,194 pada tahun 2015 dan RM3,219 pada tahun 2016. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 1:1 menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Selain itu, PGTB juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi berjumlah RM2.4 juta pada akhir tahun 2016.

#### **b. Pengurusan Aktiviti**

##### **i. Program Misi Pameran Perdagangan Ke Luar Negara**

Secara keseluruhannya program misi pameran perdagangan ke luar negara telah diuruskan dengan berkesan dan teratur jika ditinjau kepada jumlah penyertaan dalam program ini sebanyak 94.4% (51 daripada 54 program yang disertai) dan jumlah perbelanjaan yang digunakan iaitu sebanyak 89.1% (RM2.87 juta berbanding RM3.22 juta). Selain itu, terdapat peningkatan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa pada setiap tahun. Bagaimanapun, terdapat ruang penambahbaikan terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kerana PGTB tidak menetapkan sasaran jumlah ketibaan pelancong pada setiap tahun menyebabkan KPI sukar untuk diukur.

##### **ii. Penganjuran Acara**

Program penganjuran acara telah diuruskan dengan berkesan dan teratur jika ditinjau kepada jumlah penganjuran acara yang telah diadakan sebanyak 122% (50 daripada 41 program yang diadakan). Selain itu, terdapat peningkatan jumlah pengunjung acara pada setiap tahun daripada 25,456 orang pada tahun 2014 kepada 1.14 juta orang pada tahun 2017. Bagaimanapun, terdapat ruang penambahbaikan terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kerana PGTB tidak menetapkan sasaran jumlah pengunjung pada setiap tahun menyebabkan KPI sukar untuk diukur. Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian termasuk pelantikan kontraktor tanpa kelulusan Lembaga Pengarah, kekurangan terma-terma

perjanjian yang memelihara kepentingan syarikat dan syarat-syarat perjanjian tidak dipatuhi.

### c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus PGTB adalah memuaskan kerana syarikat telah mematuhi 23 daripada 30 kriteria amalan terbaik yang telah dilaksanakan. Namun, masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek amalan terbaik Lembaga Pengarah, ketiadaan pelaksanaan Audit dalaman di PGTB oleh Unit Audit Dalaman PDC, KPI yang tidak menetapkan sasaran pencapaian pada setiap tahun dan beberapa kelemahan dalam pengurusan perbelanjaan seperti lantikan terus, kelemahan dalam mematuhi jadual pembayaran yang menyebabkan berlaku kelewatan bayaran kepada kontraktor dan pembayaran menggunakan SOP baharu yang belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. pelantikan kontraktor bagi penganjuran acara tanpa kelulusan Lembaga Pengarah;
- ii. kekurangan terma-terma yang memelihara kepentingan syarikat dalam perjanjian penganjuran acara; dan
- iii. syarat-syarat perjanjian penganjuran acara tidak dipatuhi.

## 3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas PGTB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 25 Januari 2018 dan perbincangan susulan telah diadakan pada 9 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

### 3.6.1. Kedudukan Kewangan

3.6.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan PGTB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta tunai dan kesetaraan tunai adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1**  
**KEDUDUKAN KEWANGAN PADA TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

BUTIRAN	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
Pendapatan	6,443,857	9,912,891	9,408,622
Pendapatan Lain	-	-	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>6,443,857</b>	<b>9,912,891</b>	<b>9,408,622</b>
Perbelanjaan Dagangan	46,081	20,356	16,039
Perbelanjaan Operasi	4,854,433	8,261,918	7,701,227
Perbelanjaan Pentadbiran	1,542,146	1,629,423	1,688,137
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>6,442,660</b>	<b>9,911,697</b>	<b>9,405,403</b>
<b>UNTUNG SEBELUM CUKAI</b>	<b>1,197</b>	<b>1,194</b>	<b>3,219</b>
Cukai	(1,197)	(1,194)	(3,219)
<b>Untung Selepas Cukai</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>2,073,611</b>	<b>2,191,504</b>	<b>4,670,766</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>2,073,611</b>	<b>2,191,504</b>	<b>4,670,766</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	<b>2,073,611</b>	<b>2,191,504</b>	<b>4,670,766</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>1,069,351</b>	<b>577,805</b>	<b>2,420,166</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

3.6.1.2. Pendapatan utama PGTTSB dijana melalui geran Kerajaan, jualan cenderahati, terimaan faedah dan pendapatan lain. Bagi tahun 2014, 2015 dan 2016, penerimaan geran Kerajaan adalah masing-masing sebanyak 99%, 99.7% dan 99.6%. Pendapatan keseluruhan bagi tahun 2015 meningkat sejumlah RM3.47 juta (53.8%) disebabkan peningkatan dalam penerimaan geran Kerajaan sejumlah RM3.5 juta (54.9%). Bagaimanapun, pendapatan yang diterima oleh PGTTSB bagi tahun 2016 menurun sejumlah RM504,269 (5.1%) disebabkan pengurangan dalam penerimaan geran Kerajaan.

3.6.1.3. Perbelanjaan PGTTSB terdiri daripada perbelanjaan operasi, pentadbiran dan barang dagangan. Perbelanjaan pada tahun 2015 telah meningkat sejumlah RM3.47 juta (53.8%) kepada RM9.91 juta berbanding pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM6.44 juta. Peningkatan tersebut berlaku disebabkan kenaikan dalam perbelanjaan operasi sejumlah RM3.41 juta yang melibatkan belanja seperti promosi dan pemasaran, penganjuran acara serta kempen media pelancongan. Manakala perbelanjaan pentadbiran meningkat sejumlah RM87,277 kepada RM1.63 juta pada tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, perbelanjaan PGTTSB menurun sejumlah RM506,297 (5.1%) kepada RM9.41 juta disebabkan penurunan ketara dalam perbelanjaan operasi iaitu penganjuran acara dan kempen media pelancongan.

3.6.1.4. Perbelanjaan operasi bagi yuran pengiklanan menunjukkan penurunan sejumlah RM567,876 daripada RM1.65 juta pada tahun 2014 kepada RM1.09 juta pada tahun 2015 dan meningkat sejumlah RM201,773 kepada RM1.29 juta pada


tahun 2016. Bagi belanja operasi melibatkan penganjuran acara telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM858,764 pada tahun 2014 kepada RM4.30 juta pada tahun 2015 iaitu peningkatan sejumlah RM3.44 juta dan pada tahun 2016 menurun sejumlah RM1.39 juta kepada RM2.92 juta. Manakala perbelanjaan operasi bagi kempen taktikal telah meningkat sejumlah RM108,498 dari tahun sebelumnya kepada RM151,840 pada tahun 2015 dan terus meningkat sejumlah RM593,611 kepada RM745,451 pada tahun 2016. Seterusnya perbelanjaan operasi untuk media pelancongan menunjukkan peningkatan sejumlah RM403,222 iaitu dari RM568,844 pada tahun 2014 kepada RM972,066. Bagaimanapun, perbelanjaan operasi bagi kempen media pelancongan telah menurun sejumlah RM498,879 pada tahun 2016 kepada RM473,437. Bagi perbelanjaan operasi melibatkan misi pameran perdagangan ke luar negara telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM421,982 pada tahun 2014 kepada RM639,720 pada tahun 2015 dan terus meningkat kepada RM855,437 iaitu peningkatan sejumlah RM217,738 pada tahun 2015 dan sejumlah RM215,717 pada tahun 2016.

3.6.1.5. PGTSB merupakan syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan tetapi berperanan untuk melaksanakan program galakan pelancongan di Pulau Pinang. PGTSB mempunyai untung sebelum cukai berjumlah RM1,197 pada tahun 2014 dan menurun RM3 (0.25%) kepada RM1,194 pada tahun berikutnya. Manakala pada tahun 2016, untung sebelum cukai meningkat sejumlah RM2,025 (169.6%) kepada RM3,219 disebabkan oleh penurunan dalam perbelanjaan operasi dan kos barang. Hasil daripada analisis terhadap *trend* pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 3.1**  
**TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**



**CARTA 3.2**  
**TREND UNTUNG SEBELUM CUKAI BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

3.6.1.6. Analisis terhadap kedudukan kewangan telah dijalankan bagi menentukan *trend* kenaikan/penurunan aset dan liabiliti syarikat yang signifikan. Selain itu, Penyata Kedudukan Pendapatan Komprehensif serta Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah digunakan untuk menilai nisbah kewangan syarikat.

- a. Kedudukan kewangan PGTB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah merekodkan aset masing-masing berjumlah RM2.07 juta, RM2.19 juta dan RM4.67 juta. Komponen terbesar bagi aset semasa terdiri daripada tunai, baki di bank dan amaun ter hutang oleh induk. Manakala komponen aset bukan semasa syarikat ialah harta, loji dan kelengkapan. Pada tahun 2015, aset syarikat telah meningkat sejumlah RM117,893 (5.7%) dan bertambah sejumlah RM2.48 juta (113.1%) pada tahun 2016. Bagaimanapun, aset syarikat bukan semasa menurun sejumlah RM35,168 daripada RM195,737 kepada RM160,569 pada tahun 2015. Manakala pada tahun 2016, aset bukan semasa menurun sejumlah RM22,703 kepada RM137,866. Penurunan ini disebabkan oleh perbelanjaan susut nilai aset. PGTB juga merekodkan liabiliti berjumlah RM2.07 juta (tahun 2014), RM2.19 juta (tahun 2015) dan RM4.67 juta (tahun 2016) di mana pengiktirafan geran kerajaan merupakan komponen yang terbesar menyumbang kepada perekodan liabiliti bukan semasa syarikat. Perkara ini berlaku berikutnya penyata kewangan tahun 2016 telah mengalami perubahan dalam pembentangan disebabkan pindaan beberapa standard dalam MPERS dan untuk mematuhi kehendak Akta Syarikat 2016. Perkara ini telah menyebabkan liabiliti bertambah.
- b. Pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap kedudukan nisbah kecairan iaitu nisbah semasa dan nisbah cepat seperti berikut:
  - i. Nisbah semasa bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah antara 0.9:1 dan 1:1. Nisbah semasa PGTB pada tahun 2014 dan 2015 adalah sama iaitu 0.9:1. Manakala pada tahun 2016 nisbah semasa PGTB telah meningkat daripada 0.9:1 kepada 1:1. Ini disebabkan pertambahan dalam aset semasa selari dengan pertambahan liabiliti semasa. Walaupun kadar nisbah semasa pada tahun 2014 dan 2015 kurang daripada 1:1 dan pada tahun 2016 nisbah semasa adalah 1:1, namun PGTB masih berupaya menjelaskan hutang dalam jangka masa pendek. Peningkatan liabiliti berlaku kerana terdapat pendapatan tertunda dalam liabiliti semasa syarikat.
  - ii. Nisbah cepat bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah antara 0.9:1 dan 1:1. Nisbah cepat pada tahun 2014 dan 2015 adalah sama iaitu 0.9:1. Manakala pada tahun 2016, nisbah cepat telah meningkat daripada 0.9:1 kepada 1:1. Ini disebabkan pertambahan dalam aset semasa adalah

selari dengan pertambahan liabiliti semasa. Walaupun kadar nisbah cepat pada tahun 2014 hingga tahun 2015 tidak melebihi 1:1, namun secara umumnya, PGTB masih berupaya menjelaskan hutang dalam jangka masa pendek kerana wujud pendapatan tertunda daripada geran Kerajaan dalam liabiliti semasa syarikat.

3.6.1.7. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai PGTB bagi menilai keupayaan syarikat untuk menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan serta penggunaannya untuk menampung perbelanjaan syarikat. Analisis aliran tunai PGTB menunjukkan kedudukan keseluruhan aliran tunai PGTB bagi tahun kewangan 2014 hingga 2016 adalah positif. Pada tahun 2015, aliran tunai PGTB menurun dari tahun sebelumnya disebabkan berlaku peningkatan dalam perbelanjaan operasi. Bagaimanapun, pada tahun 2016, aliran tunai PGTB telah meningkat. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini disebabkan pertambahan jumlah geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan berlaku penurunan dalam belanja operasi. Baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tiga (3) tahun tersebut, masing-masing berjumlah RM1.07 juta, RM577,805 dan RM2.42 juta. Aliran tunai pada tahun 2015 berkurang sejumlah RM491,546 disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan terutama kos operasi. Baki tunai dan kesetaraan tunai PGTB pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM1.84 juta kepada RM2.42 juta berbanding tahun 2015.

#### **Maklum Balas PGTB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*PGTB telah menambah baik laporan prestasi kewangan dengan menyediakan laporan terperinci prestasi setiap suku tahun. Laporan terperinci yang disokong oleh penyata pendapatan dan perbelanjaan dibentang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Perancangan pengurusan kewangan PGTB dibuat secara komprehensif dengan input daripada semua pegawai dan pengurus bahagian dan pelbagai usaha berterusan diambil untuk mengukuhkan perancangan pengurusan kewangan syarikat pada masa hadapan. PGTB membuat semakan anggaran perbelanjaan dan penilaian prestasi setiap bulan untuk memantau prestasi dan tahap pelaksanaan aktiviti dan program yang telah dirancang. Prestasi perbelanjaan bulanan ini juga telah dihantar kepada PDC untuk semakan dan pemantauan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan syarikat mampu menunjukkan peningkatan positif melalui usaha-usaha penambahbaikan berterusan yang sedang dilaksanakan. Berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan PGTB adalah stabil.

### 3.6.2. Pengurusan Aktiviti

Selaras dengan objektif penubuhan syarikat, terdapat tiga (3) aktiviti utama yang dipertanggungjawabkan kepada PGTSB semasa penubahannya iaitu promosi dan pemasaran, penganjuran acara dan pengurusan serta pemantauan produk pelancongan. PGTSB telah memberi keutamaan kepada aktiviti promosi dan pemasaran serta penganjuran acara-acara pelancongan. Aktiviti lain yang dilaksanakan oleh PGTSB adalah komunikasi, perkhidmatan pelancongan, pusat pelancongan pendidikan dan pusat pelancongan perubatan. PGTSB telah membelanjakan sejumlah RM33.27 juta bagi tahun 2014 hingga 2017 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.2  
PERBELANJAAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

BIL.	JENIS AKTIVITI	TAHUN				JUMLAH (RM)
		2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	
1.	Promosi dan Pemasaran	986,929	1,100,542	2,683,814	3,977,140	8,748,425
2.	Penganjuran Acara	336,999	3,782,823	1,925,570	5,010,245	11,055,637
3.	Komunikasi	2,958,026	2,524,467	2,134,581	2,648,940	10,266,014
4.	Perkhidmatan Pelancongan	490,711	571,092	774,830	719,465	2,556,098
5.	Pusat Pelancongan Pendidikan	11,202	194,406	122,496	161,063	489,167
6.	Pusat Pelancongan Perubatan	-	-	49,294	101,593	150,887
<b>JUMLAH</b>		<b>4,783,867</b>	<b>8,173,330</b>	<b>7,690,585</b>	<b>12,618,446</b>	<b>33,266,228</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

#### 3.6.2.1. Promosi dan Pemasaran

- a. Program-program yang dilaksanakan oleh PGTSB di bawah aktiviti promosi dan pemasaran termasuklah misi pameran perdagangan ke luar negara, *FAM Trip, World Travel Mart, OBS TV Programme, lunch/dinner hosting, welcoming reception, products update and networking* dan *tactical campaign*. Semakan Audit mendapati PGTSB telah membelanjakan sejumlah RM8.75 juta bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017 untuk melaksanakan 475 daripada 492 program yang dirancang. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.3  
PROGRAM PROMOSI DAN PEMASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	AKTIVITI DIRANCANG (BILANGAN)	AKTIVITI DILAKSANA (BILANGAN)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
2014	122	121	986,929
2015	142	131	1,100,542
2016	115	114	2,683,814
2017	113	109	3,977,140
<b>JUMLAH</b>	<b>492</b>	<b>475</b>	<b>8,748,425</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

b. Semakan lanjut mendapati daripada perbelanjaan RM8.75 juta, sejumlah RM2.87 juta (32.7%) telah dibelanjakan untuk program misi perdagangan keluar negara. Bagi tempoh 2014 hingga 2017, PGTB telah menyertai 51 program misi pameran perdagangan ke luar Negara berbanding 54 program yang dirancang. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.4**. Antara penyertaan PGTB dalam misi pameran perdagangan ke luar negara ialah di *Internationale Tourismus-Borse* (ITB) Berlin pada 5 hingga 9 Mac 2014, *ITB Asia Singapore* pada 29 hingga 31 Oktober 2014, *Sydney Roadshow* pada 20 hingga 21 Jun 2015, *International Tourism Exhibition* (ITE) Hong Kong pada 16 hingga 19 Jun 2016, *Arabian Travel Mart* Dubai pada 25 hingga 28 April 2016, *Thailand International Travel Fair* pada 15 hingga 19 Februari 2017 dan *International Travel EXPO* Ho Chi Minh City, Vietnam pada 8 hingga 11 Jun 2017.

**JADUAL 3.4**  
**PROGRAM MISI PAMERAN PERDAGANGAN LUAR**  
**NEGARA YANG DISERTAI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	JUMLAH MISI PAMERAN		JUMLAH PERBELANJAAN	
	RANCANG (BILANGAN)	SEBENAR (BILANGAN)	RANCANG (RM)	SEBENAR (RM)
2014	11	11	358,580	355,919
2015	15	14	638,000	553,205
2016	13	13	876,470	824,386
2017	15	13	1,343,000	1,134,212
<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>	<b>51</b>	<b>3,216,050</b>	<b>2,867,722</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

c. Ketibaan pelancong adalah merupakan salah satu daripada KPI syarikat. Semakan Audit mendapati PGTB tidak menetapkan sasaran bilangan ketibaan pelancong yang hendak dicapai pada setiap tahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah ketibaan pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTAB) bagi pelancong domestik dan antarabangsa ke Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga 2017 adalah meningkat setiap tahun. Statistik yang direkodkan oleh Malaysia Airport Berhad (MAB) adalah seperti **Jadual 3.5**. Secara keseluruhannya, jumlah ketibaan pelancong domestik dan antarabangsa di LTAB bagi tempoh 2014 hingga 2017 ialah seramai 13 juta orang dengan purata 57.7% adalah terdiri daripada pelancong domestik dan selebihnya iaitu 42.3% adalah pelancong antarabangsa. Selain itu, peningkatan jumlah ketibaan pelancong turut dipengaruhi oleh program promosi dan pemasaran lain yang telah memperkenalkan Pulau Pinang di mata dunia seperti *World Travel Mart Connect Asia*, *FAM Trip* dan *OBS TV Programme*.

**JADUAL 3.5**  
**JUMLAH KETIBAAN PELANCONG DOMESTIK DAN**  
**ANTARABANGSA KE PULAU PINANG DI LTAB BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	PRESTASI KEDATANGAN PELANCONG					
	DOMESTIK (ORANG)	PERATUS (%)	ANTARABANGSA (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)
2014	1,719,161	57.2	1,287,376	42.8	3,006,537	100
2015	1,852,652	59.4	1,264,429	40.6	3,117,081	100
2016	1,901,878	57.5	1,407,785	42.5	3,309,663	100
2017	2,029,458	56.9	1,540,282	43.1	3,569,740	100
<b>JUMLAH</b>	<b>7,503,149</b>	<b>57.7</b>	<b>5,499,872</b>	<b>42.3</b>	<b>13,003,021</b>	<b>100</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

- d. Analisis Audit yang dijalankan terhadap jumlah perbelanjaan untuk program promosi dan pemasaran berbanding jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Pulau Pinang tanpa mengambil kira faktor-faktor lain mendapat terdapat peningkatan perbelanjaan pada setiap tahun. Pada tahun 2014, peratus jumlah perbelanjaan berbanding jumlah pelancong adalah sebanyak 27.7% sahaja. Peratus ini telah meningkat sebanyak 16.1% kepada 43.8% pada tahun 2015. Seterusnya meningkat lagi sebanyak 14.8% kepada 58.6% pada tahun 2016. Manakala pada tahun 2017 menunjukkan peningkatan sebanyak 15% kepada 73.6%. Jumlah perbelanjaan untuk program promosi dan pemasaran berbanding jumlah pelancong antarabangsa dari tahun 2014 hingga 2017 ialah sebanyak 52.1%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.6**  
**PROGRAM PROMOSI DAN PEMASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	JUMLAH PELANCONG ANTARABANGSA (ORANG)	PERATUS JUMLAH PERBELANJAAN BERBANDING JUMLAH PELANCONG (%)
2014	355,919	1,287,376	27.7
2015	553,205	1,264,429	43.8
2016	824,386	1,407,785	58.6
2017	1,134,212	1,540,282	73.6
<b>JUMLAH</b>	<b>2,867,722</b>	<b>5,499,872</b>	<b>52.1</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

**Maklum Balas PGTB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*Pengurusan PGTB telah membuat keputusan untuk menetapkan sasaran jumlah ketibaan pelancong dalam KPI mulai tahun 2018. KPI bagi tahun 2018 akan dibentangkan untuk kelulusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang. Mengenai penyertaan dalam program misi pameran perdagangan*

*ke luar negara, promosi yang dijalankan sememangnya mampu menggalakkan ketibaan pelancong.*

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti promosi dan pemasaran yang dijalankan adalah baik dengan peningkatan jumlah ketibaan pelancong pada setiap tahun. Bagaimanapun, penambahbaikan dengan menetapkan jumlah sasaran ketibaan pelancong pada setiap tahun adalah penting untuk mengukur prestasi syarikat dalam meningkatkan jumlah ketibaan pelancong.

### 3.6.2.2. Penganjuran Acara

PGTSB menganjurkan pelbagai jenis acara untuk menarik keinginan pelancong berkunjung ke acara yang diadakan dan seterusnya meningkatkan jumlah pelancong ke Pulau Pinang. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017, PGTSB telah menganjurkan 50 acara pelancongan berbanding 41 acara yang dirancang dengan perbelanjaan berjumlah RM11.06 juta adalah seperti di **Jadual 3.7**. Antara penganjuran acara terbesar yang telah dianjurkan di negeri Pulau Pinang setiap tahun bermula pada tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti *Penang Trishaw Entourage*, *Penang Hot Air Balloon*, *Penang Anime Matsuri* dan *Penang Street Food Festival* seperti di gambar-gambar berikut:

**JADUAL 3.7**  
**JUMLAH PENGANJURAN ACARA DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	JUMLAH PENGANJURAN ACARA		JUMLAH PERBELANJAAN	
	RANCANG (BILANGAN)	SEBENAR (BILANGAN)	RANCANG (RM)	SEBENAR (RM)
2014	10	12	559,000	336,999
2015	11	14	2,997,712	3,782,823
2016	9	12	2,096,000	1,925,570
2017	11	12	4,594,000	5,010,245
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>	<b>50</b>	<b>10,246,712</b>	<b>11,055,637</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

**GAMBAR 3.1**



Johor  
- *Penang Trishaw Entourage 2015*  
(14.12.2017)

(Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.)

**GAMBAR 3.2**



George Town  
- *Penang Hot Air Balloon 2017*  
(14.12.2017)

(Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.)

**GAMBAR 3.3**



Bayan Baru  
- Penang Anime Matsuri 2017  
(14.12.2017)  
(Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.)

**GAMBAR 3.4**



George Town  
- Penang Street Food Festival 2017  
(14.12.2017)  
(Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.)

**a. Sasaran Kehadiran Pengunjung dan Bilangan Acara Yang Dianjurkan**

- PGTSB telah menyenaraikan penganjuran acara dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Bagaimanapun, PGTSB tidak menetapkan sasaran bilangan kehadiran pengunjung yang hendak dicapai dalam setiap penganjuran acara yang diadakan. Bagi tahun 2014 hingga 2017, PGTSB telah melaksanakan 50 penganjuran acara dengan kehadiran pengunjung seramai 2.01 juta orang adalah seperti **Jadual 3.8**. Oleh yang demikian, prestasi kejayaan kehadiran pengunjung bagi setiap penganjuran acara sukar untuk dinilai.

**JADUAL 3.8**  
**JUMLAH PENGANJURAN ACARA**  
**DAN PENGUNJUNG BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	JUMLAH PENGANJURAN ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG
	(BILANGAN)	(ORANG)
2014	12	25,456
2015	14	416,328
2016	12	425,288
2017	12	1,141,883
<b>JUMLAH</b>	<b>50</b>	<b>2,008,955</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

- Semakan lanjut mendapati jumlah pengunjung pada penganjuran acara telah meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2015, jumlah pengunjung telah meningkat seramai 390,872 orang (1,535.5%) kepada 416,328 orang berbanding 25,456 orang pada tahun 2014. Bilangan pengunjung pada tahun 2016 pula telah meningkat seramai 8,960 orang (2.2%) kepada 425,288 orang berbanding 416,328 orang pada tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2017, jumlah pengunjung telah meningkat seramai 716,595 orang (168.5%) kepada 1.14 juta orang berbanding 425,288 orang pada tahun sebelumnya.

- iii. Di samping itu, jumlah acara yang dianjurkan telah melebihi daripada acara yang dirancang iaitu 50 berbanding 41. Keadaan ini menyebabkan kos penganjuran acara telah meningkat daripada RM10.25 juta kepada RM11.06 juta. Walaupun jumlah pengunjung telah meningkat hasil daripada peningkatan jumlah acara yang diadakan berbanding acara yang dirancang, namun penganjuran acara yang tidak dirancang boleh memberi kesan kepada pengurusan bajet syarikat.

**Maklum Balas PGTSB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*Pengurusan PGTSB telah membuat keputusan untuk menetapkan sasaran bilangan kehadiran pengunjung dalam KPI mulai tahun 2018. KPI untuk acara pada masa hadapan akan dibentangkan untuk kelulusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.*

Pada pendapat Audit, aktiviti penganjuran acara yang dijalankan adalah baik jika diukur daripada segi jumlah acara sebenar yang dijalankan berbanding jumlah acara yang dirancang. Begitu juga daripada sudut bilangan pengunjung yang terus meningkat pada setiap tahun di samping keunikan jenis acara yang dianjurkan. Bagaimanapun, penganjuran acara yang tidak dirancang boleh memberi kesan kepada pengurusan bajet syarikat. Di samping itu, pengukuran prestasi pengunjung akan lebih lengkap sekiranya syarikat menetapkan sasaran jumlah pengunjung pada setiap acara supaya boleh dibandingkan dengan jumlah sebenar pengunjung di acara berkenaan.

**b. Pelantikan Kontraktor Bagi Penganjuran Acara Tanpa Kelulusan Lembaga Pengarah**

- i. Mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) perolehan berjumlah RM50,001 hingga RM200,000, sebut harga perlu dipanggil dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Di samping itu, mulai bulan April 2016, PGTSB telah mengguna pakai SOP baharu walaupun masih belum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. SOP baharu telah menetapkan sebanyak tiga (3) sebut harga perlu diterima bagi perolehan bernilai RM10,001 hingga RM200,000 dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah yang juga Exco Pelancongan Negeri.
- ii. Semakan Audit terhadap 19 daripada 50 fail penganjuran acara yang telah dilaksanakan bagi tahun 2014 hingga 2017 mendapat proses pelantikan kontraktor dibuat secara lantikan terus kepada empat (4) kontraktor bagi

empat (4) penganjuran acara yang dijalankan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Nilai perolehan setiap kontraktor adalah berjumlah antara RM109,384 hingga RM180,061 dengan perbelanjaan keseluruhan sejumlah RM614,010. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.9  
PERLANTIKAN KONTRAKTOR  
PENGANJURAN ACARA TANPA KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH**

TAHUN	BIL.	NAMA ACARA	NAMA KONTRAKTOR	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
2015	1.	<i>Penang Hot Air Balloon Fiesta 2015</i>	Kontraktor A	109,384
	2.	<i>DC Justice League Run</i>	Kontraktor B	180,061
2016	3.	<i>Penang Hot Air Balloon Fiesta 2016</i>	Kontraktor A	155,740
2017	4.	<i>Penang Hot Air Balloon Fiesta 2017</i>	Kontraktor A	168,825
			<b>JUMLAH</b>	<b>614,010</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

- iii. Pelantikan kontraktor-kontraktor tanpa melalui kaedah sebut harga menyebabkan syarikat tidak mendapat harga yang berpatutan dengan spesifikasi memenuhi perincian yang terbaik.

#### **Maklum Balas PGTB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*Pihak pengurusan mengambil maklum berhubung perkara ini dan sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah berhubung pelantikan kontraktor tersebut.*

Pada pendapat Audit, kaedah pelantikan kontraktor yang dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah boleh membuka ruang ketidakakuruan proses pelantikan oleh pihak pengurusan PGTB. Pihak pengurusan PGTB juga tidak mengambil kira peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam meluluskan pelantikan kontraktor selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

#### **c. Kekurangan Terma-terma Yang Memelihara Kepentingan Syarikat Dalam Perjanjian Penganjuran Acara**

- i. Perjanjian perkhidmatan adalah dokumen penting untuk memelihara kepentingan PGTB dalam setiap penganjuran acara yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap 12 penganjuran acara bagi tahun 2015 hingga 2017 mendapati lapan (8) perjanjian sahaja disediakan oleh PGTB, manakala empat (4) lagi perjanjian disediakan oleh kontraktor dengan kos

perolehan berjumlah RM2 juta. Menurut pegawai PGTSB, perkara ini disebabkan ketidakupayaan syarikat untuk menyediakan semua perjanjian bagi setiap acara yang dianjurkan kerana jumlah acara yang banyak dan pelbagai jenis.

- ii. Semakan lanjut terhadap perjanjian yang disediakan oleh PGTSB mendapati kandungan perjanjian oleh PGTSB adalah lebih lengkap berbanding perjanjian yang disediakan oleh kontraktor. Ini kerana perjanjian yang disediakan oleh PGTSB mempunyai terma-terma yang memelihara kepentingan syarikat seperti jaminan mutu, tanggungjawab kontraktor, penamatan kontrak disebabkan kegagalan kontraktor melaksanakan tanggungjawab, rasuah/tidak mematuhi undang-undang/aktiviti haram, penyelesaian atas perbezaan dan notis/persetujuan. Manakala perjanjian yang disediakan oleh kontraktor adalah ringkas berbentuk surat tawaran tanpa *stamping* dan tidak mengandungi terma-terma tersebut. Walaupun kandungan perjanjian yang disediakan oleh kontraktor adalah berdasarkan persetujuan bersama antara PGTSB dan kontraktor, namun terma-terma perjanjian yang lengkap amatlah penting untuk memelihara kepentingan syarikat yang mewakili Kerajaan.

#### **Maklum Balas PGTSB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*Walaupun empat (4) perjanjian yang dimaksudkan itu telah disediakan oleh kontraktor tetapi pengurusan PGTSB telah membuat kajian yang teliti untuk memastikan kepentingan syarikat dilindungi sebelum menandatangani sebarang dokumen. Bagaimanapun, pengurusan PGTSB mengambil maklum teguran Audit dan akan memastikan kepentingan PGTSB sentiasa dilindungi dalam mana-mana dokumen seperti surat perjanjian, surat setuju terima penganjuran acara dan surat tawaran.*

Pada pendapat Audit, perjanjian merupakan dokumen yang penting dalam memelihara kepentingan syarikat, di mana sebarang kecuaian dalam penyediaan dan kandungan terma-termanya boleh menyebabkan kerugian kepada syarikat.

#### **d. Syarat-syarat Perjanjian Tidak Dipatuhi**

Setiap perjanjian yang disediakan telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak. Semakan Audit terhadap 12 perjanjian yang ditandatangani oleh PGTSB dan kontraktor mendapati kelemahan seperti berikut:

### i. Pembayaran Tidak Mengikut Perjanjian

Perjanjian di antara PGTB dan kontraktor menetapkan syarat mengenai pembayaran yang perlu dipatuhi. PGTB perlu membuat pembayaran kepada kontraktor mengikut jumlah yang dinyatakan dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap perjanjian penganjuran acara *Penang International Food Festival* dan *Penang Street Food Festival* pada tahun 2017 mendapati PGTB telah membuat pembayaran berjumlah RM1.36 juta berbanding RM1.28 juta seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Perbezaan berjumlah RM76,800 adalah disebabkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang tidak diambil kira semasa menyediakan perjanjian. Pembayaran melalui peruntukan operasi ini melibatkan kontraktor yang sama dan dipilih melalui kaedah lantikan terus bagi dua (2) penganjuran acara adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.10  
PEMBAYARAN TIDAK MENGIKUT PERJANJIAN**

TAHUN	PENGANJURAN ACARA	JUMLAH BAYARAN (RM)	JUMLAH MENGIKUT PERJANJIAN (RM)	PERBEZAAN PEMBAYARAN BERBANDING PERJANJIAN (RM)
2017	<i>Penang International Food Festival</i>	1,060,000	1,000,000	60,000
	<i>Penang Street Food Festival</i>	296,800	280,000	16,800
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,356,800</b>	<b>1,280,000</b>	<b>76,800</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

### Maklum Balas PGTB yang Diterima pada 8 Februari 2018

*Pihak PGTB telah mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan akan memastikan perkara ini tidak akan berlaku lagi dalam acara-acara yang akan datang.*

Pada pendapat Audit, penyediaan dan pematuhan kepada perjanjian amatlah penting bagi memastikan kepentingan syarikat terpelihara.

### ii. Penyata Akaun Beraudit Tidak Dikemukakan oleh Kontraktor

Perjanjian penganjuran acara *Penang International Food Festival* dan *Penang Street Food Festival* telah menetapkan agar kontraktor menyerahkan penyata akaun beraudit oleh akauntan awam bertauliah bagi penganjuran acara dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh akhir acara adalah seperti di **Jadual 3.11**. Penyata akaun beraudit menjadi dokumen penting yang mengesahkan jenis dan jumlah bayaran dilakukan oleh kontraktor adalah selaras dengan terma perjanjian dan menentukan

kedudukan lebihan atau kurangan yang terbit daripada program berkenaan. Terma perjanjian menyatakan bahawa sebarang kurangan yang timbul daripada program akan ditanggung oleh kontraktor, manakala sebarang lebihan yang diperoleh akan dibahagi sama rata antara kontraktor dan PGTB dan ditentukan berdasarkan penyata akaun beraudit. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2017, PGTB telah membuat semua bayaran penganjuran acara kepada kontraktor berdasarkan kehendak perjanjian, namun kontraktor telah gagal untuk menyerahkan penyata akaun beraudit seperti yang disyaratkan. Sebaliknya kontraktor hanya mengemukakan penyata akaun tidak beraudit yang tidak selari dengan terma perjanjian. Tanpa penyata akaun beraudit, PGTB tidak dapat mengesahkan jenis dan jumlah perbelanjaan program tersebut. Seterusnya PGTB juga tidak dapat menuntut sebahagian daripada lebihan sekiranya acara tersebut memperoleh lebihan pendapatan atas perbelanjaan.

**JADUAL 3.11  
 PENYATA KEWANGAN BERAUDIT PENGANJURAN ACARA  
TIDAK DIKEMUKAKAN OLEH KONTRAKTOR KEPADA PGTB**

TAHUN	PENGANJURAN ACARA	TARIKH AKHIR PENGANJURAN ACARA	TEMPOH MASA PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN	BAYARAN PENGANJURAN ACARA KEPADA KONTRAKTOR (RM)
2017	<i>Penang International Food Festival</i>	30.04.2017	3 bulan	1,000,000
	<i>Penang Street Food Festival</i>	02.09.2017	3 bulan	280,000

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

### Maklum Balas PGTB yang Diterima pada 8 Februari 2018

*Penganjur acara untuk Penang International Food Festival dan Penang Street Food Festival telah mengemukakan penyata kewangan (tidak beraudit) kepada PGTB selepas acara selesai.*

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap kehendak perjanjian hendaklah diberi perhatian supaya kepentingan syarikat terpelihara dan tindakan terhadap kontraktor jika berlaku ketidakakurran.

### iii. Pembayaran Kepada Kontraktor yang Tidak Mengikut Jadual Bayaran

Perjanjian penganjuran acara menetapkan jadual pembayaran yang perlu dilakukan oleh PGTB kepada kontraktor. Semakan Audit terhadap perjanjian penganjuran acara yang menetapkan jadual pembayaran dan

baucar mendapati berlaku kelewatan pembayaran kepada kontraktor antara 34 hari dan 120 hari bagi tujuh (7) penganjuran acara seperti di **Jadual 3.12**. Perkara ini terjadi disebabkan wujud kelemahan koordinasi antara bahagian yang menguruskan program dengan bahagian yang menguruskan pembayaran dalam menyampaikan maklumat jadual pembayaran dan memantau penghantaran inbois dalam tempoh ditetapkan agar pembayaran dapat dilakukan mengikut jadual.

**JADUAL 3.12**  
**KELEWATAN PEMBAYARAN KEPADA KONTRAKTOR**

TAHUN	PENGANJURAN ACARA	TARIKH JADUAL BAYARAN	TARIKH BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
2015	<i>Penang Anime Matsuri 2015</i>	01.04.2015	22.05.2015	125,000	51
		01.05.2015	18.06.2015	125,000	48
2016	<i>Hot Air Balloon Fiesta 2016</i>	17.11.2015	28.12.2015	95,315	41
		29.02.2016	19.04.2016	300,000	50
	<i>Penang Anime Matsuri 2016</i>	01.04.2016	16.05.2016	150,000	45
		20.06.2016	18.10.2016	150,000	120
2017	<i>Hot Air Balloon Fiesta 2017</i>	05.12.2016	24.01.2017	288,808	50
		21.02.2017	07.06.2017	10,090	106
	<i>Penang Fun Experiences with DM3</i>	31.05.2017	24.07.2017	150,000	54
		22.06.2017	10.08.2017	225,000	49
		01.07.2017	10.08.2017	225,000	40
		10.09.2017	30.10.2017	150,000	50
		05.04.2017	18.05.2017	300,000	43
	<i>Penang Anime Matsuri 2017</i>	14.04.2017	18.05.2017	140,000	34
		03.08.2017	17.10.2017	140,000	75
		09.01.2017	06.03.2017	212,000	56
	<i>Penang International Food Festival</i>	30.01.2017	06.03.2017	212,000	35
		15.02.2017	29.03.2017	212,000	42
<b>JUMLAH</b>				<b>3,210,213</b>	

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

### Maklum Balas PGTSB yang Diterima pada 8 Februari 2018

*Punca kelewatan ialah disebabkan PGTSB tidak menerima inbois daripada kontraktor. Berdasarkan SOP, bayaran hanya dibuat selepas menerima inbois dan dokumen lengkap daripada pihak penganjur acara. Walaupun jadual bayaran telah ditetapkan, tetapi jika inbois tidak diterima maka bayaran tidak akan diproses.*

Pada pendapat Audit, kerjasama erat antara bahagian-bahagian di PGTSB iaitu bahagian yang menguruskan program dan bahagian yang

**menguruskan pembayaran amat penting bagi memastikan inbois diterima dengan segera supaya proses pembayaran kepada kontraktor dapat mematuhi jadual pembayaran yang ditetapkan.**

### **3.6.3. Amalan Tadbir Urus**

3.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017, The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006*, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

3.6.3.2. Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus PGTSB adalah memuaskan berdasarkan aspek amalan terbaik yang telah diamalkan iaitu pelantikan dan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Audit serta penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Korporat.

3.6.3.3. Manakala aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh PGTSB adalah seperti penemuan Audit berikut:

#### **a. Lembaga Pengarah**

- i. Berdasarkan MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.2*, Lembaga Pengarah hendaklah menyatakan peranan dan tanggungjawab ahli dengan jelas dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiari. Amalan terbaik ini tidak diamalkan oleh syarikat kerana berpendapat bahawa peranan dan tanggungjawab fidusiari Lembaga Pengarah telah termaktub dalam Akta Syarikat 2016. Bagaimanapun, bukan semua ahli Lembaga Pengarah memahami kehendak Akta Syarikat berhubung tanggungjawab fidusiari mereka terutama untuk menyeimbangkan antara kuasa yang diberikan dan kewajipan serta liabiliti yang ditetapkan oleh undang-undang terhadap mereka. Oleh yang demikian, menjadi suatu keperluan untuk syarikat menyatakan tanggungjawab Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka kerana sebarang pelanggaran tanggungjawab fidusiari Lembaga Pengarah boleh merugikan syarikat pada masa hadapan.

- ii. Berdasarkan MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.3*, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan kod etika rasmi syarikat. Kod etika rasmi syarikat berperanan untuk mewujudkan standard tingkah laku etika bagi pengarah dalam mendukung semangat tanggungjawab dan kebertanggungjawaban sosial yang sejahtera dengan perundangan, peraturan dan garis panduan semasa mentadbir sesuatu syarikat. Oleh yang demikian, menjadi keperluan untuk syarikat mengadakan kod etika rasmi kerana tanpa kod etika rasmi boleh mewujudkan krisis identiti di kalangan pengarah dan melahirkan tingkah laku yang boleh merugikan syarikat.
- iii. Berdasarkan MCCG 2012, *principle 4, recommendation 4.2*, Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan. Program pembelajaran berterusan amatlah penting untuk memastikan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi ahlinya sentiasa berkembang bagi memperkasakan syarikat dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks. Oleh yang demikian, amalan terbaik ini wajar dilaksanakan bagi mencapai hasrat melahirkan ahli yang mempunyai kompetensi yang tinggi untuk kemajuan syarikat.

#### **Maklum Balas PGTB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*PGTB berusaha menambah baik amalan tadbir urus syarikat dan akan membentangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai keperluan untuk mewujudkan kod etika rasmi syarikat. Di samping itu, PGTB akan memastikan terma rujukan dan akses kepada program pembelajaran disampaikan kepada Lembaga Pengarah.*

**Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus syarikat mampu menunjukkan peningkatan positif melalui usaha-usaha penambahbaikan berterusan yang sedang dilaksanakan.**

#### **b. Audit Dalaman**

- i. Peranan utama Audit Dalaman ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu Jawatankuasa Audit (JKA) dalam menilai dan meningkatkan keberkesanannya proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Semakan Audit mendapati PGTB tidak menujuhkan Unit Audit Dalaman untuk menjalankan pengauditan secara teratur dan berkala.

Bagaimanapun, Unit Audit Dalaman telah ditubuhkan di induk iaitu PDC yang akan menjalankan pengauditan terhadap PDC dan semua anak syarikatnya. Namun rekod menunjukkan bahawa Audit Dalaman PDC tidak menjalankan pengauditan ke atas PGTB dari tahun 2014 hingga 2017. Kali terakhir Audit Dalaman dilaksanakan ialah pada tahun 2013.

c. **Standard Operating Procedures (SOP)**

- i. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan *Standard Operating Procedures (SOP)* merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati, PGTB menggunakan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada mesyuarat Bil. 1/2009 mulai tahun 2009 sehingga 17 April 2016.
- iii. Bermula 18 April 2016, PGTB menggunakan SOP baharu yang masih belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Perkara ini disebabkan Lembaga Pengarah telah memutuskan agar PGTB menyerahkan SOP yang baharu kepada Unit Audit Dalam PDC untuk disemak terlebih dahulu. Berikutan itu, PGTB telah menghantar SOP baharu kepada Unit Audit Dalaman PDC pada 21 April 2016 melalui e-mel dan penerimaannya telah disahkan. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, pihak Audit Dalam PDC masih belum mengesahkan semakan terhadap SOP tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati SOP baharu ini lebih lengkap merangkumi aspek pengurusan kewangan, sumber manusia, pengurusan, komunikasi, promosi dan perkhidmatan pelancongan serta pusat informasi pelancongan berbanding SOP lama yang hanya berkaitan dengan kewangan sahaja.

**Maklum Balas PGTB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*SOP baharu PGTB akan dikaji semula oleh Chief Minister Incorporated (CMI) setelah pegangan saham PGTB dipindah milik daripada PDC kepada CMI mulai tahun 2018. SOP baharu yang ditambah baik akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.*

**Pada pendapat Audit, usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh syarikat untuk mengkaji SOP dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah dapat memandu syarikat melaksanakan tadbir urus yang lebih baik.**

**d. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**

Berdasarkan amalan terbaik *Green Book* Bahagian 1 perenggan 3.2 menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan KPI. PGTSB telah menyediakan 3 KPI iaitu kadar penginapan hotel, jumlah ketibaan pelancong dan bilangan pengunjung yang menghadiri penganjuran acara yang diadakan. Bagaimanapun, PGTSB tidak menetapkan sasaran dalam bentuk bilangan dan jumlah yang perlu dicapai pada setiap tahun. Ini menyebabkan perbandingan antara jumlah sasaran dan jumlah sebenar tidak dapat dilakukan. Sebaliknya prestasi hanya dianalisa menggunakan analisis *trend* berdasarkan jumlah sebenar tahun semasa berbanding jumlah sebenar tahun sebelumnya.

**Maklum Balas PGTSB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*Pihak pengurusan PGTSB telah membuat keputusan untuk menetapkan sasaran jumlah ketibaan pelancong dalam KPI mulai tahun 2018. KPI bagi tahun 2018 akan dibentangkan untuk kelulusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.*

Pada pendapat Audit, penetapan sasaran jumlah ketibaan pelancong dalam dapat memandu syarikat dalam merancang program-program dan menetapkan jumlah peruntukan yang mencukupi bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Di samping itu, sasaran jumlah ketibaan pelancong juga dapat membantu syarikat mengukur prestasi kejayaan program yang dilaksanakan pada setiap tahun.

**e. Pengurusan Perbelanjaan**

Kawalan perbelanjaan merupakan aspek penting pengurusan kewangan sesebuah organisasi. Kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang baik. Sistem kawalan dalaman yang baik perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan kewangan yang teratur antaranya perwakilan kuasa yang jelas untuk pegawai yang terlibat dengan proses pembayaran, penetapan had kuasa berbelanja, perincian dan pengasingan tugas serta pematuhan terhadap peraturan yang

ditetapkan. Bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 321 sampel baucar bayaran telah dipilih dan penemuannya adalah seperti berikut:

### i. Lantikan Terus

Mengikut SOP tahun 2009, jumlah perolehan bernilai RM10,001 sehingga RM50,000, minimum lima (5) sebut harga dipanggil dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Syarikat. Bagi perolehan RM50,001 sehingga RM200,000, perlu melalui proses sebut harga dan perolehan melebihi RM200,000 perlu melalui proses tender serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Manakala mengikut SOP baharu yang belum diluluskan dan diguna pakai mulai bulan April 2016, perolehan bernilai RM10,001 hingga RM200,000, sebanyak tiga (3) sebut harga perlu diterima dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah yang juga Exco Pelancongan Negeri. Bagi perolehan melebihi RM200,000, lima (5) sebut harga perlu dibentang dan diluluskan pada mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati 29 baucar berjumlah RM4.68 juta telah dibuat secara lantikan terus walaupun melebihi had lantikan terus yang dibenarkan seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.13  
PEROLEHAN SECARA LANTIKAN TERUS**

BUTIRAN	TAHUN						JUMLAH BESAR	
	2014		2015		2016			
	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)
Lantikan Terus	9	1,559,964	11	1,686,307	9	1,437,663	29	4,683,934
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>1,559,964</b>	<b>11</b>	<b>1,686,307</b>	<b>9</b>	<b>1,437,663</b>	<b>29</b>	<b>4,683,934</b>

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

### ii. Kelewatan Bayaran

SOP syarikat tidak menyatakan tempoh bayaran harus dibuat. Bagaimanapun mengikut amalan terbaik, pembayaran perlu dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima dokumen yang lengkap. Di samping itu, setiap bayaran hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan mendapat kelulusan sebelum bayaran dilakukan. Semakan Audit mendapati terdapat 80 baucar bayaran berjumlah RM6.25 juta lewat dibayar antara dua (2) dan 141 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.14  
KELEWATAN BAYARAN**

JENIS KETIDAKPATUHAN	TAHUN						JUMLAH BESAR	
	2014		2015		2016			
	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)	BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)
Kelewatan Bayaran	11	758,462	35	3,459,273	34	2,032,619	80	6,250,354

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

**iii. Pembayaran Mengguna Pakai SOP Yang Belum Diluluskan Oleh Lembaga Pengarah**

Selaras dengan peranan Lembaga Pengarah dalam meluluskan dasar dan peraturan syarikat, SOP yang hendak diguna pakai oleh PGTSB perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati, mulai bulan April 2016, PGTSB telah mengguna pakai SOP baharu walaupun masih belum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Semakan lanjut mendapati, sejumlah RM4.01 juta melibatkan 74 baucar telah dibayar mengikut SOP baharu yang belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah adalah seperti **Jadual 3.15**. Penggunaan SOP yang belum diluluskan menunjukkan pengurusan PGTSB tidak mengambil kira peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam meluluskan dasar dan peraturan syarikat.

**JADUAL 3.15  
BAYARAN MENGGUNA PAKAI SOP BAHARU YANG BELUM DILULUSKAN**

TAHUN 2016	
BIL BAUCAR	JUMLAH (RM)
74	4,010,090

Sumber: Penang Global Tourism Sdn. Bhd.

**Maklum Balas PGTSB yang Diterima pada 8 Februari 2018**

*Bagi menambah baik tempoh memproses bayaran, pengurusan PGTSB telah mengkaji semula SOP mengenai amalan terbaik pembayaran dalam tempoh 14 hari dan akan diambil kira dalam SOP baharu. Di samping itu, bayaran hanya dibuat setelah menerima dokumen yang lengkap dan kerja telah disiapkan. Mengenai baucar bayaran, sebanyak 21 baucar bayaran adalah melibatkan produk yang unik dan sebanyak lima (5) baucar bayaran melibatkan penganjur utama yang dipilih oleh Lembaga Pengarah. Di samping itu, terdapat dua (2) baucar bayaran melibatkan satu (1) pembekal yang mampu membekalkan khemah dalam kuantiti yang besar dan selebihnya, satu (1) baucar bayaran melibatkan pembekal yang*

*dicadangkan oleh pemegang lesen untuk memudah dan mempercepatkan proses.*

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap amalan terbaik mengenai tempoh pembayaran, mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah terhadap SOP yang baharu, pematuhan dalam peraturan perolehan dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah terhadap semua kontraktor yang dilantik dapat meningkatkan kecemerlangan tadbir urus syarikat. Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus syarikat adalah memuaskan.

### **3.7. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan PGTSB dapat dipertingkatkan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut diberi perhatian:

- 3.7.1. menambah baik KPI syarikat dengan menetapkan sasaran ketibaan pelancong pada setiap tahun bagi mengukur kejayaan program pemasaran pelancongan yang dijalankan;
- 3.7.2. mematuhi kaedah pelantikan kontraktor berdasarkan peraturan dalam SOP yang diluluskan oleh syarikat dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah terhadap pelantikan kontraktor;
- 3.7.3. memastikan semua perjanjian penganjuran acara termasuk yang disediakan oleh kontraktor mengandungi terma-terma perjanjian yang mencukupi untuk memelihara kepentingan syarikat seperti jaminan mutu, tanggungjawab kontraktor dan penamatan kontrak; dan
- 3.7.4. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

## **BAHAGIAN II**

**PENGURUSAN KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI NEGERI**



## **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **4. PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)**

#### **4.1. PENDAHULUAN**

4.1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaianya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

4.1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

4.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.1**  
**PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

#### **4.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)**

4.1.4.1. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

- a. Audit dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
- b. persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Audit; dan
- c. aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

4.1.4.2. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:

- a. klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri;
- b. persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
- c. setiap kriteria audit diberikan tahap risiko;

- d. tempoh pengauditan bagi Jabatan/Agensi yang dilaksanakan secara pusingan; dan
- e. format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

#### **4.1.4.3. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit**

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2  
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO**

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalam organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjelaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjelaskan operasi organisasi.

4.1.5. Memandangkan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2017 menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, hanya prestasi kewangan tahun 2017 sahaja dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan tiada perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 4.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 4.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 4.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 4.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **4.3. SKOP PENGAUDITAN**

4.3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan tujuh (7) Jabatan.

4.3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di dua (2) Agensi. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

#### **4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**


4.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

4.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkuatkannya ketepatan penemuan Audit.

## 4.5. PENEMUAN AUDIT


### 4.5.1. Prestasi Keseluruhan

4.5.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di sembilan (9) Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan dua (2) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, lima (5) Jabatan/Agensi pada tahap Baik dan dua (2) Jabatan/Agensi pada tahap Memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



4.5.1.2. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 4.2**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN/AGENSI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2017**



#### 4.5.2. Prestasi Jabatan/Agensi Negeri Mengikut Kawalan

4.5.2.1. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi tujuh (7) Jabatan Negeri mendapat tiga (3) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap Cemerlang, empat (4) kawalan berada pada tahap Baik dan satu (1) kawalan berada pada tahap Memuaskan seperti carta berikut:


**CARTA 4.3**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.2.2. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi dua (2) Agensi Negeri pula mendapati empat (4) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap Cemerlang, tiga (3) kawalan berada pada tahap Baik dan masing-masing satu (1) kawalan berada pada tahap Memuaskan dan Kurang Memuaskan seperti carta berikut:

**CARTA 4.4**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN AGENSI NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Nota: Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai elemen kawalan Pelaburan dan Pinjaman

### a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, kedua-dua Agensi mencapai tahap Cemerlang. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.5  
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria bagi Jabatan dan 51 kriteria bagi Agensi dalam Kawalan Pengurusan bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.6**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.3**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Carta Organisasi tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang		Boleh menyebabkan:  i. Orang awam tidak mendapat maklumat yang tepat tentang pegawai yang bertanggungjawab terhadap sesuatu tugas.
2.	Pusingan tugas tidak dilaksanakan.	i. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan		Boleh menyebabkan:  i. Pegawai selesa dengan tugas sedia ada yang dilaksanakan. ii. Membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud. iii. Ketua Jabatan tidak dapat mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan fraud.
3.	Tiada surat lantikan bagi wakil Ketua Jabatan yang menjalankan Pemeriksaan Dalaman mengikut AP 308.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut		Boleh menyebabkan:  i. Tiada bukti bahawa wakil tersebut memiliki kewajipan atau hak dalam pelaksanaan Pemeriksaan Dalaman.
4.	Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan		Boleh menyebabkan:  i. Tindakan pembetulan dan pencegahan tidak dapat diambil dengan segera dan boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
5.	Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Boleh menyebabkan:  i. Kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

### b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, kedua-dua Agensi mencapai tahap Cemerlang. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 4.7**  
**PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



Cemerlang      Baik  
Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria bagi Jabatan dan sembilan (9) kriteria bagi Agensi dalam Kawalan Bajet bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.8**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN**  
**RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:


**JADUAL 4.4**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN JABATAN	IMPAK
1.	Laporan Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai lewat dikemukakan ke Jabatan Kewangan Negeri.	i. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan:  i. Unjuran anggaran keperluan Aliran Tunai yang lewat dikemukakan boleh menjelaskan perancangan aliran tunai Kerajaan Negeri.
2.	Jumlah perbelanjaan di Laporan Penyata Prestasi Belanja Pembangunan tidak sama dengan jumlah perbelanjaan di Sistem Pemantauan Projek Negeri Pulau Pinang.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan:  i. Maklumat perbelanjaan yang dilaporkan tidak tepat. ii. Prestasi fizikal projek tidak tepat berbanding prestasi sebenar.
3.	Peruntukan yang diterima tidak dibelanjakan.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	Boleh menyebabkan:  i. Peruntukan diterima tidak dibelanjakan boleh menjelaskan penyampaian perkhidmatan Jabatan.
4.	Waran Pindah Peruntukan dikeluarkan sebelum mendapat kelulusan Jabatan Kewangan Negeri.	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan :  i. Perbelanjaan tanpa kelulusan. ii. Kawalan dalaman yang lemah.

Sumber: Jabatan Audit Negara


### c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Cemerlang manakala satu (1) lagi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria bagi Jabatan dan 39 kriteria bagi Agensi dalam Kawalan Terimaan bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.10**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN**  
**BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN TERIMAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.5**  
**KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Resit bagi terimaan melalui mel tidak dihantar selewat-lewatnya pada hari kerja berikutnya.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Boleh menyebabkan:  i. Resit tidak disediakan pada hari yang sama boleh menyebabkan hasil lewat diakaunkan.
2.	Resit Rasmi lewat dikeluarkan.	i. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	-	Boleh menyebabkan:  i. Boleh membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa dan <i>teeming and leading</i> .
3.	Tiada bukti semakan di Buku Tunai dengan Resit Rasmi oleh pegawai yang bertanggungjawab.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	-	Boleh menyebabkan:  i. Kesilapan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil yang membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa.
4.	Resit Rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberikan kuasa secara bertulis.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	-	Boleh menyebabkan:  i. Penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai. ii. Kawalan dalaman yang lemah.


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
5.	Pungutan lewat dibankkan.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	-	Boleh menyebabkan: i. Hasil lewat diakaunkan dengan tepat. ii. Ketirisan hasil kerajaan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik, dua (2) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan dua (2) Jabatan pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi berada pada tahap Cemerlang manakala satu (1) lagi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agenzi dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 4.11  
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria bagi Jabatan dan 49 kriteria bagi Agensi dalam Pengurusan Perolehan bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.12**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.6**  
**KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Perolehan tidak dilaksanakan secara Sebut Harga.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan:  i. pecah kecil perolehan; ii. perolehan tidak dibuat dengan pembekal berdaftar; dan iii. pembaziran dan penyelewengan dari aspek harga tidak kompetitif.
2.	<i>Integrity Pact</i> tidak disediakan/tidak lengkap.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut iv. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang v. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang		Boleh menyebabkan:  i. pegawai yang terlibat tidak terikat dengan temar <i>Integrity Pack</i> ; dan ii. salah guna kuasa.


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
3.	Kajian pasaran tidak dilaksanakan.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan :  i. harga yang diperoleh tidak munasabah dan bukan merupakan harga yang terbaik (menguntungkan); dan ii. pembekal yang sama dilantik.
4.	Kontrak ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan		Boleh menyebabkan:  i. Kerja-kerja yang dilaksanakan tergendala kerana bayaran [melebihi tiga (3) kali] tidak dapat dibuat kepada pembekal/kontraktor yang terbabit selagi kontrak belum ditandatangani.
5.	Surat Setuju Terima tidak ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa.	i. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang		Boleh menyebabkan:  i. Surat Setuju Terima tidak sah; ii. kontrak tidak sah; iii. <i>improper payment</i> ; dan iv. penyelewengan dan salah guna kuasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### e. Kawalan Perbelanjaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan masing-masing satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik dan Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi berada pada tahap Cemerlang manakala satu (1) lagi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.13**  
**PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi Jabatan dan 18 kriteria bagi Agensi dalam Kawalan Perbelanjaan bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.14**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**



iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.7  
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN**


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Baucar bayaran tidak dikepilkhan dengan dokumen sokongan yang lengkap.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan: i. Kelemahan kawalan dalam; dan ii. Kerugian, penyelewengan dan salah guna.
2.	Panjar Wang Runcit tidak digunakan mengikut maksud yang ditetapkan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan: i. kelemahan kawalan dalam Jabatan/Agensi.
3.	Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	i. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang ii. Majlis Perbandaran Seberang Perai	Boleh menyebabkan: i. Bekalan/kerja yang dilaksanakan oleh pembekal yang tidak berkelayakan; ii. Kerja/bekalan dilaksanakan sebelum kelulusan; dan iii. Mutu barang/perkhidmatan tidak mematuhi standard.
4.	Had kuasa yang ditetapkan dalam sistem SPEKS tidak selaras dengan had perwakilan kuasa yang dikeluarkan/KEW 290.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang iii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang		Boleh menyebabkan: i. Penyelewengan dan salah guna kuasa.
5.	Tiada bukti menunjukkan Laporan Pukal disemak dengan bil asal.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang		Boleh menyebabkan: i. Pembayaran dua (2) kali boleh berlaku yang menyebabkan kerugian wang awam.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit**

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik, satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Jabatan pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, kedua-dua Agensi berada pada tahap Cemerlang. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.15**  
**PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH**  
**DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



█ Cemerlang    █ Baik    █ Kurang Memuaskan    █ Tidak Memuaskan  
 Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi Jabatan dan 24 kriteria bagi Agensi dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi sembilan (9) Jabatan/Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.16**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.8  
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/  
AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN JABATAN	IMPAK
1.	Bayaran balik pendahuluan tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ii. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan:  i. Kawalan dalaman yang lemah; dan ii. Kehilangan hasil.
2.	Tiada pewartaan bagi deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	Boleh menyebabkan:  i. Tiada pemantauan; dan ii. Risiko salah guna
3.	Terdapat perbezaan baki di Penyata Penyesuaian Akaun Amanah.	Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan:  i. Baki akaun amanah yang dilaporkan tidak tepat dan kelemahan kawalan dalaman.
4.	Sijil Pengesahan Baki Bulanan dan Penyata Penyesuaian tidak dikemukakan kepada JKN pada setiap bulan.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	Boleh menyebabkan:  i. Kesilapan (sekiranya ada) tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan penambahbaikan/pembetulan tidak/lewat diambil.
5.	Rekod kecil deposit tidak diselenggarakan.	Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan:  i. Deposit tidak menggambarkan amaun sebenar; dan ii. Semakan kepada Akaun Utama tidak dapat dibuat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **g. Pengurusan Aset dan Stor**


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik, tiga (3) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, Pengurusan Aset dan Stor merangkumi Pengurusan Kenderaan. Satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan manakala satu (1) lagi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.17**  
**PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria bagi Jabatan dan 98 kriteria bagi Agensi dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi sembilan (9) Jabatan/Agenzi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.18**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**



iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9  
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pemeriksaan aset tidak dilaksanakan secara menyeluruh.	i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang  ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan  iii. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut  iv. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	i. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang  ii. Majlis Perbandaran Seberang Perai	Boleh menyebabkan:  i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan; dan  ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan.
2.	Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah lewat didaftarkan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang  iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang  iv. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	-	Boleh menyebabkan:  i. Aset hilang dan boleh disalah guna.  ii. Maklumat aset tidak tepat.
3.	Aset diterima oleh Pegawai Penerima yang tidak dilantik secara bertulis.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Boleh menyebabkan:  i. Aset tidak diterima oleh pegawai yang diberi kuasa.  ii. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku ketidakpatuhan semasa penerimaan aset.
4.	Penerimaan aset teknikal tidak dijalankan pemeriksaan oleh pegawai berauliah.	i. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang  ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	-	Boleh menyebabkan:  i. Berkemungkinan kerosakan aset tidak dapat dikenal pasti dengan segera kerana pegawai tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut dan menyebabkan kerugian.
5.	Mesyuarat JKPAK tidak membincangkan kesemua isu yang ditetapkan oleh pekeliling.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	-	Boleh menyebabkan:  i. Isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan berada pada tahap Baik dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Memuaskan. Pengurusan Kenderaan dinilai bersekali dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi Agensi Negeri. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Pengurusan Kenderaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.19  
PENCAPAIAN PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN BAGI TAHUN 2017**



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan bagi tujuh (7) Jabatan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.20**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN**  
**RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.10**  
**KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN JABATAN	IMPAK
1.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disediakan/dikemas kini.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ii. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang v. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut vi. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan: i. Rekod penggunaan tidak disemak oleh Ketua Jabatan; dan ii. Salah guna kad inden minyak.
2.	Tiada tindakan diambil terhadap saman tertunggak.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan: i. Peningkatan jumlah saman; dan ii. Kerajaan perlu tanggung pembayaran saman jika terlalu lama tertunggak dan pegawai tidak lagi berkhidmat.
3.	Penyata penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit tidak dicetak dan disemak oleh Pegawai Kenderaan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan: i. Salah guna kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR).

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN JABATAN	IMPAK
4.	Penyata Pembelian/Penyata Kad Inden Minyak tidak disemak dengan resit pembelian minyak.	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan: i. Tiada pengesahan sebelum bayaran dilakukan; ii. Salah guna kad inden minyak; dan iii. Kerugian akibat pembayaran yang tidak wajar.
5.	Kad Inden Minyak disimpan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.	Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang	Boleh menyebabkan: i. Salah guna pembelian minyak; dan ii. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan kad.

Sumber: Jabatan Audit Negara

### i. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, Majlis Perbandaran Seberang Perai mencapai tahap Cemerlang dengan markah penuh 100% dan memenuhi 25 kriteria yang ditetapkan. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang tidak terlibat dengan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman.

### j. Penyata Kewangan

i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Cemerlang manakala satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 4.21**  
**PENCAPAIAN PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2017**



█ Cemerlang      █ Memuaskan  
Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Penyata Kewangan bagi dua (2) Agensi adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.22**  
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN**  
**RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENYATA KEWANGAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.11**  
**KELEMAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN AGENSI	IMPAK
1.	Proses kelulusan dalam talian masih belum dilaksanakan.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	<p>Boleh menyebabkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyata kewangan yang dijana tidak mematuhi standard perakaunan.</li> <li>ii. Risiko penyata kewangan tidak tepat dan kemas kini.</li> <li>iii. Kehilangan data/rekod dan tambahan kos untuk penambahbaikan sistem.</li> </ul>
2.	Kemudahan perbankan elektronik bagi urusan pembayaran dan penerimaan masih belum digunakan.		
3.	Penyata Bank masih belum dimuat naik dalam sistem bagi penyediaan Penyata Penyesuaian Bank.		
4.	Sistem tidak berupaya untuk menyimpan data dalam pangkalan data bagi tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun.		
5.	Tidak mempunyai Pelan Pemulihan Bencana bagi sistem perakaunan dan kewangan.		

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **4.6. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2017 berada pada tahap Baik berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu mempertingkatkan dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 4.6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 4.6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 4.6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- 4.6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjadikan imej Kerajaan;
- 4.6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- 4.6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- 4.6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius; dan

4.6.8. Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

## PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI

### 5. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

5.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

5.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

5.3. Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengaudit tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengaudit kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agenzi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agenzi.

5.4. Pada tahun 2017, Pengauditan Mengejut telah dijalankan terhadap 12 Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri. Hasil pengauditan mendapati satu (1) Jabatan iaitu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah telah mematuhi semua peraturan dan prosedur utama berkaitan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, 11 Jabatan/Pejabat lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ketua Jabatan/Pejabat Negeri yang berkaitan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Antara hasil penemuan Pengauditan Mengejut yang dijalankan pada tahun 2017 adalah seperti dijadual berikut:

**JADUAL 5.1**  
**PENEMUAN AUDIT HASIL PENGAUDITAN MENGEJUT BAGI TAHUN 2017**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
1.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Butiran baucar bayaran Panjar Wang Runcit tidak direkodkan dalam Bukut Tunai dengan lengkap dan Buku Tunai Panjar tidak diselenggara;</li> <li>ii. Tiada kelulusan bagi menyelenggara Akaun Panjar;</li> <li>iii. Kod kombinasi peti besi dipegang oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis; dan</li> <li>iv. Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan bagi panjar khas.</li> </ul>
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Seberang Perai Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Baucar bayaran tidak dicap 'Telah Bayar' bagi setiap helaian baucar;</li> <li>ii. Bil lewat dijelaskan melebihi tempoh yang ditetapkan; dan</li> <li>iii. Buku Vot tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh pegawai penyelia.</li> </ul>
3.	Pejabat Agama Daerah Timur Laut	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem; dan</li> <li>ii. Penurunan kuasa bagi pegawai yang bertanggungjawab terhadap peti besi/bilik kebal tidak dibuat oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>
4.	Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sekali.</li> </ul>
5.	Jabatan Kerja Raya Daerah Timur Laut	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut;</li> <li>ii. Baki fizikal Wang PWR tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR;</li> <li>iii. Baucar bayaran tidak direkodkan dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap;</li> <li>iv. Tiada perwakilan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang terlibat dengan kutipan;</li> <li>v. Akses pegawai yang telah bertukar masih belum dibatalkan dalam sistem;</li> <li>vi. Tiada pengesahan dibuat oleh Ketua Jabatan bagi semua terimaan dan pengeluaran setem pos mesin franking;</li> <li>vii. Peti besi/bilik kebal tidak mempunyai anak kunci/kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua (2) orang pegawai yang bertanggungjawab;</li> <li>viii. Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sekali dan tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut; dan</li> <li>ix. Bil tidak dicap tarikh terima.</li> </ul>
6.	Pejabat Rancangan Perumahan Taman Tun Sardon	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Buku Resit tidak dikeluarkan secara bersiri mengikut turutan;</li> <li>ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; dan</li> <li>iii. Peti besi boleh diakses oleh pegawai yang membuat pungutan</li> </ul>

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
7.	Pejabat Rancangan Perumahan Kampung Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan tidak direkodkan dengan segera ke dalam Buku Tunai;</li> <li>ii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit tidak dipamerkan; dan</li> <li>iii. Tiada pengasingan tugas antara pegawai yang menerima kutipan dan menandatangani resit.</li> </ul>
8.	Pejabat Rancangan Perumahan Mak Mandin	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi terimaan melalui pos;</li> <li>ii. Peti besi dibuka oleh pegawai yang tidak dilantik secara bertulis;</li> <li>iii. Tiada surat kuasa dikeluarkan kepada pegawai yang membatalkan resit; dan</li> <li>iv. Tiada pengasingan tugas antara pegawai yang menerima kutipan dan menandatangani resit.</li> </ul>
9.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Seberang Perai Utara	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Mel tidak diselenggara bagi terimaan melalui pos; dan</li> <li>ii. Daftar Setem tidak disediakan.</li> </ul>
10.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggara;</li> <li>ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama Salinan pejabat;</li> <li>iii. Stok resit rasmi, lesen dan borang lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal; dan</li> <li>iv. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit tidak dipamerkan.</li> </ul>
11.	Bahagian Penguatkuasa Veterinar Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bil yang diterima tidak dicap tarikh terimaan bagi tujuan pemantauan bayaran.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri boleh dipertingkatkan. Ketua pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 5.5.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

- 5.5.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 5.5.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 5.5.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 5.5.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 5.5.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 5.5.7. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



# PENUTUP



# PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**12 Jun 2018**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2018  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773







JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**